

Bil. 26

**Isnin
14 Disember 2015**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2016	(Halaman	20)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	33)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan*
11. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
12. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
13. “ Puan Hajah Azizah Binti Haji Harun (Dilantik)
14. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
15. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
16. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
17. “ Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
18. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan
Masyarakat*
19. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
20. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
21. “ Tuan Chong Sin Woon
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
22. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
23. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
24. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
25. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
26. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
27. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
28. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
29. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)

32. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. “ Dato’ Khairudin bin Samad (Dilantik)
34. “ Tuan Koh Chin Han (Melaka)
35. “ Dato’ Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
41. “ Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
44. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Bin Tun Said Keruak
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
45. “ Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
46. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
47. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
48. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
49. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
50. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
51. “ Datuk Paul Low Seng Kuan
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
52. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
53. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
54. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
55. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
56. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
57. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
58. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
59. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
60. ” Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
61. “ Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
62. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
63. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
64. ” Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
65. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
66. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara

Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh

Yoogeswari A/P Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Nurul Fadhillah binti Ibharim

Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 14 Disember 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Saya ingin menarik perhatian semua ahli Yang Berhormat, selepas pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini, Dewan akan bermula dengan menjawab perbahasan belanjawan daripada pihak kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya berharap semua Ahli Yang Berhormat, siapa yang tidak ada hal ataupun telah pun mendapat izin daripada saya, sila berada di dalam Dewan supaya Yang Berhormat boleh mengetahui, mengikuti jawapan-jawapan yang akan diberi oleh Menteri-Menteri.

Andai Yang Berhormat tidak ada, mungkin saya akan arahkan kementerian-kementerian boleh *skip* ataupun langkauan, dan akan berikan jawapan secara bertulis. Akan tetapi saya ingin kalau boleh semua sekali mesti berada dalam Dewan. Sekian terima kasih. Saya mulakan dengan pertanyaan pertama. Silakan Yang Berhormat Puan Shahanim.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Soalan saya nombor 1.

1. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, langkah strategik bagi menaik taraf institusi pendidikan GIATMARA selari dengan hasrat kerajaan yang sedang memperkasakan pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan pendidikan Latihan Vokasional dan juga teknikal ataupun TVET maka sudah tentu GIATMARA turut diberi peranan yang besar untuk merealisasikan hasrat kerajaan. Maka beberapa perancangan strategik telah dirancang dan dilaksanakan. Antaranya adalah seperti berikut, pemantapan program sedia ada, maknanya program-program yang sedang dijalankan di GIATMARA seluruh negara akan dimantapkan lagi dan akan diperkembangkan lagi.

Tahap persijilan pelatih GIATMARA akan dipertingkatkan daripada program latihan kemahiran Tahap 1 kepada Sijil Kemahiran Tahap 3 melalui pentauliahkan ke atas program induk GIATMARA. Melalui pentauliahkan ini pelatih boleh mengikuti latihan hingga ke peringkat Sijil Kemahiran Malaysia SKM Tahap 3, dan pihak kementerian sedang merangka suatu kajian yang khusus untuk membolehkan pelatih-pelatih ini, selepas daripada Tahap 3, kita akan sediakan Tahap 4, 5, 6, 7 dan 8.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sampai ke Tahap 8, maknanya kita akan menaja ataupun membiayai mereka hingga ke peringkat PhD. di dalam bidang-bidang tertentu kemahiran ini. Di samping memperoleh Sijil Profesional GIATMARA (SPGM), apabila tamat latihan, perkara ini selari dengan peranan GIATMARA membangunkan guna tenaga berkemahiran bagi memenuhi permintaan pasaran dan industri di dalam negara ini. Kita sedar permintaannya amat tinggi terhadap bidang-bidang kemahiran ini. Bermula Julai 2015, GIATMARA telah memulakan program diploma dengan mengadakan kerjasama dengan Institut Kemahiran MARA (IKM) bagi kursus pendawaian elektrik, bagi pelatih yang layak dengan pengambilan pertama seramai 32 orang pelajar.

Program ini memberi peluang kepada pelatih GIATMARA meningkatkan tahap pendidikan mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan juga GIATMARA sedang dalam usaha menyediakan struktur fizikal secara kondusif melalui pembelian atau membina semula bangunan baru untuk GIATMARA di seluruh negara supaya selari dengan program yang dilaksanakan oleh GIATMARA. Ini kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, banyak dari premis-premis GIATMARA masih lagi menyewa ataupun setengahnya berada dalam keadaan yang tidak kondusif.

Maka satu langkah telah diambil oleh pihak kerajaan dan kementerian, untuk mengenal pasti tempat-tempat yang perlu kita bina premis baru yang menjadi milik sendiri oleh pihak GIATMARA. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, penggunaan teknologi terkini meliputi peralatan baru yang menepati kehendak industri yang boleh menjana pendapatan tinggi negara juga turut menjadi keutamaan GIATMARA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya difahamkan seramai 33.3 juta tenaga kerja mahir disasarkan pada tahun 2020. Jadi, berapa jumlah tenaga kerja mahir GIATMARA boleh bekalkan kepada negara kita? Dan saya juga maklum bahawa GIATMARA mempunyai 55 bidang termasuk 12 modul kluster disediakan. Akan tetapi masalah sekarang ialah kebanyakan bidang yang disediakan tidak menepati kehendak pasaran dan kurang menghasilkan tenaga kerja mahir. Jadi, sejauh manakah dakwaan itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat untuk soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini GIATMARA sebenarnya menawarkan 39 kursus di bawah 12 kluster sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu mekanikal, seni bina, pengangkutan, pembuatan, percetakan, elektrik, komputer dan IT, fabrik, macam-macam lagi, kulinari, *hair dressing*, kosmetologi dan banyak lagi kalau kita hendak sebutkan di sini di 231 GIATMARA yang terdapat di seluruh negara.

Setiap tahun sebenarnya GIATMARA telah melahirkan seramai 20,000 orang pelatih di seluruh negara yang menjadi pelengkap kepada keperluan guna tenaga mahir negara di samping ada di kalangan mereka ini yang sudah pun berjaya menjadi usahawan-usahawan. Ada yang di peringkat permulaan, ada yang sudah berjaya, ada yang sedang dalam latihan.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat, RM3.3 juta, ia bukanlah menjadi tanggungjawab GIATMARA semata-mata. Terdapat juga beberapa buah institusi latihan yang disediakan di bawah kementerian-kementerian lain untuk merealisasikan hasrat kerajaan menjelang 2020 untuk menyediakan tenaga mahir dan kebolehpasaran kerja pada angka yang begitu besar.

Juga untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dengan industri dan juga agensi swasta juga kita jalankan bagi memastikan kebolehpasaran yang dimaksudkan tadi yang melibatkan pelatih GIATMARA dan sekarang ini berada pada kedudukan yang terbaik. Sehingga Oktober 2015, kebolehpasaran pelatih-pelatih GIATMARA berada pada tahap 84 peratus dan kita akan cuba untuk mempertingkatkan peratusan ini.

Juga Tuan Yang di-Pertua saya hendak jelaskan di sini, kita juga telah menyedari hakikat seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator sekejap tadi, menyedari hakikat ini maka kita berusaha untuk mewujudkan bidang-bidang baru yang kita tengok dalam pasaran amat perlu kerana kita tahu kita banyak mengimport tenaga-tenaga mahir dari luar, dan ini merugikan negara daripada pelbagai sudut.

Antara bidang baru yang contohnya kita akan wujudkan dalam kadar segera ialah kursus *stage* ataupun *personnel broadcasting*, dengan izin, di GIATMARA Segambut dan juga di Pasir Gudang dan kita akan melihat di GIATMARA lain yang mempunyai bangunan-bangunan yang sesuai, bangunan yang besar yang boleh kita memperluaskan lagi kursus-kursus ini. *InshaaAllah* dalam masa terdekat ini pihak kementerian sedang mengenal pasti untuk kita lakukan dalam kadar yang segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ialah sejauh mana pencapaian TVET ini dilakukan oleh GIATMARA dan kebergantungan kepada pekerja asing ini, jangka masa bila kita tidak pakai pekerja asing ini yang mana kita tahu bahawa daripada segi gaji pekerja asing ini lebih tinggi berbanding dari TVET yang kita latih ini. Maknanya, kita bukan mengharapkan Sijil Kemahiran- diploma tetapi mereka ini kebolehpasaran pekerjaan berimpak tinggi, berkebolehan tinggi.

Bukan saja memiliki sehelai sijil tetapi bila berada dalam pasaran industri dan sebagainya, mereka ini tidak boleh bersaing dengan pekerja-pekerja asing yang kita import dari luar negara, dan apa langkah kementerian mengurangkan bila mana kebolehpasaran daripada GIATMARA ini dilahirkan nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Inilah, kerajaan cukup sedar sebab itulah dalam belanjawan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan telah pun mengumumkan sejumlah peruntukan kepada GIATMARA dalam usaha untuk melahirkan pelatih-pelatih yang mampu untuk bersaing di pasaran terbuka. Seperti yang saya maklum tadi Yang Berhormat, 84 peratus ini kita tidak puas hati. Kalau boleh kita hendak lebih. Sasaran kita hendak lebih dan mustahil untuk kita hendak capai pelatih yang kita lahirkan daripada GIATMARA 20,000 setahun ini ke tahap 100 peratus tetapi sekurang-kurangnya kita mencecah angka 90 peratus kebolehpasaran kerja ini ke atas.

Saya bersetuju bahawasanya kerajaan amat rugi. Gaji mahal dan juga apabila pekerja asing yang mahir ini datang, apabila gaji mahal, mereka menghantar pulang wang ke negara masing-masing. Maka atas dasar kesedaran itulah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri telah meluluskan RM34 juta dalam proses pemerksaan GIATMARA dan seperti yang saya sebutkan juga tadi Tuan Yang di-Pertua, GIATMARA bukanlah satu-satunya ya institusi latihan untuk mengeluarkan tenaga mahir.

Banyak kementerian lain juga yang ada institusi-institusi latihan seperti di Kementerian Belia dan Sukan pun ada. Banyak sudut dan cabang yang kita boleh lahirkan pelatih-pelatih mahir ini dan *inshaaAllah* sekiranya kesedaran ini kita tingkatkan, maka semua di kalangan kita, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semua memainkan peranan untuk memberikan kesedaran kepada rakyat dan masyarakat bahawasanya GIATMARA ini bukan tempat belajar kelas kedua ataupun kelas ketiga, bukan ya.

Mereka mesti menganggap ini adalah salah satu daripada cabang rezeki mereka yang kadangkala, bukan kadangkala, sebenarnya mereka boleh mempunyai pendapatan yang lebih daripada *degree holder* yang keluar daripada universiti, jadi penjawat awam. Ada di kalangan mereka ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, mencecah gaji sehingga RM15,000, RM16,000 di dalam bidang *welding* dan sebagainya.

Ini adalah suatu perkara yang amat membanggakan kita apabila ada rakyat kita yang sudah mencapai tahap gaji yang begitu tinggi di dalam bidang kemahiran dan kita ternyata ia tidak mencukupi dan *inshaaAllah* kita akan cuba mempertingkatkan daripada semasa ke semasa dan kita juga berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menambah peruntukan bagi menambahkan usaha kita ini untuk belanjawan tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Datuk Ng Chiang Chin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, perbelanjaan yang digunakan untuk menganjurkan Sukan Malaysia dan sama ada perbelanjaan ini menemui sasaran dan objektifnya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan untuk penganjuran Sukan Malaysia beza mengikut negeri yang menjadi tuan rumah. Ini adalah kerana jumlah peruntukan adalah bergantung kepada kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada dan pembinaan fasiliti yang baru di negeri tersebut. Pada kebiasaannya, negeri yang menjadi tuan rumah akan memohon peruntukan terus kepada Kementerian Kewangan. Walaupun Kementerian Belia dan Sukan akan membantu tetapi negeri yang terlibat akan memohon peruntukan terus daripada Kementerian Kewangan bagi pembinaan dan naik taraf *venue* sukan yang dikenal pasti.

Penganjuran temasya Sukan Malaysia yang mula dianjurkan sejak tahun 1986 terbukti berjaya mencapai objektif yang ditetapkan daripada segi pembangunan atlet serta pembangunan kemudahan sukan. Daripada segi pembangunan atlet, Sukan Malaysia telah berjaya mencungkil serta mengenal pasti bakat-bakat muda yang berpotensi dalam pelbagai bidang sukan di seluruh negara. Atlet-atlet ini juga seterusnya diberikan latihan dan pendedahan di bawah seliaan Majlis Sukan Negara ke arah persediaan atlet-atlet tersebut mewakili negara di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi pembangunan kemudahan sukan, penganjuran temasya Sukan Malaysia ini membolehkan setiap negeri mendapat peluang untuk membina atau menaik taraf kemudahan sukan mereka.

■1020

Ini adalah kerana fungsi pengelolaan Sukan Malaysia adalah secara pengaliran tuan rumah setiap dua tahun sekali dalam memastikan stadium negeri di Malaysia mempunyai kemudahan sukan yang akan digunakan bagi melaksanakan program pembangunan di peringkat akar umbi. Antara generasi atlet-atlet yang dilahirkan melalui temasya sukan Malaysia boleh saya sebutkan di sini adalah seperti Datuk Nicol Ann dari Pulau Pinang, Datuk Lee Chong Wei dari Pulau Pinang, dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Sukan Malaysia kita dapat melahirkan atlet-atlet yang bertaraf antarabangsa yang sedang dan akan mengharumkan nama negara di arena antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu baik. Soalan tambahan saya berkisar atas dasar bagaimana Sukan Malaysia yang dianjurkan sekian lama ini sama ada dapat mencungkil bakat baru? Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan berapakah perbelanjaan dan kejayaan ke arah matlamat sedemikian? Terima kasih.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini, Sukan Malaysia telah berjaya menggerakkan pembangunan sukan, khususnya di peringkat akar umbi serta mendapat perhatian oleh kerajaan-kerajaan negeri. Kerajaan negeri telah mengadakan peruntukan khas, khususnya kepada majlis sukan negeri masing-masing dalam pembangunan sukan serta penyediaan kontinjen.

Akan tetapi peruntukan ini terpulung kepada negeri-negeri yang menganjurkan dengan kemudahan-kemudahan yang sedia ada atau pun kemudahan-kemudahan yang perlu ditambah baik. Maka, peruntukan ini akan berbeza di setiap negeri. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini, Sukan Malaysia telah berjaya melahirkan atlet-atlet bukan sahaja di negara kita tetapi atlet-atlet lebih bertaraf antarabangsa. Seperti mana yang saya sedia maklum kepada Dewan yang sebelum ini, atlet-atlet yang bertaraf antarabangsa seperti Datuk Nicol Ann, Datuk Lee Chong Wei, Bryan Nickson Lomas dari Sarawak, Pandalela Renong dari Sarawak- sukan renang, Wilsom Sim dari Sarawak dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi untuk soalan tambahan. Saya juga hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Majlis Sukan Negara. Oleh sebab kita sedia maklum bahawasanya melalui Sukan Malaysia atau SUKMA ini, ramai atlet bertaraf antarabangsa dan dunia telah dapat kita cungkil dan kita lahirkan.

Namun demikian, ada satu perkara yang saya tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri. Kebetulan SUKMA pada tahun hadapan akan diadakan di Sarawak Bumi Kenyalang. Jadi, apakah ada langkah-langkah yang sedang diurus oleh pihak Kementerian khususnya atau berbincang dengan syarikat-syarikat penerbangan? Terutamanya seperti *Malaysia Airlines* atau *AirAsia* bagi boleh mereka mengeluarkan sedikit bantuan atau membuatkan sedikit subsidi tambang bagi membolehkan kontinjen-kontinjen yang datang dari negeri di Semenanjung ini supaya boleh menghantar jumlah atlet yang ramai.

Ini kerana saya difahamkan menjadi kekangan kepada peringkat Majlis Sukan Negeri-negeri untuk menghantar jumlah atlet yang ramai untuk mengambil bahagian di SUKMA Sarawak kerana melibatkan kos penerbangan yang agak tinggi. Mungkin ini boleh merugikan sedikit peluang atlet-atlet yang berkemampuan untuk mengambil bahagian dan hanya yang ada prospek pingat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang dibenarkan untuk mengambil bahagian. Jadi, mungkin sebelum ia terlambat, benda masih lagi dalam proses penyediaan di peringkat negeri-negeri. Jadi, adakah langkah-langkah tertentu yang boleh disusun oleh pihak Kementerian supaya syarikat penerbangan ini memberikan konsesi yang tinggi kepada setiap negeri yang mengambil bahagian? Jadi, mohon pandangan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Tuan Yang di-Pertua, kebetulannya keputusan memilih negeri di bawah Majlis Sukan Negara di mana mana-mana negeri dipilih sebagai tuan rumah mengikut infrastruktur yang sedia ada sama ada negeri itu boleh menganjurkan Sukan Malaysia atau tidak.

Yang kedua, pemilihan adalah melalui *bidding* di mana negeri-negeri yang layak akan dipilih. Apabila negeri-negeri kita mengambil keputusan negeri yang layak setelah mengambil kira kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Maka, daripada segi kemudahan-kemudahan sedia ada, negeri Sarawak memang layak untuk mengadakan atau pun menganjurkan sebagai tuan rumah Sukan Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kewangan akan memberi bantuan tambahan untuk memastikan kemudahan-kemudahan sedia ada ini mencukupi untuk menjalankan SUKMA Malaysia. Pada masa yang sama, Kementerian juga menyedari kos yang begitu tinggi daripada segi *transportation cost* untuk atlet-atlet dari negeri-negeri lain ke Sarawak, maka perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan sedang dilakukan. Sebagai kerajaan atau pun Kementerian yang prihatin, Kementerian menyedari beban atau pun kekangan persatuan-persatuan sukan di peringkat negeri dan kebangsaan, maka Kementerian Belia dan Sukan telah pun mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan untuk memastikan kita mengurangkan kos atau pun beban atlet-atlet kita. Terima kasih.

3. Datuk Hamzah bin Mohd Kasim minta Menteri Pendidikan menyatakan, jumlah tunggakan hutang kerajaan kepada kontraktor yang telah menyiapkan sekolah, tetapi masih belum mendapat bayaran pada berakhir 31 Disember 2014.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada 465,674 orang pelajar PT3 yang akan pergi ke sekolah untuk mendapatkan keputusan mereka. Saya berdoa agar mereka mendapat keputusan cemerlang demi masa depan mereka. Di Selangor juga keputusan akan dikeluarkan pada hari ini walaupun hari ini cuti umum di negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mempunyai hutang dengan mana-mana kontraktor kerana hutang merupakan bayaran yang perlu dibayar tetapi tidak dibayar, definisinya. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mempunyai obligasi untuk membuat pembayaran apabila perolehan kerja selesai dilaksanakan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tuntutan diterima dengan lengkap dan sempurna seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103 dan Peraturan-peraturan Kewangan yang berkuat kuasa.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tuntutan kontraktor bagi projek-projek Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilaksanakan secara konvensional melalui pihak perunding. Pihak perunding bertanggungjawab menilai kerja-kerja pembinaan yang telah dilaksanakan dan mengemukakan dokumen tuntutan bayaran seperti borang perakuan bayaran JKR 66 yang telah ditandatangani oleh perunding, dokumen kontrak dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hamzah bin Mohd Kasim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya yang kedua adalah bersangkutan dengan yang disampaikan oleh kontraktor-kontraktor di peringkat bawah. Sering didengar bahawa terdapat bayaran-bayaran yang dibayar lewat kepada mereka. Jadinya, maksud bayaran-bayaran yang tadi adalah seperti berikut:

- (i) bayaran pendahuluan ini sememangnya dijelaskan pada mula-mula setelah menandatangani kontrak;
- (ii) bayaran kemajuan kerja;
- (iii) bayaran akhir kerja; dan
- (iv) bayaran wang tahanan kerja.

Apa yang sering didengar daripada kontraktor-kontraktor adalah berlaku kelewatan kepada bayaran kemajuan kerja. Maka, apabila berlaku kelewatan kepada bayaran kemajuan kerja ini, maka sudah pastilah kontraktor-kontraktor, terutamanya kontraktor-kontraktor bumiputera yang sedikit kurang modal akan menghadapi cabaran aliran tunai untuk melaksanakan kerja.

■1030

Setelah berlaku perkara sebegini, maka melalui perjanjian kontrak, ia akan diberi amaran dan sekiranya amaran ini tidak dapat dipatuhi oleh kontraktor-kontraktor tersebut, maka sudah pasti mereka akan dikenakan denda. So, sekiranya perkara ini berlaku, maka sudah pasti akan menyukarkan kontraktor-kontraktor ini untuk meneruskan kerja mereka mengikut perjanjian dan akhirnya ramai di antara kontraktor-kontraktor yang telah pun diberhentikan daripada kerja-kerja yang ditawarkan.

So, jadinya pertanyaan saya ialah bagaimanakah caranya kementerian dapat membantu kontraktor-kontraktor terutamanya kontraktor bumiputera untuk melancarkan aliran wang tunai mereka supaya mereka akan terus dapat menjayakan kontrak-kontrak yang ditawarkan? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Seperti mana yang telah saya maklumkan sebentar tadi, pihak Kementerian Pendidikan tidak akan melewatkan pembayaran. Kita ada KPI kita, dalam beberapa hari harus kita selesaikan. Akan tetapi, walau apa pun pembayaran, kita akan mendapat ulasan daripada perunding dan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja mengikut skop kerja, maka perunding tidak akan memberikan ulasan yang baik kepada kita. Mereka akan membetulkan skop kerja.

Biasanya penilaian ini tidak akan- bukan kita dibuat, kita buat perunding. Perunding ini perunding yang dilantik oleh Kementerian Kewangan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sekiranya ada berlaku perbezaan daripada skop asal dan skop yang diselesaikan, maka pasti penilai atau jururunding kita tidak akan memberi dokumen-dokumen yang dilengkapkan.

Bagi Kementerian Pendidikan, sekiranya ada masalah- soalan Yang Berhormat ialah bagaimana kementerian dapat membantu. Kementerian sentiasa membuka pintu dan sedia berbincang dengan kontraktor-kontraktor untuk memberi nasihat kepada mereka bagaimana mereka boleh menepati syarat-syarat yang telah dikenakan. Kita tidak mahu terlibat apabila kontraktor diberi kerja dan kerja tak dapat disiapkan dan kerjanya *low standard*, dengan izin, kerana ini kena-mengena dengan sekolah dan sekolah ini tempat anak-anak kita belajar. Aspek yang mana ini bukan sahaja akan menyusahkan kontraktor bumiputera malah kontraktor sesiapa pun akan mendapat masalah ini.

Maka, di Kementerian Pendidikan, kita sentiasa rela memberi panduan dan juga nasihat kepada kontraktor-kontraktor bagaimana mereka dapat mengikuti skop-skop dan melaksanakan kerja mereka tanpa sebarang masalah. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sehubungan dengan kontraktor, ada juga pengusaha-pengusaha kantin sama ada di sekolah-sekolah berasrama ataupun tidak berasrama.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah *guideline* daripada kementerian berhubung dengan pengusaha-pengusaha ini? Ini kerana kita lihat setengah daripada sekolah-sekolah khususnya berasrama penuh, pengusaha-pengusaha dari luar kawasan, kadang-kadang dari luar negeri terus. Contohnya, Sekolah Berasrama Penuh Teroi, Kedah diberi kepada pengusaha dari Perak. Tentu sekali bila mereka ini datang dari jauh, kosnya meningkat dan mereka terpaksa mengurangkan di setengah-setengah bahagian dalam pembekalan makanan tersebut.

Soalan saya, satu, apakah polisi berhubung dengan perkara ini? Kedua, adakah kementerian tidak boleh mencadangkan supaya anak-anak tempatan atau *local people*, dengan izin, dibenarkan ataupun diberi kebenaran untuk mengoperasikan kantin-kantin tersebut? Daripada kita bagi kepada orang luar yang tentu sekali akan meningkatkan kosnya kerana mungkin logistik dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi.

Yang Berhormat, memang menjadi garis panduan kita apabila kerja-kerja di sesebuah sekolah itu di negeri masing-masing, kita memberi peluang dan keutamaan kepada kontraktor-kontraktor anak-anak tempatan, pengusaha-pengusaha tempatan. Memang itu lumrahnya. Itu yang kita laksanakan dan kita akan teruskan. Di mana-mana. Memang dalam syarat-syarat apabila dibuat perundingan apabila mereka mengambil bahagian, antara syarat-syaratnya ialah mereka harus menjadi seorang anak tempatan di sana. Akan tetapi sekiranya tiada permohonan daripada sesiapa dari kawasan itu, mungkin kita akan beri kepada yang lain. Itu hanya berlaku sekiranya ada keperluannya.

Dalam bab ini, saya tidak dapat menjawab soalan secara spesifik tentang Sekolah Asrama Teroi di Kedah kerana ini spesifik. Saya akan menyiasat apa sebenarnya berlaku. Akan tetapi, ada juga keadaan-keadaan yang mana kita beri pengusaha kantin ini memang pengusaha tempatan tetapi dia tidak membuat kerja di sana, diberi kepada orang lain, orang lain membuat kerja. Kita memantau juga kerana kita tidak akan membenarkan konsep ini dilaksanakan kerana kita beri kepada mereka yang layak dan mereka tidak bolehlah memberikan kontrak ini kepada yang lain untuk membantu mereka kerana ada juga situasi yang mungkin pengusaha kantin ini ada beberapa buah kantin. Itu pun kita cuba kurangkan.

Walau apapun Yang Berhormat, tentang Sekolah Asrama Teroi, Kedah ini, saya akan siasat dan akan beri maklumat ini kepada Yang Berhormat tetapi saya ambil maklum cadangan-cadangan yang diberi, memang ada dalam KPI kita ataupun *standard operating procedure*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada bahawa kita beri keutamaan kepada anak-anak tempatan untuk membuat kerja-kerja di sekolah-sekolah asrama dan sebagainya. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4. Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, jumlah rumah-rumah kebajikan anak-anak yatim yang tidak berdaftar dengan kerajaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai data yang tepat tentang jumlah rumah kebajikan anak-anak yatim yang tidak berdaftar. Jabatan ini sentiasa menggalakkan pengendali pusat jagaan atau rumah kebajikan anak-anak yatim untuk berdaftar dengan mengedarkan surat peringatan kepada pusat jagaan yang tidak berdaftar. Pihak jabatan sentiasa membantu serta memberi khidmat nasihat berkaitan pendaftaran kepada mereka.

Walau bagaimanapun, pihak JKM mengambil perhatian untuk mendapatkan maklumat berkaitan rumah anak-anak yatim ini daripada pihak-pihak berkaitan. Oleh itu, pihak kami mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada kementerian ialah yang pertamanya, daripada segi rumah-rumah anak-anak yatim yang berdaftar pula, bagaimanakah kementerian memastikan daripada segi prasarana atau daripada segi kemudahan? Contohnya, ada beberapa buah rumah anak yatim yang saya pergi yang mana bila hendak hampir sahaja buka sekolah, hanya ada beberapa orang kanak-kanak sahaja yang mendapat bantuan penuh untuk baju sekolah dan sebagainya tetapi ada kebanyakan daripada mereka ini terpinggir daripada segi tersebut.

Jadi bagaimana kementerian memastikan di setiap rumah anak-anak yatim yang berdaftar ini kesemua anak-anak yatim yang masuk ke era persekolahan ini kebajikan mereka daripada segi kemudahan pakaian, beg sekolah, yuran pendaftaran pendidikan dan sebagainya dijaga rapi oleh pihak kerajaan? Ini kerana ada banyak aduan yang diterima ialah bila hendak masuk sahaja sesi persekolahan, ramai daripada mereka terpaksa meminta-minta kepada NGO dan badan-badan luar kerana tidak mendapat bantuan penuh daripada kerajaan. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Saya rasa masalah itu mungkin berlaku di rumah kanak-kanak NGO atau yang swasta kerana ini tidak akan berlaku di rumah kanak-kanak kerajaan. Oleh itu, kalau ada perkara atau masalah yang dihadapi sebegini, sila beritahu kepada kami dan kami akan ambil tindakan untuk siasat dan kita akan masuk tengok apakah itu langkah yang boleh diambil supaya kita dapat mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

■1040

5. Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah kerajaan dalam memastikan jumlah hutang isi rumah terkawal dan tidak menjejaskan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertarikh 21 Disember 2015, memandangkan soalan tersebut menyentuh isu yang hampir sama iaitu berkaitan dengan hutang isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Chua Tee Yong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah progresif terutamanya bagi membendung kenaikan hutang isi rumah sejak tahun 2010. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah kekal terkawal dan tidak menjadi sumber ketidakstabilan kewangan pada masa hadapan. Langkah-langkah tersebut juga akan memastikan amalan pengurusan kredit yang berhemah, menggalakkan tingkah laku individu dan institusi yang bertanggungjawab dengan amalan pemberian kredit serta menggalakkan pasaran harta tanah yang lebih mampan dengan membendung tingkah laku spekulatif.

Kesemua langkah ini telah diperkenalkan secara beransur-ansur untuk mengawal perkembangan hutang isi rumah bagi mengelakkan pelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi. Justeru, sebahagian besar pinjaman yang dibuat oleh isi rumah adalah lebih tertumpu kepada pengumpulan aset.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada statistik terkini Bank Negara Malaysia, dianggarkan sebanyak 62 peratus daripada hutang isi rumah adalah untuk tujuan pengumpulan aset iaitu pembelian harta tanah sama ada untuk kediaman atau bukan kediaman dan pelaburan dalam aset kewangan. Ekoran pelaksanaan pelbagai langkah awalan mengawal hutang isi rumah yang diambil sejak tahun 2010, jumlah hutang isi rumah telah meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 7.9 peratus pada Ogos 2015 berbanding dengan 9.4 peratus pada tahun 2014, 12.2 peratus pada tahun 2013 dan 12.7 peratus pada tahun 2012 dan tahun 2011 serta 14.2 peratus pada tahun 2010. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dapat menjawab dengan begitu baik sekali. Namun demikian, saya ada soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Hutang isi rumah kita adalah yang tertinggi di Asia yang mana memang hebat bab soal hutang ini. Tuan Yang di-Pertua, memang orang kita suka berhutang. Namun kita ucapkan tahniah kepada kerajaan yang mengadakan pelbagai usaha mengawalinya.

Soalan saya, sejauh mana mekanisme pengawalan dan peraturan yang dikuatkuasakan bagi mengawal hutang isi rumah ini dilaksanakan dengan baik bagi memastikan rakyat kita berbelanja dengan bijak. Adakah mekanisme mendidik generasi muda yang baru hendak memulakan hidup dapat mengatur perbelanjaan mereka agar kita dapat mengawal hutang isi rumah masa depan dan agar kita turun ke tangga bawah sedikit dalam senarai hutang isi rumah negara-negara Asia. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab yang datang ini Timbalan Menteri muda, jadi saya minta tambah satu soalan lagi.

Apakah yang menyebabkan peningkatan hutang isi rumah yang semakin bertambah di negara Malaysia kita ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya ada beberapa langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sejak tahun 2010. Di antaranya yang paling penting kita melihat terutamanya sebagai contoh, bayaran kad kredit pada masa sekarang. Setiap bil kad kredit yang diterima mempunyai maklumat mengenai kalau ada seseorang itu menghadapi masalah, mereka boleh menghubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

Sebenarnya pada masa sekarang, kita tengah mempromosikan terutamanya khidmat nasihat dan bantuan ini kerana ia adalah percuma. Kita juga menggalakkan mereka yang baru mula bekerja untuk mendapat khidmat tersebut kena melalui AKPK, mereka boleh merancang daripada segi perbelanjaan mereka dan mengetahui komitmen yang sebenarnya mereka boleh termasuk daripada segi pembelian kereta atau pembelian rumah. Ini adalah untuk mengelakkan masalah pada masa hadapan.

Selain daripada itu, kita juga memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER) yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman dan kemahiran pengurusan kewangan terutamanya bagi peminjam baru, golongan muda serta golongan yang berpendapatan rendah. Daripada segi nisbah, sebenarnya apa yang penting kita lihat daripada segi hutang isi rumah bukan sahaja hutang tetapi daripada segi nisbah aset kewangan kepada isi rumah.

Pada masa sekarang, nisbah aset kewangan kepada hutang isi rumah masih kekal pada tahap yang positif di mana nisbahnya dua kali. Di mana daripada segi hutang, mereka mempunyai nilai aset dua kali secara industri. Selain daripada itu, kita juga melihat sama ada daripada aset ini semua *non liquid* atau aset yang boleh dikatakan nisbah aset kewangan mudah tunai, *that's means liquid asset*. Maka kita melihat kebanyakan daripada segi aset-aset ini hampir 1.4 tiga kali berada pada kawasan atau kategori kewangan mudah tunai. Maka kita melihat memang kerajaan sentiasa memantau. Baru-baru ini pada tahun 2013, kerajaan mengumumkan satu lagi langkah iaitu langkah untuk terus menggalakkan sektor isi rumah yang kukuh dan mapan.

Di antaranya adalah khususnya untuk mengawal pinjaman peribadi di mana pada masa dulu, pinjaman peribadi mungkin boleh dikatakan lebih daripada 10 tahun tetapi untuk menstrukturkan dan memastikan daripada segi pinjaman peribadi adalah lebih terkawal, maka pada tahun 2013, ia telah dihadkan sebanyak 10 tahun. Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah dijelaskan tadi bahawa hutang isi rumah di negara ini adalah antara yang tertinggi dan di Asia paling tinggi. Mengikut angka-angka yang saya lihat, item hutang yang paling besar ialah hutang membeli rumah dan hutang membeli kereta. Ini terutama berlaku di kalangan anak-anak muda yang baru lepas dari universiti. Menteri tadi telah menceritakan tentang langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi hutang kad kredit. Saya ingin tahu langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi hutang yang berpunca daripada beli rumah dan beli kereta tadi. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Beberapa langkah diadakan terutamanya untuk pinjaman perumahan dan juga memperkenalkan pelbagai skim terutamanya untuk memastikan daripada segi skim mampu milik untuk membeli rumah. Sebagai contoh, kerajaan telah memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku serta pembinaan kediaman di bawah Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Projek Perumahan Rakyat, Skim Pinjaman Perumahan, Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia dan *MyHome* yang bertujuan untuk membantu rakyat dalam pemilikan dan penyewaan rumah pada kadar yang lebih rendah.

Selain itu untuk mengurangkan spekulasi kerana kita tidak ingin daripada segi peningkatan harga rumah secara mendadak, maka kerajaan menyusun semula struktur kadar cukai keuntungan harta tanah untuk membendung aktiviti spekulasi di mana kita melihat daripada cukai keuntungan harta tanah ini telah dinaikkan. Selain daripada itu, kerajaan juga telah memperkenalkan untuk pinjaman perumahan dimaksimumkan daripada segi tahun sebanyak 35 tahun daripada dulu dalam industri sebanyak 45 tahun.

Kita menjangka dengan langkah-langkah ini kita telah melihat sebagaimana yang saya telah memberi ulasan daripada segi statistik, kadar peningkatan itu adalah lebih perlahan dan yang paling penting aset masih dua kali daripada jumlah pinjaman. Sekian, terima kasih.

6. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) fungsi dan peranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) yang baharu ditubuhkan bagi menangani situasi sebelum, ketika dan selepas bencana berlaku; dan
- (b) apa bentuk penambahbaikan jika dibandingkan dengan agenda MKN (Majlis Keselamatan Negara) dan sejauh mana anggota agensi APBN ini mendapat latihan dan pendedahan bagi menghadapi bencana, termasuk kerjasama bantuan latihan dari negara luar.

■1050

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 29 Julai 2015 telah bersetuju supaya fungsi pengurusan bencana dikeluarkan daripada fungsi Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Susulan daripada itu, pada 26 Ogos 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju terhadap cadangan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) di bawah Jabatan Perdana Menteri selain bersetuju kepada perubahan dalam mekanisme pengurusan bencana negara. Penubuhan rasminya pada 1 Oktober 2015.

APBN JPM ditubuhkan bagi memperkemas struktur pengurusan bencana negara serta mewujudkan sinergi di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana termasuk agensi tindak balas. Agensi ini seterusnya mengambil alih peranan MKN, JPM sebagai agensi peneraju *National Focal Point* dalam pengurusan bencana negara di peringkat ASEAN, rantau Asia dan juga antarabangsa.

Selari dengan transformasi pengurusan bencana negara, mekanisme pengurusan bencana telah diperkemas di mana Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah dilantik sebagai sekretariat dan juga mengurus setia bagi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat pentadbiran pusat, negeri, daerah dan menjadi peneraju di peringkat komuniti.

Penglibatan JPM sebagai *first responder* di peringkat komuniti akan mengurangkan masa tindak balas apabila berlaku bencana. JPAM turut dipertanggungjawabkan untuk menerajui penubuhan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam Komuniti atau *Civil Defense Emergency Response Team* (CDERT) bersama organisasi seperti JKK, rukun tetangga, KRT atau LESTA bagi menyokong jentera pengurusan dan bantuan bencana kepada masyarakat setempat.

Dengan tertubuhnya APBN ini, agenda pengurusan bencana dilihat akan lebih diperkukuh dan dimantapkan khususnya pada mekanisme pengurusan bencana negara. Ini kerana jabatan baru ini dapat memberi fokus khusus kepada pengurusan bencana yang bukan hanya melibatkan fasa tindak balas bencana malahan fasa pencegahan dan keredaan kesiap siagaan serta pemulihan bencana.

Walaupun terdapat perubahan pada dasar dan mekanisme pengurusan bencana, prinsip arahan MKN nombor 20 masih akan terus diguna pakai khususnya pada fasa tindak balas untuk tujuan pelarasan fasa tindak balas selain agensi-agensi terbabit perlu mematuhi satu SOP tindak balas bersepadu (*unified command*) di bawah susulan Setiausaha Kerajaan Negeri, pegawai daerah selaku pengerusi peringkat jawatankuasa pengurusan dan bantuan bencana di peringkat negeri dan daerah.

Peranan agensi penyelamat serta agensi bantuan dan pemulihan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan dan Angkatan Tentera masih kekal seperti sebelum ini. Susulan dengan perubahan ini juga, APBN akan menggubal satu akta atau arahan eksekutif yang baru bagi memberikan punca kuasa perundangan kepada agensi tersebut dalam melaksanakan fungsinya selain menggantikan arahan MKN nombor 20. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan tambahannya Yang Berhormat Datin Rahimah.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang saya rasa menjawab dengan begitu jelas sekali. Soalan tambahan saya ialah apakah tahap kemampuan Agensi Pengurusan Bencana Negara ini dalam membuat persediaan berterusan dan bukan secara *one-off* bagi mengurangkan risiko bencana alam. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita laksanakan sekarang ini ialah jangka pendek dan juga jangka panjang. Jangka pendeknya sebab jabatan ini baru ditubuhkan pada 1 Oktober 2015. Kalau hendak kira hari, hari ini bulan 12. Jadi dia baru sebulan lebih. Akan tetapi agensi ini sudah bersiap siaga kerana sebelum ditubuhkan agensi ini secara rasmi, ia di bawah Majlis Keselamatan Negara, unit tersebut. Unit MKN itu dipindahkan dan dimasukkan lagi agensi iaitu pasca banjir. Dimasukkan dan *dicombined* kedua-duanya menjadi agensi pengurusan bencana negara.

Pertama sekali agensi ini ialah penyelarasan sebab pengerusi di peringkat negeri ialah Setiausaha Kerajaan ataupun MB. Pengerusi di peringkat daerah ialah pegawai daerah. Cuma sekretariat ada diubah iaitu setiausaha di peringkat negeri, dulu MKN dan sekarang ini ialah JPAM. Di peringkat daerah, oleh sebab pegawai JPAM ini masih di peringkat S27, jadi jawatan MKN M41 yang ada sekarang ini akan kita ambil menjadi pegawai sementara bagi menjadi sekretariat di peringkat daerah tetapi di sesetengah tempat yang daerahnya mampu untuk kendalikkannya dengan baik, JPAM boleh teruskan sebab masalah anggota kerajaan ini kadang-kadang timbul *inferiority* sebab kalau jabatan lain tinggi dan sekretariat itu berjawatan rendah, dia ada sedikit kadang-kadang rasa rendah diri. Itu nombor satu. Jangka pendeknya kita sudah bersiap sedia sebab kita menyelaras.

Keduanya, APBM sendiri akan membeli aset. Aset ini sedang dibeli sekarang. Di semua tempat malah ada juga Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara yang berjumpa dengan saya kerana sebahagian besar daripada Ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Negara dan juga Ketua Bahagian ini diJPAMkan. Mereka akan diberi pangkat kehormat untuk sama-sama bertindak mengetuai di peringkat komuniti. Jadi mereka ini boleh memohon untuk membeli aset supaya aset kita sekarang ini diletak di peringkat komuniti dan bukan lagi di peringkat daerah. Peringkat daerah pun ada, peringkat negeri pun ada tetapi di peringkat komuniti yang selalu di laluan banjir itu, kita akan letakkan aset dan di sini juga pangkalan hadapan. Makanan kita juga akan diletakkan di sana.

Ini ialah secara ringkasnya berhubung dengan persediaan jangka pendek. Jangka panjangnya termasuklah tebatan banjir dan juga lain-lain lagi termasuk juga memulihkan hutan. Saya melihat pendekatan yang diambil sekarang ini lebih melihat kawasan itu kawasan banjir, maka dibuat tebatan banjir. Sebenarnya punca masalah bukan di situ. Punca masalahnya hutan.

Kalau kita buat tebatan banjir sebesar Sungai Amazon pun, dia tidak boleh selesaikan masalah selagi hutan tidak dipulihkan sebab kawasan tidak ada hutan akan membawa mendapan dan air di bawah akan menjadi cetek dan selepas itu menjadi banjir.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, aset kita sekarang, anggota kita sekarang ini secara tetapnya ialah 50,000 orang, kombinasi daripada PDRM, tentera, JPAM dan juga bomba seramai 50,000 orang. Kita ada lebih kurang 1,882 *four-by-four*, kita ada 998 buah lori, kita ada 1,456 buah bot. Ini tidak termasuk persediaan di tempat perpindahan sekarang ini iaitu sebanyak 5,122 buah yang boleh menempatkan 1,615,773. Semuanya telah digembleng tenaga untuk tujuan tersebut dan dalam masa yang sama kita hendak pastikan supaya tempat perpindahan ini diperbaiki dengan sebaiknya terutamanya daripada segi bilik air dan juga tempat mandi. Terima kasih.

7. Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, jumlah peruntukan yang telah dan akan digunakan untuk pemasangan dan menaik taraf kemudahan jalur lebar di negeri Sarawak bagi tahun 2010 hingga 2020.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator, Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian yang bertanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan empat lagi pertanyaan iaitu daripada Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim yang bertarikh 15 Disember; Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok yang bertarikh pada 17 Disember; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah yang bertarikh 21 Disember, kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

■1100

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian dan Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok kerana ia menjurus kepada negeri Sarawak.

Secara keseluruhannya, sebanyak RM1.3 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek-projek jalur lebar di negeri Sarawak. Peruntukan ini melibatkan program-program sama ada di bandar ataupun di luar bandar seperti program jalur lebar berkelajuan tinggi iaitu *high speed broadband*, dengan izin, jalur lebar pinggir bandar atau *suburban broadband*, dengan izin, jalur lebar untuk orang ramai iaitu *broadband for general population*, dengan izin, dan program-program di bawah pemberian perkhidmatan sejagat seperti Pusat Internet 1Malaysia, Wi-Fi komuniti dan peluasan liputan selular.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 203 buah menara komunikasi telah pun siap dibina di negeri Sarawak. Di mana dengan adanya program ini telah melonjakkan liputan populasi negeri Sarawak terutamanya untuk 2G kepada 73.3 peratus, untuk 3G 67.4 peratus dan LTE kerana ini baru kepada 34.8 peratus. Selain daripada itu tambahan sebanyak 149 buah menara komunikasi telah dirancang dan akan dibina secara berperingkat bermula pada tahun 2015 sehingga tahun 2017. Pada masa yang sama, satu program dinamakan Program Projek Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) yang sedang dalam perancangan menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak sepanjang 3,500 kilometer akan menyediakan kapasiti sebanyak 4 *terabyte per second* dan dijangka siap *inshaaAllah* pada tahun 2020.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Johari bin Mat, jumlah kos keseluruhan projek jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun, dengan izin, *high speed broadband* yang pertama yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010 - RM11.3 bilion dan telah dilaksanakan secara kerjasama awam/swasta dengan izin, *public-private partnership* atas kerjasama antara pihak kementerian dan Telekom Malaysia Berhad. Jumlah peruntukan daripada pihak kerajaan adalah sebanyak RM2.4 bilion manakala baki sebanyak RM8.9 bilion dibiayai oleh pihak Telekom Malaysia.

Sehingga kini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 1.762 juta pot ataupun sejumlah enam juta orang rakyat telah pun menikmati kemudahan *high speed broadband* dan ia diuji melibatkan 103 buah ibu sawat ataupun, dengan izin, *exchange*. Pencapaian ini merupakan 125 peratus daripada sasaran yang ditetapkan iaitu 1.3 juta pot. Pihak kementerian sedang dalam proses melaksanakan satu program baru bersama dengan pihak swasta iaitu yang dinamakan jalur lebar berkelajuan tinggi fasa kedua ataupun *high speed broadband* yang kedua di kawasan bandar dan jalur lebar pinggir bandar (SUBB) di mana telah ditetapkan sebanyak 390,000 pot dan 95 ibu sawat di bawah projek *high speed broadband* kedua akan disediakan manakala bagi SUBB melibatkan 400 ibu sawat dan 420,000 pot di seluruh negara.

Selain daripada itu, pihak kerajaan telah dan sedang serta akan melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah program pemberian perkhidmatan sejagat di mana sebanyak 1,000 buah menara komunikasi telah pun siap dibina dan dilaksanakan di seluruh negara di bawah program yang dinamakan *Time Tiga* yang melibatkan kos keseluruhan RM1.5 bilion dan telah berjaya menaikkan kadar liputan populasi selular ke paras 95 peratus manakala di bawah *Time Tiga*, dengan izin, di bawah lanjutan pula sebanyak 400 buah menara telekomunikasi lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan dan 600 buah menara telekomunikasi dalam peringkat perancangan. Pelaksanaan ini sedang dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2017 dan melibatkan kos tambahan RM1.9 bilion dan seterusnya akan melonjakkan liputan populasi negara ke tahap 97 peratus.

Pada masa yang sama sebanyak 3,666 WiFi komuniti telah siap dilaksanakan dan kini sedang dalam proses kajian sama ada ia perlu diteruskan ataupun tidak. Selain daripada itu, 612 Pusat Internet 1Malaysia telah siap dibina dan sebanyak 137 Pusat Internet 1Malaysia masih dalam pelaksanaan.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim untuk negeri Perak, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah baik perkhidmatan komunikasi terutamanya di negeri Perak dan sehingga kini sebanyak 50 Pusat Internet 1Malaysia telah pun siap dibina dan tiga Pusat Internet 1Malaysia masih dalam peringkat pelaksanaan. Selain daripada itu, sebanyak 62 buah menara telekomunikasi telah pun siap dibina dan 16 buah lokasi masih dalam peringkat pelaksanaan. Bagi projek peluasan rakan fiber optik pula, sebanyak 45 kilometer rangkaian fiber optik telah siap dilaksanakan di negeri Perak.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim Bin Kader Shah. Pada masa ini, pihak Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) telah mempunyai kemudahan dan pelanggan perkhidmatan jalur lebar Telekom Malaysia yang berkelajuan di antara 4 hingga 30 megabit *per second* untuk kegunaan aktiviti dalam kampus universiti tersebut terutamanya di Kuala Perlis dan Padang Besar, Arau, Pauh dan juga Kangar.

Di samping itu di Universiti Utara Malaysia, perkhidmatan Telekom Malaysia, WiFi juga disediakan di seluruh kawasan universiti bagi menampung penggunaan para pelajar di universiti tersebut. Sekiranya terdapat permintaan ataupun perancangan daripada pihak universiti untuk menaik taraf perkhidmatan telekomunikasi semasa, pihak TM sentiasa bersedia untuk memenuhi permintaan tersebut.

Berdasarkan kepada pelaksanaan projek jalur lebar berkelajuan tinggi (*high speed broadband*) dengan izin sebelum ini, perancangan infrastruktur gantian optik yang dibuat turut mengambil kira keperluan IPT.

Infrastruktur gantian optik yang dilaksanakan adalah tersedia bagi sambungan ke IPT yang berada dalam liputan. Di bawah projek *high speed broadband*, sebanyak 83 buah IPTA ataupun IPTS telah pun diliputi oleh rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi termasuk sama ada di luar Lembah Klang dan *inshaaAllah* program ini akan diperluaskan di bawah program *high speed broadband* kedua.

Saya ingin hendak mengambil peluang untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini juga bahawa walaupun banyak inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Pusat melalui program projek, namun sekiranya ia tidak mendapat kerjasama daripada pihak kerajaan negeri, ia akan menyukarkan lagi perkhidmatan tersebut untuk diberi terbaik kepada rakyat dan antara cabarannya yang pertama daripada segi perolehan tapak, kelulusan daripada segi pihak berkuasa tempatan dan permit yang dikenakan oleh pihak kerajaan negeri adalah amat tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta tambahan Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih atas Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri untuk jawapan yang telah lengkap. Soalan tambahan saya ialah apakah mekanisme diguna pakai oleh kerajaan dalam menentukan keutamaan pembinaan infrastruktur jalur lebar di sesebuah daerah di negeri Sarawak.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya di pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi, telah ditetapkan bahawa di bawah sasaran *Broadband Commission*, dengan izin, bahawa semua negara perlu mempunyai pelan jalur lebar negara ataupun strategi untuk memasukkan jalur lebar dalam definisi penyediaan perkhidmatan sejagat.

Jadi dalam hal untuk negeri Sarawak dan juga negeri-negeri di Malaysia, beberapa perkara yang telah kita beri pertimbangan seperti yang saya telah maklumkan tadi bahawa seboleh mungkin kita ingin membolehkan setiap kawasan di Sarawak ataupun di mana-mana negeri diliputi oleh liputan jalur lebar. Walau bagaimanapun, untuk negeri Sarawak terdapat beberapa cabaran untuk makluman Yang Berhormat.

Pertama, selain daripada dua ataupun tiga makluman yang saya maklumkan tadi, yang pertamanya, mendapatkan lokasi yang sesuai dan mempunyai pemilik yang sah.

Kedua, lokasi yang bersesuaian melibatkan tanah anugerah ataupun *native land* dengan izin dan kadangkala ia mempunyai tuntutan bertindih ataupun milik syarikat perladangan besar yang tidak berminat untuk menyediakan tapak dengan kadar sewaan yang rendah.

Ketiga, kita tahu di kawasan Sarawak, daripada segi muka buminya adalah berbukit-bukau dan luas yang kadangkala menyebabkan tiada teknologi rangkaian teras yang sesuai untuk menghubungkan menara tersebut kepada ibu sawat yang lain.

Walaupun bagaimanapun, dan di samping itu tiada bekalan elektrik yang stabil dan proses penyambungan yang agak lama oleh pihak CESCO. Ini adalah antara beberapa permasalahan yang kita hadapi untuk negeri Sarawak.

Walaupun bagaimanapun, dengan adanya program-program yang saya maklumkan seperti Pusat Internet 1Malaysia dan sebagainya telah membolehkan kadar liputan yang saya maklumkan tadi mencapai hasrat yang diilhamkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan yang sehingga membolehkan walaupun kadar populasi 3G 67.4 peratus, *insya-Allah* dengan adanya penambahan program-program seperti menara dan sebagainya, ia akan membolehkan walaupun di kawasan Sarawak kita akan boleh mencapai melebihi 80 peratus. Itu adalah *target* kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif.

■1110

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia, apa tindakan kementerian di bawah NBOS kegagalan BestariNet, pencapaian internet di sekolah-sekolah luar bandar, pinggir bandar? Setakat ini saya dapati bahawa banyak rungutan terhadap BestariNet di bandar dan juga di luar bandar dan bajet yang diperuntukkan hampir RM1 bilion. Jadi ini menunjukkan kegagalan BestariNet untuk menyediakan kemudahan internet di sekolah-sekolah, apakah tindakan kementerian? Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi saya ingin mengambil peluang untuk memperjelaskan, sebenarnya apabila pihak kementerian melaksanakan program jalur lebar sama ada di bandar ataupun di luar bandar kita menjuruskan kepada tiga buah zon. Saya ambil peluang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya Zon 1, merupakan kawasan yang akan melibatkan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi seperti *high speed broadband* yang pertama diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010. *InshaaAllah* kita akan melaksanakan program *high speed broadband* yang kedua, perancangannya antara tahun 2015 sehingga tempoh 10 tahun. Itu melibatkan kawasan yang terpilih ataupun memberikan impak ekonomi yang besar kepada negara seperti bandar-bandar besar, kawasan perindustrian dan sebagainya.

Kedua, Zon 2 merupakan kawasan untuk orang awam yang boleh juga meliputi kawasan di kawasan sekolah dan kawasan-kawasan yang melibatkan aktiviti orang awam yang dinamakan sebagai *broadband for general population*.

Ketiga, meliputi kawasan di luar bandar di mana satu program yang dinamakan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat. Tujuannya ialah untuk merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan juga luar bandar. Inilah program-program yang telah saya maklumkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Program BestariNet ini sebenarnya satu program khusus di bawah Kementerian Pendidikan dan bukan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya percaya di bawah program-program yang sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian ini telah membolehkan walaupun sisipan di kawasan sekolah itu mendapatkan kemudahan. Misalannya oleh pemberi perkhidmatan sedia ada seperti Telekom Malaysia dan mana-mana pemberi perkhidmatan yang sedia ada.

Saya percaya Program BestariNet ini akan disemak kembali oleh pihak Kementerian Pendidikan. *InshaaAllah* sekiranya mereka memerlukan sebarang pandangan dan juga bantuan teknikal ataupun kerjasama daripada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kita tidak teragak-agak untuk membantu kerana yang penting supaya masyarakat ataupun anak-anak pelajar di bawah sana dapat menikmati kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

8. Dato' Goonakaren A/L Raman minta Perdana Menteri menyatakan, apa Jabatan Perdana Menteri mempunyai cadangan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Pemantau agar peruntukan yang di umumkan kepada agensi- agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) dalam bajet disalurkan dengan baik dan telus ke tahap akar umbi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai mekanisme sedia ada iaitu jentera penyelarasan perancangan, pemantauan dan penilaian pelaksanaan dasar program projek pembangunan melalui Arahan No.1, 2010. Majlis Tindakan Negara, jentera penyelarasan pelaksanaan peringkat persekutuan iaitu Majlis Tindakan Negara (MTN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN) yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara yang berperanan antaranya untuk menyelaraskan dan menilai strategi pelaksanaan pembangunan yang holistik, seimbang dan selaras dengan Wawasan 2020.

Bagi setiap kementerian Arahan No.1, 2010 MTN turut memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) bagi menangani isu serta masalah dasar, strategi, pelaksanaan program projek pembangunan di bawah kementerian masing-masing. Supaya selaras dengan perancangan dan sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Dato' Goonakaren A/L Raman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya umum mengetahui bahawa peruntukan dana disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan setiap tahun. Bolehkah diperincikan senarai kementerian dan agensi kerajaan yang menyalurkan dana kerajaan ini untuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Kedua, adakah terdapat sebarang mekanisme yang digunakan oleh agensi-agensi kerajaan untuk melihat keberkesanan terhadap aktiviti-aktiviti atau projek-projek yang dilaksanakan oleh NGO yang menerima peruntukan dana ini? Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya bagi soalan Yang Berhormat tentang soalan nombor satu itu saya akan beri jawapan bertulis ya sebab saya tidak mempunyai senarai. *I do not have the list*, dengan izin. Akan tetapi berkenaan dengan pemantauan yang telah disebut dan mekanisme. Seperti yang saya jawab tadi tentang kewujudan satu Majlis Tindakan Negara yang memantau secara menyeluruh di peringkat negara. Akan tetapi di peringkat negeri pula penyelarasan pemantauan dan penilaian pelaksanaan dasar program projek pembangunan di peringkat negeri supaya bersepadu seimbang dengan dasar-dasar negara dan berjalan mengikut perancangan adalah di bawah Majlis Tindakan Negeri.

Maknanya ada sebuah badan yang dipanggil Majlis Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Jawatankuasa Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Di peringkat daerah pula Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) turut berperanan memastikan kumpulan sasaran mendapat faedah maksimum daripada program projek pembangunan yang dilaksanakan di peringkat daerah. JKTD juga berperanan untuk memastikan sebarang isu masalah pelaksanaan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah diangkat di JKT Negeri untuk dibincangkan tindakan penyelesaian yang sewajarnya.

Melalui Arahan No.1, 2010 MTN ini usaha-usaha pemantauan pelaksanaan program projek pembangunan dapat dirancang dan diselaraskan dengan lebih berkesan di semua peringkat sama ada di peringkat persekutuan, negeri ataupun daerah. Bagi merancang, memantau dan menilai pelaksanaan dasar program projek pembangunan negara bagi mencapai aspirasi menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020. Terima kasih.

9. Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Kerja Raya menyatakan Plaza Tol Batu Tiga dan Sg Rasau di Lebuhraya Persekutuan adalah antara paling lama di negara kita:

- (a) apakah perjanjian antara pihak konsesi dan kerajaan masih berkuatkuasa. Jika ya, sehingga bila; dan
- (b) adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji pemansuhan kedua-dua tol ini bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pengguna lebuhraya ini terutamanya dari Klang ke Subang.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rahshid Shirlin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Plaza Tol Batu 3 Shah Alam dan Plaza Tol Sungai Rasau Klang di Lebuhraya Persekutuan 2 (FHR2) ialah sebahagian Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) yang sedang beroperasi berikutan penstrukturan semula PLUS pada tahun 2011 tempoh konsesi semua lebuhraya di bawah kendalian Syarikat PLUS Malaysia Berhad termasuklah FHR2 telah diselaraskan dan akan tamat pada 31 Disember 2038.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk menghapuskan kutipan tol di Plaza Tol Batu 3 Shah Alam dan Plaza Tol Sungai Rasau Klang. Berdasarkan kajian dibuat pada tahun 2012 cadangan pemansuhan kutipan tol di kedua-dua plaza tol tersebut akan melibatkan implikasi kewangan yang sangat tinggi kepada kerajaan iaitu dianggarkan RM2 bilion. Di samping itu ia juga memberi kesan kepada pengurangan trafik di lebuhraya berhampiran iaitu Lebuhraya KESAS berikutan timbul isu peralihan trafik dari lebuhraya bertol kepada lebuhraya tidak bertol. Namun demikian, untuk mengurangkan beban kewangan kepada pengguna kerajaan telah memutuskan untuk mengekalkan kadar tol di kedua-dua plaza tol tersebut sejak tahun 2005 lagi. Walaupun perjanjian konsesi PLUS telah disemak semula pada tahun 2008 dan tahun 2011.

■1120

Ini bermakna, pengguna masih menikmati kadar tol lebih rendah di kedua-dua plaza tol tersebut berbanding kadar tol yang sepatutnya mengikut perjanjian konsesi. Di samping itu, kerajaan juga dari semasa ke semasa sentiasa berunding dengan pihak konsesi tol sedia ada untuk memastikan kadar tol di lebuhraya negara ini tidak membebankan pengguna. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Menteri yang menjawab soalan saya tadi. Beberapa buah plaza tol telah pun menggunakan tanpa tunai di kaunter-kaunter baru-baru ini. Soalan tambahan saya adalah:

- (i) apakah masalah-masalah yang dihadapi untuk melaksanakan sistem ini?; dan
- (ii) bilakah Kementerian akan menggunakan sistem ini sepenuhnya?

Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul RashidShirlin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawasanya kerajaan telah menetapkan sasaran Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) ataupun tanpa tunai Yang Berhormat sepenuhnya mulai tahun 2018 di semua plaza tol lebuhraya negara ini. Malah Plaza Tol Batu 3 dan Sungai Rasau Yang Berhormat tanyakan tadi iaitu di bawah kendalian PLUS telah menggunakan sistem ETC sepenuhnya Yang Berhormat bermula dari 22 November 2014.

Sebenarnya Yang Berhormat, objektif sistem ETC ini adalah untuk mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol sekali gus dapat menjimatkan masa berbanding kutipan secara tunai. Berbanding kaedah kutipan tunai, sistem ETC telah dapat melancarkan 30 peratus hingga 35 peratus kesesakan trafik di laluan yang terlibat dan memberikan penjimatan masa kepada pengguna, Yang Berhormat dan aliran trafik di plaza-plaza tol juga menjadi lancar berikutan dengan tempoh transaksi yang lebih singkat iaitu kira-kira enam saat bagi *Touch 'n Go* dan tiga saat bagi *SmarTAG* berbanding kira-kira 15 saat untuk transaksi secara tunai, Yang Berhormat.

Untuk menjawab kepada persoalan Yang Berhormat, antara cabaran utama pelaksanaan ETC ini Yang Berhormat ialah usaha kita untuk mendidik pengguna supaya beralih menggunakan mod e-pembayaran iaitu bayaran tol tanpa tunai. Sehubungan itu bagi menggalakkan pengguna untuk beralih kepada sistem transaksi ini Yang Berhormat, beberapa kempen dan inisiatif telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi termasuklah Yang Berhormat jualan kad *Touch 'n Go* dengan nilai minimum tambah nilai sebanyak RM5 sahaja dan tiada caj dikenakan pada harga kad dan jualan *SmarTAG* dengan harga promosi iaitu RM99 tidak termasuk GST seunit termasuk juga pembukaan lorong tambah nilai yang beroperasi 24 jam Yang Berhormat dan pembukaan Pusat Khidmat Pelanggan di plaza tol terpilih yang beroperasi dari jam 7 pagi hingga 10 malam termasuklah hari minggu dan cuti umum.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga 30 September 2015, sebanyak 21 buah plaza tol telah melaksanakan sistem ETC sepenuhnya iaitu sembilan buah pada tahun 2014, 12 buah pada tahun 2015 dan ia akan dilaksanakan secara berperingkat Yang Berhormat dan perancangannya kita akan *convert* atau mengadakan sistem ini di 31 buah plaza tol lagi pada tahun 2016 dan 46 buah plaza tol pada tahun 2017, Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, berdasarkan kajian yang dibuat, didapati bahawasanya kempen-kempen yang dijalankan dan pemberian insentif oleh syarikat konsesi telah memberikan impak yang besar terhadap pelaksanaan program ini yang jelas terbukti kadar penggunaan ETC di semua plaza tol telah meningkat daripada 65 peratus sebelum ini kepada 81 peratus. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana tidak ada-ya, bangun. Cepat sahaja Yang Berhormat. Jangan teragak-agak.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Timbalan Menteri ialah apakah jaminan Timbalan Menteri bahawa kerajaan tidak akan menaikkan kadar tol pada masa akan datang khususnya Lebuhraya Utara-Selatan.

Kedua, sekiranya berlaku juga kenaikan, kerajaan seharusnya memikirkan soal bebanan rakyat dan kenaikan itu tidak secara mendadak yang menyebabkan rakyat marah kepada kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul RashidShirlin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, untuk tahun depan, sebenarnya sebanyak lapan buah lebuhraya yang layak untuk mendapat pelarasan kadar tol seperti yang diperuntukkan di perjanjian konsesi tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan masih belum- saya ulang semula, masih belum membuat sebarang keputusan mengenai pelarasan kadar tol termasuklah kadar tol untuk tahun 2016.

Dalam soal ini Yang Berhormat, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan yang terdiri daripada wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, dan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk berunding Yang Berhormat dengan syarikat-syarikat konsesi terutama mengenai isu pelarasan kadar tol ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan pencapaian pegangan ekuiti kaum India sehingga kini serta perkembangannya berbanding kaum lain; dan
- (b) apakah rancangan dan usaha yang digariskan dalam mencapai tahap pegangan ekuiti kaum India agar dicapai sebelum 2020 sepertimana dalam pelan pembangunan Negara dalam Dasar Ekonomi Baru sejak Rancangan Malaysia Pertama.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia, vanakam.

Tuan Yang di-Pertua, pemilikan ekuiti korporat masyarakat kaum India sebanyak 1.6 peratus dengan nilai perdagangan berjumlah RM9.56 bilion. Ini telah dapat dicapai melalui pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat kaum India. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah penawaran unit amanah saham melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB) kepada masyarakat kaum India dan pelaksanaan program pembangunan keusahawanan serta bantuan pembiayaan perniagaan melalui sekretariat khas untuk memperkasakan usahawan kaum India ini.

Kerajaan turut merancang untuk mengadakan beberapa aktiviti untuk meningkatkan ekuiti masyarakat kaum India. Sebagai contoh, melalui *The Secretariat for Empowerment of Indian Entrepreneurs (SEED)*, sekretariat khas memperkasa usahawan kaum India, Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan telah menyalurkan pinjaman perniagaan untuk 24,551 orang usahawan dengan pinjaman sebanyak RM718.23 juta bagi tujuan tersebut. Malah, ia tidak terhenti di situ sahaja dan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, tumpuan akan terus diberikan dalam meningkatkan peluang ekonomi dan penyertaan isi rumah B40 bagi memastikan kekayaan ekonomi dikongsi bersama oleh semua etnik termasuk masyarakat kaum India.

Antara strategi yang telah dirangka untuk meningkatkan pendapatan dan kekayaan yang seterusnya meningkatkan pegangan ekuiti adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan sokongan keusahawanan bersepadu kepada masyarakat kaum India melalui bantuan pembiayaan dan latihan;
- (ii) meneruskan pelaksanaan program peningkatan pembangunan sosioekonomi masyarakat kaum India yang memberikan tumpuan kepada pembangunan kapasiti keusahawanan dan pendidikan; dan
- (iii) meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam aktiviti perniagaan.

Antara program khusus untuk masyarakat kaum India yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pemilikan ekuiti ini adalah melalui:

- (i) Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah menawarkan unit amanah saham kepada masyarakat kaum India bagi meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat kaum India dan sehingga kini, sebanyak RM3.78 bilion unit saham telah dimiliki oleh masyarakat kaum India; dan
- (ii) Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) yang diuruskan oleh Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) bertujuan untuk memberi latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan kepada kaum India bagi meningkatkan taraf hidup dan meningkatkan pendapatan mereka.

Ini secara langsung akan dapat meningkatkan kemampuan mereka memiliki saham di samping menjalankan perniagaan secara mikro mahupun perusahaan kecil dan sederhana serta program pembangunan keusahawanan oleh SEED yang bertujuan membantu masyarakat India memulakan dan mengembangkan perniagaan di peringkat mikro ke peringkat sederhana dan besar.

Antara agensi yang menyediakan program bantuan ini Amanah Ikhtiar Malaysia, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), SME Corp. dan SME Bank. Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) telah diwujudkan sejak bulan Jun 2012 bagi membantu masyarakat India yang terlibat dalam perniagaan dan keusahawanan. Ini secara tidak langsung dapat juga membantu masyarakat India memiliki perniagaan dan peningkatan pegangan ekuiti mereka. Terima kasih.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam.

S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya salah satu sebab yang mana kaum India gagal menikmati dan menghargai komitmen kerajaan dalam memiliki pelbagai saham untuk mempertingkatkan ekuiti mereka disebabkan kelemahan untuk menyediakan wang asas untuk membeli saham yang diterbitkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Apakah kerajaan bercadang untuk menyediakan skim pinjaman khas untuk membeli saham yang diterbitkan oleh kerajaan oleh bank-bank tempatan agar kemudahan dan hasrat kerajaan dalam membantu kaum ini dapat dicapai tanpa halangan bagi memastikan kejayaan dan pembangunan negara makmur? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Suka saya nyatakan di sini, inisiatif untuk memberi penekanan kepada pemilikan ekuiti kaum India telah bermula pada tahun 2008 secara sistematik ketika Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri. Sejak tahun 2008, beliau mempengerusikan Jawatankuasa Khas Kabinet Kaum India ini dan mulai tahun 2009, ia telah bermula secara tersusun. *InshaaAllah*, pada bulan Mac 2016, tahun hadapan, satu *blueprint* Pelan Tindakan Sosioekonomi Masyarakat Kaum India akan dibentangkan. Saya percaya, semenjak kita sebelum merdeka sehingga merdeka, cerita tentang kaum India ini sudah mula berbeza dari satu tahap ke satu tahap sehinggalah kita jadikan ia sebagai satu perkara yang perlu kita capai, 5 peratus menjelang tahun 2020 sasaran bagi pemilikan ekuiti kaum India dan usaha itu tidak akan terhenti.

Cadangan Yang Berhormat tentang penyediaan dana bagi mereka memiliki ekuiti telah pun saya nyatakan sebahagian. Teruslah memberi cadangan kerana mesyuarat yang diadakan tiga bulan sekali, yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, menandakan kesungguhan kerajaan untuk memastikan cadangan yang dibuat oleh semua dapat kita capai untuk kebaikan kaum India iaitu rakyat dalam negara kita juga. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan seterusnya, diipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok usaha kerajaan telah macam-macam dilakukan untuk meningkatkan semua kaum di Malaysia. Antara caranya memberikan pinjaman TEKUN dan juga Ikhtiar, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi.

Saya dapati bahawa sebahagian peminjam ini telah diberikan pinjaman yang begitu banyak dan telah melibatkan bilangan yang ramai. Namun, ada di antara mereka yang meminjam tadi tidak digunakan untuk perniagaan tetapi mereka membeli aset kekal seperti motosikal, buat rumah, baiki rumah dan sebagainya. Jadi, bagaimana pemantauan kerajaan, pihak yang berkuasa, pihak yang berwajib untuk memastikan orang-orang yang telah diberi pinjaman itu betul-betul mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan untuk meningkatkan ekuiti yang telah diberikan pinjaman tadi? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Razali bin Ibrahim: Soalan yang dibangkitkan tadi tidak hanya berkaitan kepada satu kaum, semua yang meminjam perlu membayar. Saya kalau ambil contoh, antara prestasi di bawah apa yang kita panggil Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI). Kerajaan menyediakan RM144 juta, dana awalan dari tahun 2007. Kemudian, pengeluaran telah pun kita biayai RM192 juta lebih kurang, RM192,943,690. Dari situ, kutipan RM63,954,000 juta lebih kurang. Maknanya, daripada jumlah kutipan, menunjukkan bahawa ia dapat membantu sebilangan besar para peminjam dan perlu diingati, kalau ada yang tidak bayar, maka dana itu tidak dapat kita pusingkan. Jadi, keseriusan ini telah dipantau atau akan dipantau oleh satu Jawatankuasa Tetap di bawah Jabatan Perdana Menteri yang akan mengemukakan prestasi bukan sahaja mengenai TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia tetapi juga melibatkan SME Corp., SME Bank dan pelbagai bentuk dana.

Saya nampak bahawa keseriusan masyarakat kaum India untuk menjayakan inisiatif ini sangat baik. Kejayaan adalah bergantung kepada mereka yang terlibat dan dapat menjayakan supaya ekuiti yang kita sasarkan bagi dimiliki oleh kaum India itu dapat dicapai. Isu ini tidak perlulah saya kupas dengan panjang kerana kita pun tahu ada banyak inisiatif kerajaan yang baik, yang tidak dapat mencapai secara penuh kerana sikap. Sikap ini merupakan cabaran besar kepada kerajaan. Kita harap semua dapat bersama-sama agar 100 peratus yang dirancang, 100 peratus yang kita capai walaupun sukar, saya akui tetapi itulah yang sedang kita laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat atas ingatan terhadap peranan yang perlu dibuat oleh semua pihak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baiklah, dengan jawapan Timbalan Menteri itu tadi, maka setakat inilah ruang untuk kita bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk hari ini. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[10 Disember 2015]*

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri mula menjawab. Silakan Yang Berhormat.

11.36 pg.**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Belanjawan 2016 yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Parlimen Malaysia berserta dengan agensi-agensi dan hal-hal di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Kabinet Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, PERMATA dan Suruhanjaya Pilihan Raya.

Memandangkan terdapat beberapa lagi Menteri yang perlu menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, maka untuk menjimatkan masa Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini, saya akan menjawab secara lisan selama lebih kurang 30 minit atau 40 minit mengikut setiap agensi. Seterusnya, saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat andai kata masa tidak mengizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dan Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok yang telah membahaskan isu yang berkaitan dengan Parlimen Malaysia. Dalam perbahasan beliau, Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya telah membangkitkan mengenai soal keselamatan di kawasan Parlimen Malaysia yang mana beliau menyampaikan kerisauan berkenaan dengan Ahli-ahli Parlimen yang menjemput orang luar yang tidak sepatutnya dibawa masuk ke dalam Dewan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kerajaan mengambil maklum akan perkara ini dan pihak Parlimen sendiri memandang serius terhadap soal keselamatan Parlimen. Apatah lagi terdapat juga kes yang mana kebebasan yang diberikan telah disalahgunakan.

Mengenai soalan yang melibatkan kemasukan pelawat-pelawat dan tetamu Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang secara *walk-in*, adalah sukar untuk tidak dibenarkan masuk memandangkan kemasukan mereka telah disahkan sendiri oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri apabila dihubungi. Walau bagaimanapun, Parlimen Malaysia sentiasa memandang serius berkaitan perkara ini dan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) memperingatkan anggota Pasukan Gerakan Am dan pegawai keselamatan Parlimen Malaysia supaya sentiasa melaksanakan pemeriksaan rapi terhadap semua kenderaan yang ingin masuk ke kompleks Parlimen;
- (ii) meminimumkan penggunaan budi bicara untuk kebenaran masuk bagi pelawat-pelawat yang datang berurusan dengan Ahli Parlimen secara *walk-in*, kecuali dengan pemakluman awal;
- (iii) menjalankan tapisan keselamatan ke atas semua pekerja kontrak yang bekerja di kawasan pembinaan di dalam kompleks Parlimen;
- (iv) bekerjasama rapat bagi pihak Cawangan Khas PDRM berhubung dengan ancaman yang boleh tercetus di Parlimen Malaysia;
- (v) menjalankan *flushing* dan *sweeping* di Dewan Rakyat secara berkala bagi menjamin keselamatan Ahli Parlimen dan petugas; dan,
- (vi) menubuhkan Jawatankuasa Khas Teknikal Keselamatan yang akan mengkaji berkaitan dengan keselamatan perlindungan, terutamanya keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi di Parlimen Malaysia. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh Ketua Bahagian Seksyen Parlimen Malaysia dan juga agensi luar seperti Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Cawangan Khas PDRM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Namun begitu, bagi membolehkan Bahagian Keselamatan Parlimen menjalankan tugas dengan baik, ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak, termasuk Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negara dan orang ramai, terutamanya dalam mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

■1150

Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok telah menyarankan agar kerajaan mempercepatkan proses baik pulih bangunan asal Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf bangunan Parlimen Malaysia dilaksanakan secara berfasa dan kemajuan peratusan projek adalah seperti berikut:

- (i) Fasa 1A – naik taraf dan ubah suai Dewan Serbaguna sedia ada kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara sementara yang telah siap pada 5 September 2011;
- (ii) Fasa 2A – baik pulih panel fasad dan bumbung *pinnacle* Blok Utama dan Blok Menara;
- (iii) Fasa 2B – kerja-kerja membaik pulih dan naik taraf Blok Utama serta kerja-kerja berkaitan;
- (iv) Fasa 2C – kerja-kerja baik pulih dan naik taraf Blok Menara;
- (v) Fasa 3A – pembinaan blok sokongan M&E, pejabat urus setia, terowong, utiliti dan kerja-kerja infra; dan
- (vi) Fasa 3B – pembinaan blok baru Ahli Parlimen dan pentadbiran termasuk tempat letak kereta, dewan serba guna, pagar sempadan baru dan kerja-kerja berkaitan;

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, memandangkan projek Parlimen ini terpaksa dilaksanakan secara berfasa, maka jangkaan bagi penyediaan keseluruhan projek adalah pada tahun 2020 iaitu bagi kerja membaik pulih dan menaik taraf Blok Menara, Fasa 2C.

Antara faktor utama yang menyebabkan projek-projek Parlimen tidak dapat dilaksanakan secara serentak adalah kerana masalah pengambilan tanah bagi menampung kekurangan kawasan yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak projek. Kedua, pelaksanaan setiap fasa yang bergantung kepada penyediaan kemudahan sementara serta infrastruktur kekal yang tidak dapat disediakan sekali gus, sebagai contoh penyediaan pejabat sementara, blok-blok servis, mekanikal dan elektrik, terowong servis dan pencawang utama 33 kV

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkaitan dengan Permata khususnya Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah telah memohon penjelasan mengenai kewajaran penubuhan Permata sedangkan negara sudah mempunyai dua buah badan yang mengendalikan pendidikan awal iaitu KEMAS. Selain itu, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah juga mencadangkan agar kedudukan Permata di bawah JPM dinilai semula memandangkan ia dilihat sebagai lebih sesuai berada di bawah kendalian Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai sebuah negara membangun yang bergerak menuju ke arah negara maju menjelang 2020, Malaysia sememangnya telah mempunyai sistem pendidikan yang komprehensif. Sistem pendidikan kebangsaan sedia ada merangkumi keperluan pendidikan untuk kanak-kanak daripada umur empat hingga enam tahun di peringkat prasekolah yang dikenali sebagai Tadika ataupun Tabika, diikuti peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya institut pengajian tinggi.

Dalam hal ini, tadika kelolaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) melaksanakan pendidikan prasekolah iaitu bagi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2009, sistem pendidikan kebangsaan tidak merangkumi pendidikan awal untuk kanak-kanak di bawah umur empat tahun.

Dalam hal ini, kerajaan menyedari kepentingan pembangunan modal insan yang berkebolehan haruslah dimulakan di peringkat awal iaitu dari lahir hingga ke usia empat tahun kerana proses perkembangan mental dan emosi serta pemupukan nilai-nilai murni dan sesuatu kemahiran itu berlaku sejak awal usia.

Bagi maksud ini, kerajaan telah melaksanakan Program Permata Negara berasaskan Kurikulum Permata Negara bagi keperluan pendidikan awal yang sistematik dan berstruktur khusus untuk kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Pada tahun 2009, Kurikulum Permata Negara telah diluluskan sebagai Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan. Program Permata Negara program berfokuskan kepada pendidikan awal kanak-kanak sebagai *complementary* dan *supplementary*, dengan izin, kepada sistem pendidikan kebangsaan sedia ada.

Program Permata Negara tidak diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan berikutan Akta Pelajaran 1996 tidak merangkumi kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Bahagian Permata Jabatan Perdana Menteri telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) untuk menaik taraf Taska Permata KEMAS semenjak tahun 2009 dalam menjayakan usaha kerajaan untuk menyediakan keperluan pendidikan awal kepada kanak-kanak di bawah umur empat tahun.

Kerjasama juga turut diperluaskan kepada semua taska kelolaan kerajaan seperti Taska Permata, Perpaduan, Taska Keluarga Terengganu di bawah pemantauan Majlis Pelaksanaan Program Permata yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Kerjasama ini juga selaras dengan strategi kerajaan untuk menambah baik akses dan kualiti program pendidikan awal kanak-kanak di negara ini.

Mulai 1 Januari 2013, semua taska swasta yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menggunakan Kurikulum Permata Negara sebagai kurikulum pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak di bawah umur empat tahun melalui pindaan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2013.

Di samping itu, bagi melengkapkan pelaksanaan Program Permata Negara, Permata juga telah menggubal Kursus Asas Permata Negara untuk keperluan latihan tenaga pengasuh taska. Permata juga telah menubuhkan Sistem Jaminan Kualiti Permata Negara sebagai instrumen pemantauan standard dan kualiti perkhidmatan taska.

Sehingga kini, Program PERMATA melaksanakan tujuh buah program iaitu Permata Negara, Permata Pintar, Permata Ihsan, Permata Seni, Perkasa Remaja, Permata Kurnia dan Hospital Kanak-kanak Permata. Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia telah dipilih sebagai agensi pelaksana berdasarkan kepada kepakaran dan kesediaan agensi tersebut dalam membangun dan seterusnya memastikan program-program dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektifnya.

Oleh sebab pelaksanaannya melibatkan beberapa buah agensi kerajaan dan institusi luar, Jabatan Perdana Menteri telah dikenal pasti sebagai agensi yang paling bersesuaian bagi melaksanakan tugas penyelarasan antara agensi-agensi pelaksanaan tersebut. Pelaksanaan Program Permata oleh agensi pelaksanaan telah digariskan dalam perjanjian persefahaman dan terma rujukan telah pun dipersetujui dan ditandatangani antara Jabatan Perdana Menteri dan semua agensi pelaksana.

Sehingga kini, pelaksanaan kesemua tujuh Program Permata di bawah agensi-agensi pelaksana berjalan dengan baik dan lancar serta berada di landasan yang betul. Oleh yang demikian, pada masa ini, tiada perlu untuk meletakkan peranan yang dilaksanakan oleh Permata di bawah kementerian lain seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed pula telah membangkitkan mengenai peruntukan yang tidak banyak berbeza namun terdapat perbezaan yang ketara dari sudut output dan juga prestasi aktiviti antara pendidikan awal kanak-kanak Permata dan KEMAS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan tahunan yang diterima oleh Bahagian Permata terbahagi kepada dua iaitu peruntukan belanja mengurus dan peruntukan pembangunan.

Peruntukan mengurus adalah bagi perbelanjaan pengoperasian Pusat Anak Permata Negara (PAPN) seperti pembayaran emolumen, elaun, utiliti, perolehan, peralatan pembelajaran, makanan bermasak Islam untuk anak-anak, perkhidmatan serta lain-lain perbelanjaan. Peruntukan yang diberikan oleh kerajaan adalah berdasarkan bilangan PAPN yang telah ditubuhkan oleh Bahagian Permata dan bilangan perjawatan yang diluluskan.

Bagaimanapun, mulai tahun 2015, Bahagian Permata telah menubuhkan Program Permata Kurnia dan membina sebuah Pusat Permata Kurnia bagi menyediakan perkhidmatan intervensi dan pendidikan awal kepada kanak-kanak autisme. Bahagian Permata mendapat peruntukan belanja mengurus tambahan bagi tujuan pengoperasian Pusat Permata Kurnia. Selain itu, Bahagian Permata turut diperuntukkan sejumlah peruntukan untuk keperluan pelaksanaan Program Permata iaitu Program Permata Pintar, Insan, Seni dan Perkasa Remaja.

Manakala peruntukan pembangunan bagi tujuan perluasan Program Permata Negara, Bahagian Permata diluluskan dengan pembinaan lima PAPN baru pada tahun 2016. Oleh yang demikian, peruntukan Bahagian Permata adalah lebih menyeluruh iaitu bagi satu operasi keseluruhan berbanding peruntukan KEMAS yang dibahaskan iaitu kod 020500 yang hanya melibatkan program pendidikan awal kanak-kanak sahaja.

Peruntukan yang akan diterima pada tahun 2016 akan dapat mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan kanak-kanak di bawah Program Permata Negara. Selain itu, perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak dapat ditingkatkan melalui penambahbaikan infrastruktur dan persekitaran pembelajaran termasuk perolehan peralatan pembelajaran serta pelaksanaan latihan dan kursus yang sistematik dan berkualiti kepada para pendidik.

Berhubung dengan *output* dan prestasi pendidikan awal kanak-kanak Permata dan KEMAS, tiada perbezaan yang ketara kerana kedua-duanya menggunakan kurikulum pembelajaran dan pengajaran yang sama iaitu Kurikulum Permata Negara yang telah diluluskan sebagai Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kebangsaan mulai tahun 2009.

Selain itu juga, tidak terdapat perbezaan daripada segi kualiti pengajaran kerana semua tenaga pendidikan disyaratkan mengikut kursus kemahiran pendidik yang sama iaitu Kursus Permata Negara yang modul latihan digubal dan disediakan oleh Bahagian Permata. Tiada perbezaan juga daripada segi kualiti perkhidmatan asuhan dan pendidikan secara menyeluruh kerana Program Permata telah pun menubuhkan Jawatankuasa Jaminan Kualiti Permata Negara bagi mengawal selia kualiti perkhidmatan yang disediakan taska bagi maksud pengiktirafan kualiti dan seterusnya penganugerahan akreditasi.

Program Permata telah pun dirancang pelaksanaannya dengan teliti bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan oleh mana-mana agensi pelaksana sama ada kelolaan kerajaan ataupun swasta dengan tanpa jurang perbezaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbangkit untuk membahaskan isu berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim; dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

■1150

Berkenaan dengan isu penurunan kuasa autonomi kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Untuk maklumat Yang Berhormat, cadangan atau permohonan berkaitan pemberian *empowerment* secara pentadbiran akan dikaji secara terperinci dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Bersama mengkaji *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Kerajaan adalah komited untuk memberi lebih banyak *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berdasarkan kepada ketetapan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang dikuatkuasakan. Kerajaan akan terus memantapkan mekanisme pelaksanaan *empowerment* secara pentadbiran dalam memastikan keberhasilan terbaik kepada penduduk di dua-dua buah negeri.

Berkenaan dengan pernyataan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, mengenai pengisian jawatan utama sektor awam JUSA yang berasal dari negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, kenaikan pangkat dan pengisian jawatan penting di peringkat tertinggi dan strategik adalah terhad dan merupakan satu pengiktirafan yang tinggi kepada pegawai penjawat awam. Selaras dengan itu, proses pemulihan adalah teliti dan perakuan pegawai bagi pengisian jawatan berkenaan dibuat dengan mengambil kira pelbagai faktor meliputi kelayakan merit, prestasi, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman kekananan, integriti dan kesesuaian. Oleh itu hanya pegawai yang benar-benar layak dan tersaring sahaja akan diperakukan untuk mengisi jawatan tersebut.

Pertimbangan yang sama rata diberikan untuk semua penjawat awam dalam proses pemulihan mengikut kelayakan jawatan. Walau bagaimanapun, pertimbangan keutamaan kepada orang Sarawak akan diberi bagi pengisian di Jabatan Persekutuan di negeri Sarawak dengan syarat pegawai memenuhi kriteria pemilihan yang dinyatakan.

Masih berkisar tentang isu pemberian biasiswa, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah bertanya mengenai jumlah keseluruhan pelajar kaum India yang telah mendapat tajaan biasiswa. Manakala Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian bertanya mengenai jumlah pelajar dari Sarawak yang mendapat biasiswa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberian biasiswa kepada pelajar cemerlang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah melalui program penajaan seperti berikut:

- (i) Program Biasiswa Nasional;
- (ii) Program Kecemerlangan STPM;
- (iii) Program Lepas *Bursary*;
- (iv) Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis dan Jerman; dan
- (v) Program Ijazah Dalam Negara.

Sementara itu, jumlah pelajar kaum India yang telah ditawarkan biasiswa JPA untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara dari tahun 2013 hingga tahun 2015 adalah seramai 1,547 orang. Bagi pelajar dari negeri Sarawak pula seramai 1,476 orang telah ditawarkan biasiswa JPA dalam tempoh yang sama.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som pula bertanya mengenai mengapa bangsa Siam tidak tersenarai dalam HRMIS sedangkan surat daripada JPA telah diterima di mana dinyatakan bahawa bangsa Siam telah dimuat naik dan dikemas kini dalam sistem tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia atau, dengan izin, *Human Resource Management Information System* (HRMIS) merupakan satu projek di bawah aplikasi Perdana Projek Kerajaan Elektronik. Objektif pelaksanaan HRMIS adalah untuk menyediakan dan membangunkan maklumat sumber manusia yang bersepadu, terbuka, fleksibel serta kemas kini bagi memenuhi keperluan perancangan dan pembangunan sumber manusia sektor awam.

Terdapat 11 modul teras dalam aplikasi HRMIS termasuk modul pengurusan rekod peribadi. Modul ini berfungsi untuk menyimpan maklumat asas setiap pegawai seperti maklumat peribadi, keluarga, kemahiran, bahasa, pencapaian akademik dan bangsa. Selaras dengan keputusan kerajaan bahawa warganegara Malaysia berketurunan Siam adalah berstatus Bumiputera, maka maklumat penjawat awam yang berbangsa Siam itu turut dikemas kini kepada status bumiputera dalam pengkalan data HRMIS.

Sementara itu dengan saranan daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim supaya pencen Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat dinaikkan sejajar kenaikan elaun dan gaji Ahli Dewan yang telah diluluskan. Untuk maklumat Yang Berhormat, JPA sedang jalankan kajian ke atas cadangan supaya pencen Ahli Parlimen dikaji semula. Apa-apa penambahbaikan faedah, pemberhentian Ahli Parlimen dilaksanakan berdasarkan kepada pindaan terhadap Jadual Pertama, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Akta 237.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah mengenai penambahbaikan skim dalam Perkhidmatan awam termasuk perkhidmatan sains. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, terdapat 21 klasifikasi perkhidmatan yang melibatkan 252 skim perkhidmatan dalam perkhidmatan awam.

Bagi memastikan skim perkhidmatan kekal relevan dan kehendak dan keperluan semasa, kerajaan sentiasa melaksanakan penambahbaikan. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah pindaan kepada syarat lantikan penyeragaman gred latihan dan perubahan nama skim perkhidmatan.

Berkenaan dengan cadangan pindaan skim perkhidmatan termasuk skim perkhidmatan dalam klasifikasi perkhidmatan sains, cadangan pindaan yang telah dibawa dalam pertimbangan kerajaan pada 5 Mac 2015. Pelaksanaannya akan dibuat melalui pekeliang perkhidmatan yang akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan Bajet 2016. Untuk maklumat Yang Berhormat juga, pada ketika ini daripada 82 skim perkhidmatan dalam kumpulan pengurusan dan profesional. Namun begitu hanya empat skim perkhidmatan sahaja yang diperuntukkan dengan kenaikan pangkat secara *time base*.

Skim perkhidmatan tersebut ialah skim perkhidmatan Pegawai Penyelidikan, skim perkhidmatan Pegawai Perubatan, skim perkhidmatan Pegawai Pergigian dan skim perkhidmatan Pegawai Farmasi. Bagi skim perkhidmatan lain, kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan atau berdasarkan kecemerlangan bagi jawatan fleksi.

Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari agar pelajar Malaysia yang mendapat tajaan di luar negara dibantu...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak mencelah Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya bertanya tentang *time base* itu yang telah diberi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kalau kita melihat kepada seperti golongan perkhidmatan pelajaran mereka ada *time base* yang lain-lain tidak ada. Jadi bergantung pada kekosongan. Kalau sekiranya kosong, tidak ada kosong maka mungkin seseorang itu akan tunggu masa yang sangat lama. Jadi saya rasa perlulah diberi juga mereka perhatian supaya kebajikan mereka juga diperhatikan. Saya bimbang kekosongan ini, kalau kosong nanti orang pencenlah Yang Berhormat Menteri.

Jadi apabila orang pencen ini sekarang umur 60 tahun. Jadi kalau sekiranya sama-sama bekerja, mungkin berbezanya setahun, dua tahun. Jadi orang yang kemudian mungkin tidak sempat merasai kedudukan kenaikan pangkat. Jadi saya minta supaya pihak kerajaan melihat kembali juga tentang kekosongan yang ada itu dan khususnya kepada jawatan-jawatan yang ramai, penjawat-penjawat yang ramai walaupun mereka ini tidak seramai golongan pendidikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya menerima cadangan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator dan memang kita tidak dapat menafikan bahawa ini salah satu daripada satu cabaran disebabkan oleh *bottleneck*, dengan izin. Yang mana bila umur pencen itu lanjutkan kepada 60 tahun banyak juga ada disebut tentang kemampuan individu-individu yang perlu dinaikkan pangkat tersekat disebabkan isu *bottleneck*.

Walau bagaimanapun, perkara ini sekali lagi saya bawa maklum kepada pihak JPA kerana ini sentiasa menjadi isu yang sentiasa dibawa oleh bukan sahaja Dewan Negera tetapi juga Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan Negeri.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari agar pelajar Malaysia yang mendapat tajaan luar negara dibantu supaya tidak tertekan akibat kejatuhan Ringgit Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, penurunan nilai Ringgit Malaysia tidak memberi kesan secara langsung terhadap pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam di luar negara. Ini adalah kerana pembayaran biasiswa kepada mereka dibayar sama ada dalam mata wang *Dollar* ataupun mata wang Euro ataupun dalam mata wang negara di mana mereka belajar, kecuali pelajar yang melanjutkan pengajian di Indonesia dan Jordan yang mana dibayar dalam mata wang Ringgit Malaysia.

Pada masa ini biasiswa JPA merangkumi yuran pengajian, elaun sara hidup, elaun buku, elaun alat perkakas, elaun tesis, elaun latihan amali, elaun pakaian dan elaun penempatan. Kadar elaun yang diterima oleh pelajar adalah berbeza mengikut negara di mana mereka belajar dan bidang pengajian seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Seterusnya merujuk kepada saranan Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim supaya gred ketua jabatan diutamakan dalam negeri, ditambahbaikkkan dan dinaikkan taraf selaras dengan bebanan tugas semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji kesesuaian gred jawatan termasuk jawatan di negeri. Secara umumnya penentuan gred jawatan adalah berdasarkan kepada tahap kompleksiti dan beban tugas jawatan tersebut.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Dalam perbahasan beliau, Yang Berhormat Senator telah mencadangkan agar pengagihan Kerusi-kerusi dalam Parlimen diagihkan dengan secara yang lebih secara di mana sebanyak 1/3 daripada jumlah Kerusi dikhususkan pada Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPR melaksanakan urusan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya sebagaimana yang ditetapkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Daripada segi penetapan komposisi bilangan Kerusi dalam Parlimen, perkara tersebut adalah di bawah kuasa Parlimen melalui pindaan kepada Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Negara dan Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan isu yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Oh, dia tidak ada dalam Dewan. Akan tetapi saya jawab sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawablah Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Senator telah memohon penjelasan mengenai peningkatan peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri di dalam Belanjawan 2016 sedangkan peruntukan untuk kementerian-kementerian lain terpaksa dikurangkan. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan belanja mengurus yang diterima bagi tahun 2016 untuk JPM sebenarnya berkurangan sebanyak 0.69 peratus berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2015. Peningkatan peruntukan untuk JPM di dalam Belanjawan 2016 berikutan pertambahan untuk perbelanjaan pembangunan.

Bagi tahun sebelumnya iaitu tahun 2015, perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan adalah sebanyak RM13 bilion manakala untuk tahun 2016 anggaran peruntukan pembangunan adalah sebanyak RM14 bilion. Manakala peruntukan perbelanjaan mengurus yang diterima bagi tahun 2016 berkurangan sebanyak 0.69 peratus berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2015. Wajar saya memaklumkan juga bahawa peningkatan peruntukan untuk JPM ini juga berikutan pertambahan jumlah agensi di bawah naungan JPM seperti Jabatan Pertahanan Awam dan Agensi Pengurusan Bencana Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga terdapat 92 buah jabatan, agensi di bawah JPM dengan 57 buah jabatan, 10 buah badan berkanun, 13 buah syarikat, lima buah agensi pembangunan koridor, lima buah yayasan, dua buah pertubuhan antarabangsa antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Biro Tatanegara, Jabatan Audit Negara, Parlimen Malaysia, Jabatan Perangkaan, Jabatan Kemajuan Islam, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara, Istana Negara, *Eastern Sabah Security Command*, Unit Pemulihan Pasca Banjir dan Jabatan Pertahanan Awam.

Agensi-agensi di bawah JPM ini memerlukan lebih banyak dana untuk beroperasi khususnya agensi yang terlibat dalam soal keselamatan dan bencana seperti APMM, MKN, ESSCOM, JPAM dan Unit Pemulihan Pasca Banjir lantas peningkatan peruntukan untuk JPM adalah munasabah dan tidak patut dijadikan isu.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat yang membangkitkan isu di bawah Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dan Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah mencadangkan agar keanggotaan Senator diubah kepada tiga orang wakil untuk sebuah negeri di mana dua daripadanya wakil dipilih oleh pengundi dan satu dipilih daripada lantikan DUN.

Untuk makluman Yang Berhormat Perenggan A, Fasal 1, Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa dua orang Ahli Dewan bagi setiap negeri hendaklah dipilih sebagai Ahli Dewan Negara. Bagi maksud cadangan Yang Berhormat. Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda dan buat masa ini kerajaan tidak berhasrat membuat sebarang pindaan terhadap perkara tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian telah membangkitkan mengenai isu penerimaan elaun Ahli Dewan Negara yang dikatakan lebih rendah daripada elaun Ahli Dewan Rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat masing-masing menerima elaun dan kemudahan yang setimpal dengan beban tugas dan tanggungjawab yang dipikul.

Tuan Yang di-Pertua saya seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan Unit Penyelaras Pelaksanaan iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Yang Berhormat telah memohon penjelasan mengenai mengapa terdapat banyak projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di Sabah tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan serta mengapa caj *liquidated and ascertained damages* (LAD) tidak boleh dikenakan kepada syarikat yang gagal menyiapkan projek tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sentiasa mematuhi syarat-syarat kontrak dalam perjanjian kontrak yang telah dipersetujui. LAD telah dikenakan selaras dengan klausa 4, kontrak JKR 203 atau mana-mana kontrak yang terpakai bagi wujud kegagalan di pihak kontraktor menyiapkan projek dalam tempoh perjanjian.

Bagi projek-projek pembangunan, aduan terhadap syarikat-syarikat yang ditamatkan kontrak akibat kegagalan menyiapkan projek dimaklumkan pada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bagi tujuan senarai hitam syarikat di bawah Akta 520, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994.

Yang Berhormat juga telah memohon perincian mengenai jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk rakyat negeri Sabah, senarai projek di Sabah mulai 1993 hingga sekarang berserta data pada tahun 2010 hingga pilihan raya akan datang supaya rakyat Sabah maklum akan peruntukan yang telah disalurkan kepada negeri mereka. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan pembangunan negeri Sabah yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan mengikut pecahan rancangan lima tahun adalah seperti berikut:

Rancangan Malaysia	RM (bilion)
RMKe-1	0.34
RMKe-2	0.774
RMKe-3	2.799
RMKe-4	2.585
RMKe-5	2.253
RMKe-6	2.595
RMKe-7	6.970
RMKe-8	13.180
RMKe-9	20.631
RMKe-10	20.609

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu berkenaan dengan Pejabat Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader. Yang Berhormat Senator Syed Ibrahim telah memohon maklumat mengenai status bumiputera bagi masyarakat India Muslim seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat istilah bumiputera sering digunakan oleh kerajaan dalam menguatkuasakan dasar-dasar kerajaan dan lazimnya istilah bumiputera merujuk kepada warganegara Malaysia yang terdiri daripada kategori berikut:

- (i) "orang Melayu" ditakrifkan dalam Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan; dan
- (ii) "anak negeri" Sabah dan Sarawak yang ditakrifkan dalam fasal (6), Perkara 161A, Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan "anak negeri" bagi negeri Sabah hendaklah dibaca bersama dengan *interpretation Definition of Native Ordinance Sabah Chapter 64*, daripada segi undang-undang perlindungan kepada orang Melayu, dan anak negeri Sabah dan Sarawak diperuntukkan dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Berdasarkan pelaksanaan dasar sedia ada ini seorang akan hanya diiktiraf sebagai bumiputera oleh kerajaan jika dia memenuhi semua syarat sama ada sebagai orang Melayu, anak negeri atau Orang Asli. Yang Berhormat Senator Syed Husin Ali telah membangkitkan mengenai soal dana politik RM2.6 bilion. Untuk makluman Yang Berhormat pertanyaan berkenaan isu dana politik RM2.6 bilion telah pun dijelaskan melalui penerangan Menteri di bawah Peraturan 14(1)(i) di Dewan Negara pada 3 Disember 2015. Sekali lagi saya menegaskan di sini bahawa kerajaan telah dinasihatkan oleh Peguam Negara bahawa apa-apa kenyataan tidak wajar diberikan berhubung perkara ini...

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada yang hendak mencelah.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Memandangkan perkara tersebut masih dalam siasatan oleh agensi yang berkaitan. Justeru itu agensi yang berkaitan hendaklah diberikan kebebasan dalam menjalankan siasatan secara telus dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri kerana menjawab dengan jelas sekali. Jadi mengenai soal bumiputera, kembali pada soal bumiputera tadi. Masyarakat Siam adalah di kategori mana, saya hendak tanya di bawah taraf bumiputera itu. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua saya rasa bagi jawapan ini saya akan berikan jawapan bertulislah. Tadi pun saya dan berikan sedikit jawapan tentang status. Akan tetapi sebaiknya untuk jawapan bertulis ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, teruskan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua memandangkan masa tidak mengizinkan maka saya akan akhiri ucapan penggulungan saya setakat ini. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sesungguhnya pihak kami akan mengikut setiap cadangan dan kritikan yang dikemukakan dan mana-mana pertanyaan yang tidak sempat saya bantah akan saya jawab secara bertulis. Dengan ini saya akhiri ucapan saya, penggulungan Belanjawan 2016 di Dewan Negara ini dengan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak buat penambahan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ya, cuma satu peringatan. / terima jawapan bahawa akan menjawab secara bertulis. Cuma peringatan, isu yang saya bangkit itu mengenai *Hindu Endowments Board*, so / harap jangan lupalah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah selesai?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Selesai.

Timbalan Yang di-Pertua: Mikrofon. Saya ingat Yang Berhormat hendak berucap sebab mikrofon itu masih *on*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1210

Sebelum saya menjemput Menteri seterusnya untuk menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa tolonglah berada di dalam Dewan semasa Menteri menjawab. Kita ada kurang lebih 25 kementerian yang akan menjawab dalam masa dua hari, hari ini dan esok. Jabatan Perdana Menteri sahaja ada lapan orang Menteri yang akan menjawab. Jadi, saya mohon kerjasama Yang Berhormat sekalian supaya berada di dalam Dewan dan saya akan cadangkan kalau Yang Berhormat tiada di dalam Dewan, Menteri tidak payah menjawab di dalam Dewan, cuma boleh dibuat secara bertulis.

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom. Silakan Yang Berhormat Menteri.

12.10 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan hal ehwal Islam semasa perbahasan Bajet 2016 di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri khususnya jabatan dan agensi berkaitan telah mengambil perhatian dan menghargai pandangan, teguran, juga cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat telah menyarankan kerajaan menggunakan kepakaran golongan agama untuk memberi input *maqasid syariah* dalam pentadbiran kerajaan. Sememangnya sebagaimana yang disarankan, kerajaan telah menggunakan kepakaran ramai pakar-pakar daripada pelbagai disiplin ilmu bagi membantu pembangunan dan pentadbiran negara agar selari mengikut kerangka *maqasid syariah*. Misalnya dalam pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan, ia melibatkan ramai pakar dan ahli akademik dalam pelbagai bidang termasuk bidang agama daripada lima buah universiti awam.

Pakar-pakar ini telah dilantik oleh kerajaan untuk menjalankan penyelidikan dan mengukur usaha-usaha dalam pelaksanaan dasar-dasar negara secara telus dalam lapan bidang utama pentadbiran negara iaitu perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, sosial dan prasarana dan persekitaran. Dapatan penyelidikan ini akan dapat mengenal pasti sejauh mana dasar kerajaan yang dilaksanakan menepati kehendak prinsip *maqasid syariah*.

Sehubungan itu, saranan Ahli Yang Berhormat agar golongan pakar di universiti awam dilibatkan dalam pentadbiran kerajaan serta diletakkan dalam mana-mana jawatankuasa untuk memberi input *maqasid syariah* amatlah dihargai dan sememangnya telah dilaksanakan oleh kerajaan. Ia akan terus diberikan perhatian serius agar penambahbaikan pentadbiran negara dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saranan untuk menyegerakan tindakan bagi memperkasakan dan menaikkan taraf Mahkamah Syariah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Sebagaimana penjelasan saya beberapa kali di Dewan yang mulia ini pada persidangan-persidangan yang terdahulu, sesungguhnya usaha-usaha ke arah memperkasakan Mahkamah Syariah dan bidang kuasanya sentiasa menjadi keutamaan kerajaan selaras dengan fasal 1(1) Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam agama bagi Persekutuan.

Pada masa ini, kerajaan sedang meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] yang bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah yang sedia ada.

Ini adalah untuk memastikan cadangan pindaan kepada Akta 355 tersebut dibuat secara teratur mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan. Di samping yang sama, perlu difahami akta ini hanya melibatkan orang-orang Islam sahaja.

Mengenai cadangan untuk naik taraf Mahkamah Syariah, kerajaan bercadang untuk mewujudkan lima peringkat Mahkamah Syariah di negara ini iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Pada masa ini, kerajaan sedang menjalankan rundingan dengan Majlis Agama Islam negeri-negeri bagi mendapat pandangan dan pertimbangan memandangkan perkara-perkara berkaitan hal ehwal Agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ada dua soalan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Pertama iaitu meletakkan mereka yang pakar di dalam bidang syariah ataupun perundangan Islam dalam semua institusi kerajaan seperti di Kementerian Belia dan Sukan, begitulah juga Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan semuanya.

Saya rasa, ini yang perlu diletakkan atau ditempatkan dan diminta untuk mereka memberi pandangan dalam program-program atau rancangan yang ada supaya mereka boleh memberi input dari sudut Islam. Ini kerana saya melihat sebelum ini, kalau kita tengok dalam sebelum ini bajet dan sebagainya, di dalam membuat bajet selalu disebut dikenakan *interest 4 peratus* sebagai contoh. Jadi saya rasa, boleh jadi hal-hal seperti ini terlepas pandang di mana mereka yang pakar di dalam bidang-bidang yang tersebut tidak diberi peluang untuk menyatakan atau tidak mempunyai peluang untuk menyatakan hal-hal itu.

Oleh sebab itu saya menyanjung atau saya menyokong baiklah usaha yang telah dilakukan di mana golongan ini diberi tempat. Akan tetapi bagi saya, perlu kepada semua agensi kerajaan supaya dasar *maqasid syariah* itu dapat diterapkan di dalam semua bidang, bukan sahaja satu-satu bidang. Saya pun dapat juga hari ini, borang soal selidik yang dibuat oleh UUM yang sampai kepada kita hari ini. Itu yang pertama.

Kedua, berhubung dengan memperkasakan Mahkamah Syariah. Saya pun sebagaimana yang telah Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, beberapa kali sudah disebutkan dalam Dewan ini berhubung dengan hasrat, cita-cita dan usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menaiktarafkan Mahkamah Syariah kepada lima tahap tadi, lima kategori mahkamah. Saya sangat menyokong usaha ini. Cuma saya rasa, perkara ini sedang dinanti oleh masyarakat umat Islam di Malaysia, bilalah agak-agaknya kalau kita boleh membuat ramalan.

Ini kerana sekarang musim tengkujuh pun orang buat ramalan Yang Berhormat Menteri. Musim tengkujuh orang buat ramalan, angin bertiup dan sebagainya, kemungkinan banjir besar berlaku atau gempa bumi berlaku. Jadi, saya rasa bagus juga kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri mempunyai radar yang boleh membuat ramalan-ramalan, yang boleh memberi cahaya yang menerangi, terowong yang ada cahaya dalam jangka masa yang kita rasa boleh jadi ambil masa, tetapi ada jangka-jangka masa yang tertentu.

Saya pun banyak kali dengar Yang Berhormat Menteri menyebut sini, usaha-usaha telah dijalankan. Cuma hari ini juga masih Yang Berhormat Menteri sebut usaha dan saya yakin usaha ini sedang dijalankan dan terus dijalankan. Cuma saya rasa umat Islam di Malaysia ini sedang menanti usaha yang telah dilakukan itu dan saya setuju bahawa program atau usaha yang hendak dilakukan itu biar mengikut tatacara yang baik dan berjalan dengan sebaiknya. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat.

Perkara yang berkaitan dengan yang pertamanya ialah tentang pakar dalam bidang syariah terutamanya dalam bidang agama dan sebagainya dalam semua jabatan. Kerajaan mengambil perhatian tinggi sebagai yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi, dengan mengambil kira contoh-contoh yang berlaku di hadapan kita yang mungkin kadang-kadang dalam bajet, belanjawan dan sebagainya yang menyebut tentang perkataan-perkataan yang di luar konteks sepatutnya, termasuk dalam bab yang disebutkan dengan bayaran *interests* dan sebagainya yang perlu diharmonikan dengan apa yang telah dilaksanakan mengikut ketepatan kehendak *maqasid syariah* dan juga ketepatan indeks syariah yang bakal mengukur nanti.

Saya merasakan Yang Berhormat Senator, apabila nanti dengan termasuk kertas-kertas jawapan dan yang telah diberikan dengan Q&A yang dibuat oleh pihak-pihak yang dilantik oleh kerajaan untuk membuat kaji selidik tentang Indeks Syariah daripada lima buah universiti.

■1220

Selain daripada UUM ada UIA termasuk daripada UTM Skudai, termasuk dari universiti- UKM dan juga USIM. Di mana mereka akan mengadakan pengukuran dan kita mengambil kira juga nanti bakal cadangan-cadangan yang dikeluarkan dan mengambil kira apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Selain daripada itu juga, saya juga setuju amat bila Yang Berhormat sebutkan kata tentang berkaitan dengan memperkasakan Mahkamah Syariah dan mungkin pada saya sudah masuk beberapa kali jawapan di sini tentang memperkasakan. Cuma sedia maklum, Yang Berhormat juga memahami bahawa mengikut Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Senarai II- merupakan Senarai Negeri. Jadi, di peringkat Persekutuan, kerajaan menemui dan juga meminta kepada pihak kerajaan-kerajaan negeri terutama Majlis-majlis Agama Islam Negeri supaya diharmonikan pandangan-pandangan sebab masih ada lagi pandangan negeri yang melihat kewujudan mahkamah yang sedia ada sekarang sudah mencukupi. Ada juga negeri yang melihat bahawa bukan lima *tiers*, lima tingkatan, dengan izin, dia melihat perlu ada empat. Ada juga negeri bersetuju tentang lima tingkat tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini ada negeri yang kita pusing masuk *round* ketiga pun ada, ada yang bahkan lebih tiga kali kita menemui memberikan penjelasan terutamanya hal-hal yang teknikal. Kita juga memahami bahawa perbezaan pandangan bagi negeri-negeri ini bukan merupakan *obstacle* atau, dengan izin, halangan ataupun merupakan sebagai sempadan. Akan tetapi, bagi pihak kerajaan, ia melihat sebagai satu keunikan dalam mencari keseragaman yang lebih baik dan lebih harmonis sebelum kita membuat keputusan kepada peringkat mahkamah ini.

Kalau sebagai mana Yang Berhormat sebutkan tadi, untuk meramalkan sebagai mana ramalan cuaca. Oleh sebab agak susah meramalkan sebab kalau ramalan cuaca sumbernya hanya satu sahaja Yang Berhormat, kita melihat cuaca sama ada menggunakan alat sains dan sebagainya ataupun menggunakan bomohlah. Kita tengok keadaan yang berlaku dalam cuaca. Akan tetapi, Yang Berhormat ini bergantung 14 buah negeri dari negeri yang mempunyai Raja dan tidak mempunyai Raja. Lima buah negeri yang tidak mempunyai Raja dan Sultan masing-masing iaitu Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Melaka, Sabah dan juga Sarawak dan selain itu Yang Berhormat, sembilan buah negeri yang mempunyai pandangan dari Raja-Raja. Ini amat memerlukan kebijaksanaan di semua peringkat untuk disampaikan nanti kepada pihak Raja-Raja dan juga termasuk negeri masing-masing sebelum diangkat kepada Majlis Raja-Raja.

Jadi untuk meramalkan sebagai mana ramalan tadi Yang Berhormat, saya meletakkan begini, kita meletakkan, *man jadda wajada*, kita bersungguh-sungguh, kita berusaha. Saya selalu sebutkan kepada banyak pertemuan di mana saya menyatakan bahawa sebagai mana Nabi Yaakob telah pun mengajarkan kepada anak-anaknya sehingga waktunya bertemu dengan Nabi Allah Yusuf selaku Perdana Menteri Mesir pada waktu itu dengan menyatakan... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Maknanya, jangan masuk satu pintu, maka kepelbagaian pintu itu mudah-mudahan kita memperoleh kejayaan.

Mungkin dalam sikit bahasanya Yang Berhormat, dan saya hendak pindah kepada Datuk Abdullah bin Mat Yassim, tahniah Ahli Senator baru. Yang Berhormat menyarankan, mencadangkan supaya peruntukan kaedah pembayaran peruntukan bagi membiayai imbuhan imam-imam.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) telah memperuntukkan hampir RM500 juta secara tahunan untuk disalurkan ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan juga Sarawak bagi membiayai imbuhan imam, elaun guru takmir dan KAFA serta menyelaras pentadbiran masjid daerah. Peruntukan yang bertujuan untuk menghargai sumbangan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya mohon Yang Berhormat Menteri memberi ruang untuk seorang Menteri mengemukakan satu usul. Silakan, Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYAUAT

12.24 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan,

“Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 petang dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 15 Disember 2015.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato’ Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Selanjutnya ialah berkaitan dengan peruntukan yang bertujuan menghargai sumbangan mereka ini dalam memartabatkan syiar Islam telah disalurkan ke negeri-negeri melalui pihak berkuasa agama negeri atau Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) untuk diuruskan sehingga sampai kepada penerima.

Segala bentuk penyaluran peruntukan pengurusan pembayaran adalah di bawah pemantauan JAKIM dan jawatankuasa dilantik di peringkat persekutuan dan juga negeri berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Bagi negeri Kelantan, pada tahun 2015 sebanyak RM65.6 juta telah disalurkan pada Jabatan Pembangunan Persekutuan untuk pembiayaan imbuhan imam, guru takmir, guru KAFA dan penyelaras masjid di seluruh negeri Kelantan.

Bagi menyampaikan maklumat berhubung peranan Kerajaan Persekutuan ini. JAKIM bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan juga MAIN serta agensi yang berkenaan telah bekerjasama menghimpunkan mereka dalam Program *Multaqa* Imam, guru takmir, guru KAFA dan jawatankuasa masjid yang diadakan secara tahunan di negeri-negeri seluruh Malaysia. Program ini antaranya bertujuan untuk merapatkan hubungan pihak Kerajaan Persekutuan dan golongan pemimpin masyarakat serta maklumkan kepada mereka berhubung peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada JAIN, MAIN dan juga JPP. Pada tahun 2015, *Multaqa* diadakan di lapan buah negeri termasuk negeri Kelantan pada bulan Mei 2015 dengan kehadiran 1200 orang peserta.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan sedia ada wajar diteruskan berdasarkan persetujuan bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan pihak berkuasa agama negeri kerana bidang kuasa agama terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu berkaitan peranan pusat zakat dan kutipan serta agihan zakat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Hendak tanya sebab kalau tidak ada tadi Tuan Yang di-Pertua sudah bagi izin tidak jawab. Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum Butiran Satu senarai Dua Jadual Kesembilan, sekali lagi Perlembagaan Persekutuan menetapkan hal ehwal agama Islam termasuklah urusan zakat yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Maka pelaksanaan pengagihan zakat mengikut kuasa dan pertimbangan pihak berkuasa agama negeri masing-masing dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan dalam perkara berkenaan. Saya yakin kerajaan negeri sentiasa mengambil tindakan terbaik bagi mengendali dan meningkatkan perkhidmatan pungutan zakat masing-masing terutamanya dalam aspek pengagihan mereka yang berhak.

Oleh yang demikian, penjelasan saya adalah berdasarkan peranan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sahaja selaku agensi yang mengeluarkan zakat di Wilayah Persekutuan. Sehubungan itu, penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat seperti berikut. Pertamanya, disyorkan surau-surau dan masjid bekerjasama dengan JKKK dalam mengenal pasti bantuan daripada pelbagai dimensi. Sememangnya MAIWP sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pihak pengurusan masjid dan surau dan badan-badan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan sebagainya untuk menguar-uarkan tentang bantuan zakat yang ditawarkan.

Kedua, isu birokrasi-birokrasi di kalangan pentadbir zakat. Dimaklumkan prosedur permohonan bantuan zakat, baitulmal Wilayah Persekutuan sentiasa dipermudahkan daripada masa ke semasa tanpa ada birokrasi yang menyukarkan. Sebagai contoh, borang permohonan diringkaskan daripada lapan halaman muka, kepada dua halaman dan borang dokumen sokongan tidak lagi memerlukan pengesahan ataupun sokongan daripada mana-mana pihak kecuali bagi pengesahan pendapatan sahaja.

Setiap permohonan akan diproses berdasarkan syarat yang ditetapkan dan akan dipertimbangkan mengikut pengiraan had kifayah yang melihat kepada pendapatan dan tanggungan pemohon. Permohonan yang layak akan dipertimbangkan tanpa memerlukan surat sokongan dari mana-mana individu atau pihak tertentu. Oleh itu, kenyataan Yang Berhormat yang membangkitkan lima orang sahaja yang disokong, diterima dalam sehari tidak timbul di MAIWP. Ini kerana, sebanyak 200 hingga 300 permohonan diproses oleh Baitulmal dalam sehari.

Ketiga, saranan supaya pentadbir zakat perlu kerap turun padang dan tidak tunggu semata-mata. Sememangnya saranan Yang Berhormat itu telah...

■1230

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sekejap. Sekejap lagi kita beri habis dahulu, saya bagi Yang Berhormat bangun.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sememangnya saranan Yang Berhormat itu telah dilaksanakan oleh MAIWP bagi memastikan tiada asnaf yang tercicir daripada menerima bantuan zakat. MAIWP telah menubuhkan Skwad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP yang turun padang mencari dan menyantuni asnaf di seluruh Wilayah Persekutuan. Setiap Skwad Jejak Asnaf ini diberikan tanggungjawab untuk mencari dan menjajaki asnaf mengikut kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan.

Sehingga kini, seramai 2,959 orang asnaf telah berjaya dijejaki oleh skuad ini. Skuad ini secara rutinnya akan turun padang ke kawasan-kawasan yang kebiasaannya terdapat golongan yang memerlukan seperti di PPR hampir setiap hari termasuk hujung minggu. Skuad ini juga bertindak apabila mendapat laporan ataupun aduan daripada orang awam melalui maklumat yang boleh disalurkan melalui hotline 012-5127614 atau 012-5183614 atau talian bebas tol 1-800-88-5222, atau menerusi media sosial seperti *Facebook*.

MAIWP juga turut mempunyai kaunter bergerak yang turun ke lokasi strategik bagi memudahkan orang ramai memohon bantuan zakat dan mendapat maklumat lanjut mengenai bantuan-bantuan yang ditawarkan. Bagi menyantuni golongan gelandangan pula, skuad ini turun padang pada setiap malam waktu malam bagi menyantuni golongan tersebut. MAIWP juga membantu golongan ini dengan bantuan secara *one-off* atau melalui bantuan kecemasan secara tunai di lapan buah kaunter agihan Baitulmal sebelum bantuan-bantuan lain disalurkan.

Keempat, bantuan kepada gelandangan tidak diberi kerana tidak memenuhi syarat tiada alamat tetap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan ditawarkan oleh MAIWP adalah kepada pemastautin di Wilayah Persekutuan iaitu yang menetap di Wilayah Persekutuan selama setahun dan masih lagi menetap semasa permohonan dibuat. Perkara ini dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan. Syarat yang sama juga diletakkan oleh agensi yang menguruskan zakat di negeri-negeri lain yang menawarkan bantuan zakat kepada pemastautin di negeri masing-masing.

Aspek pemastautin gelandangan menyukarkan bantuan diberikan kepada mereka. Ini kerana golongan gelandangan tidak menetap di satu-satu tempat serta kerap kali berpindah dan bertukar ke tempat lain. Gelandangan ini kerap kali bertukar dan mereka tidak lama bergelandangan di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk membantu mereka Baitulmal MAIWP bekerjasama dengan beberapa buah badan bukan kerajaan (NGO). Surat pengesahan bergelandangan yang dikeluarkan daripada NGO ini turut diguna pakai oleh Baitulmal MAIWP dalam menawarkan bantuan secara bulanan kepada gelandangan yang layak dengan keutamaan kepada yang berkeluarga. Baitulmal MAIWP juga telah menyediakan rumah transit bagi menempatkan gelandangan ini secara sementara sebelum bantuan-bantuan zakat dapat disalurkan kepada mereka.

Kelima, sepatutnya umur asnaf tidak dihadkan kepada pemohon yang berusia 45 tahun ke atas. MAIWP tidak meletakkan had umur dalam menyalurkan bantuan zakat di mana sekiranya pengiraan had kifayah melayakkan mereka menerima bantuan zakat, maka bantuan zakat akan disalurkan.

Keenam, jumlah anak-anak miskin di IPTA/IPTS yang terima bantuan zakat sepanjang tahun ini. Bantuan kepada anak-anak asnaf yang belajar di IPTA/IPTS juga turut menjadi keutamaan kepada semua MAIN dalam menyediakan peruntukan yang besar bagi tujuan tersebut sama ada melalui *Asnaf Fi Sabilillah* atau lain-lain asnaf mengikut dasar dan pertimbangan Majlis Agama Islam Negeri.

Bilangan pelajar yang dapat dibiayai adalah tertakluk kepada jumlah kutipan zakat yang dipungut oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan, sepanjang tahun 2015 MAIWP telah membantu 12,795 orang pelajar yang melanjutkan pelajaran di IPTA/IPTS sama ada di dalam negara dan juga luar negara. Bantuan ini melibatkan perbelanjaan RM42.91 juta. Okey.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat Menteri saya hendak ucap terima kasih pada Pejabat Zakat Wilayah Persekutuan kerana di antara gelandangan yang saya bagi surat sokongan, ada yang dapat. Saya akan *interview* semua gelandangan dan kebanyakannya tinggal dan duduk di kaki lima seramai beberapa ratus orang lah, kaki lima di *SEGi College*.

Di sini saya cuma hendak maklum kepada pihak zakat bahawa di dalam borang zakat ada tertulis iaitu Pejabat Zakat hendak ada alamat tetap, bil elektrik dan bil air. Namun gelandangan memang tidak ada benda-benda ini. Cuma apa yang saya hendak minta Pejabat Zakat supaya kalau boleh setiap malam turun ke kaki lima *SEGi College* dan ke kaki lima, bangunan di KL yang kelihatan gelandangan-gelandangan ini tidur dan dapatkan maklumat daripada mereka.

Saya ambil kesempatan ini saya ucapkan terima kasih sebab daripada 200 buah surat sokongan yang saya bagi, lebih kurang 100 orang datang balik dan memaklumkan Pejabat Zakat telah memberi mereka bilik dan juga sebulan RM150. Jadi itu usaha terbaik dari Pejabat Zakat.

Seterusnya saya hendak maklum juga tentang had umur memang telah diberitahu oleh gelandangan-gelandangan ini bahawa memang pejabat zakat mengehendkan umur. Jadi saya mintalah kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri untuk lakukan pemantauan dan saya juga sekali lagi ucapkan terima kasih atas bantuan kepada gelandangan ini. Sememangnya mereka dapat bantuan selepas mereka pergi ke Pejabat Zakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff yang telah pun boleh kita gelar wirawati gelandangan- tak perlu tepuk. Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah tepuk pula dia.

Saya menyanjung tinggi usaha yang telah Yang Berhormat lakukan, dan sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, sebenarnya perlu difahami juga bukan gelandangan ini kita buat secara bersendirian, bahkan Kementerian Kebajikan Masyarakat dan beberapa kementerian termasuk Menteri Wilayah Persekutuan yang juga turut bersama-sama dengan kita. Ada lagi beberapa kementerian lain yang turut membantu.

Namun sebagaimana yang kita fahami, realitinya ialah mereka ini tumbuh setiap hari dan *off and on* dengan izin, dia wujud kemudian hilang begitu sahaja. Dia hilang pada bulan Ramadhan. Raya dan sebagainya datang balik selepas daripada itu. Jadi, itu antaranya.

Soal berkaitan dengan alamat tetap itu juga bukan sebab apa, dia memang tidak ada alamat tetap di KL ini. Dia ada juga alamat-alamat tetap di kampung halaman masing-masing untuk memudahkan rujukan. Ini kerana Yang Berhormat, oleh sebab pengurusan daripada wang ini tidak boleh kita sewenangnyanya begitu kerana kita sudah ada beberapa pengalaman yang kita lalui. Mereka ini ada sumber-sumber kekuatan yang lain di tempat masing-masing. Walaupun saya tidak menafikan ramai yang tidak, tetapi dalam menjaga *standard operation procedure* (SOP), dengan izin, kita perlukan alamat itu.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan ketiadaan alamat, masih lagi kita uruskan dan kita bantu termasuk dalam ketiadaan bil elektrik. Ini kerana di Kuala Lumpur, bila dia duduk tidak ada lah bil untuk dia pula sebab dia duduk bawah kaki lima sahaja. Siapa hendak hantar bil. Jadi kita ambil kira juga termasuk yang itu.

Kemudian had umur ini, sebagaimana yang telah diperjelaskan, di Wilayah Persekutuan sebab di negeri lain saya- sebab ini di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Kalau Yang Berhormat dari Kedah sama dengan Timbalan Menteri Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah, dia kena tanya di alamat negeri masing-masing. Ini kerana negeri masing-masing ada penetapan masing-masing. Akan tetapi di Wilayah Persekutuan, kenapa ada yang dia memohon tidak dapat kerana kita hendak melihat had kifayah. Dia bukan had umur. Had kifayah ini ialah kalau dia sepatutnya untuk menggunakan sebanyak RM700 satu bulan, RM1,000. Kekurangan itu berapa. Itulah kita namakan had kifayah yang kita tampung daripada itu, bukan had umur. Jadi barangkali dia silap faham. Kalau pun umur muda, tetapi had kifayahnya tidak cukup untuk dia hidup dalam tempoh sebulan, masih lagi ditampung.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum juga, kita bagi RM150 satu bulan sebagai contoh. Bahkan saya hendak maklumkan juga kepada Dewan yang mulia pada pagi ini, kita sebenarnya di Wilayah Persekutuan kita ada lapan buah masjid yang diberikan dana oleh pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk makan setiap hari termasuk hari minggu tolak bulan Ramadhan, tetapi bulan Ramadhan ambil waktu buka puasa. Satu lagi kita ada Kedai Makan Asnaf 1Malaysia di Jalan Ipoh tak jauh dari sini, dekat dengan Baitulmal di mana kedai ini kita beri makan setiap hari secara percuma sebagaimana di masjid-masjid juga tadi. Kita beri secara percuma ini.

Saya beberapa kali meninjau tempat, tidak kurang daripada tiga hingga empat ratus orang setiap hari tanpa mengira apa bangsa dan juga anutan agama yang datang makan setiap hari. Saya sengaja memaklumkan ini untuk memudahkan kefahaman. Kita juga telah mewujudkan PAZA ataupun pusat agihan zakat.

■1240

Di mana pusat-pusat di Parlimen Wilayah Persekutuan ini kita tempatkan semua pusat ini untuk memudahkan permohonan dan juga untuk kita salurkan bayaran-bayaran yang tidak memerlukan dia datang ke ibu pejabat ataupun ke pusat di Kuala Lumpur.

Akan tetapi boleh memohon di kawasan Parlimen masing-masing sebagai contoh PAZA di Putrajaya, Cheras dan Bandar Tun Razak. Jadi, tempat ini merupakan tempat-tempat agihan dan pemberian bantuan kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu berkaitan Lembaga Tabung Haji. Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim meminta Tabung Haji membuat kajian ke atas perkhidmatan Pakej Haji supaya setimpal dengan bayaran yang mahal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pakej Haji Zamrud dan Al-Maas bagi menunaikan haji adalah ditawarkan oleh TH Travel & Services Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Tabung Haji. Manakala pakej-pakej haji lain ditawarkan oleh agensi-agensi pengelola haji yang lain. Di Malaysia ada 17 buah agensi pengelola jemaah haji yang dibenarkan walaupun mereka bukan daripada pihak Tabung Haji tetapi dibenarkan untuk mengelola.

Para jemaah yang mengikuti Pakej Haji Zamrud dan Al-Maas ini tiba di Jeddah dalam 18 September 2015 ataupun 4 Zulhijah 1436 Hijrah iaitu waktu tempoh kemuncak pergerakan masuk jemaah haji ke Tanah Suci yang melibatkan semua negara dunia, termasuk Negara-negara Teluk. Dalam tempoh waktu kemuncak ini lazimnya pihak Imigresen Kerajaan Arab Saudi mengambil masa yang agak lama bagi pemprosesan kemasukan jemaah haji ke Tanah Suci. Tempoh menunggu kadangkala mencecah lapan hingga 10 jam bagi melepasi pemeriksaan pihak Imigresen Kerajaan Arab Saudi hinggalah selesai dan keluar dari terminal.

Kekangan-kekangan seumpama ini telah diperjelaskan dengan terperinci semasa taklimat sesi taklimat kepada para jemaah tersebut pada 23 Ogos 2015 di JW Marriot, Kuala Lumpur agar mereka bersedia daripada segi mental dan fizikal. Semasa sesi taklimat berkenaan, pihak TH Travel & Services Sdn. Bhd. juga mengambil inisiatif memaparkan gambar-gambar situasi yang bakal dihadapi sewaktu ketibaan di Lapangan Terbang Jeddah agar para jemaah lebih memahami situasi yang mungkin dihadapi dan membuat persediaan awal. Bagi para jemaah yang uzur dan berkerusi roda, pihak TH Travel & Services Sdn. Bhd. telah meminta waris pengiring membawa bersama kerusi tersebut dari tanah air dan juga disediakan bagi jemaah yang uzur. Ada juga yang telah disediakan di Lapangan Terbang Jeddah menunggu ketibaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim meminta kerajaan membangunkan rumah mampu milik atas tanah wakaf. Adakah perancangan pembangunan tanah wakaf, khususnya di Pulau Pinang? Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perancangan pembangunan tanah wakaf adalah tertakluk kepada pertimbangan majlis agama Islam negeri-negeri iaitu dalam ringkasan selalu disebut MAIN.

Oleh sebab perlu difahami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa selaku pemegang amanah tunggal tanah wakaf di negeri masing-masing dan pembangunannya pula adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan yang sedia ada oleh MAIN masing-masing. Sehubungan itu, perancangan pembangunan tanah wakaf di Pulau Pinang adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, kerajaan khususnya melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) mengambil maklum dan mengalu-alukan cadangan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat, perkara tersebut telah dicatatkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri, khususnya agensi-agensi yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup. Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.45 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri, semasa perbahasan Bajet 2016 dari 7 Disember hingga 10 Disember. Antara isu yang telah dibangkitkan mengenai jabatan ini adalah pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som, dia ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Boon Som ada kah? Nampaknya dia tidak ada dalam Dewan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Buat secara bertulis sahaja Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, saya teruskan dengan yang lain. Selepas itu, Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng mencadangkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng? Tidak ada, keluar.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, soalan ketiga daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kuras yang mencadangkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan, teruskan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey-okey, terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kuras pula ada bertanya dua soalan. Pertama ialah mengenai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dimantapkan lagi dengan satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan bagi tujuan tersebut. Program pertukaran pelajar Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan Semenanjung Malaysia dilakukan bagi meningkatkan lagi perpaduan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas cadangan Yang Berhormat itu. Sebenarnya kami telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memantapkan lagi perpaduan melalui program-program yang diadakan adalah seperti berikut:

- (i) pembangunan sumber manusia dengan menggalakkan penyertaan pegawai dalam perbincangan meja bulat, bengkel, seminar dan konvensyen yang boleh mendedahkan pegawai-pegawai kepada isu-isu utama perpaduan.
- (ii) penyertaan kursus di Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) atau di institut latihan kerajaan seperti INTAN yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai.
- (iii) menghantar pegawai berkursus pendek di luar negara bertujuan untuk membentuk pegawai berfikir secara lebih global dalam mengurus isu-isu perpaduan.

Berkaitan dengan cadangan untuk mengadakan program pertukaran pelajar Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan Semenanjung Malaysia bagi meningkatkan perpaduan, pelbagai usaha telah dilaksanakan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi secara berterusan. Aktiviti yang dijalankan ialah di bawah Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) adalah berbentuk kem integrasi yang melibatkan penglibatan pelajar-pelajar dari kedua-dua buah Wilayah Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan sebentar tadi, hanya tiga orang Ahli Yang Berhormat sahaja yang mengambil bahagian. Sekian sajalah ucapan saya. Jawapan-jawapan itu yang tidak ada di sini, saya akan jawab secara bertulis, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Yang Berhormat Menteri menjawab Yang Berhormat.

■1250

12.50 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, bagi Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 peringkat dasar yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Perbadanan PR1MA Malaysia dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Sesungguhnya kita menghargai sumbangan Yang Berhormat untuk memberi pandangan, teguran, saranan kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanya berkenaan dengan status semasa pembinaan rumah kekal baru atau RKB kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 4 Disember 2015, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenal pasti 1,827 buah rumah kekal baru (RKB) yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan perlu membina 1,173 unit, Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak 449 unit, manakala NGO sebanyak 187 unit. Beberapa unit lagi didapati tidak layak menerima bantuan RKB berdasarkan siasatan oleh pihak berkuasa.

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM101.98 juta untuk pembinaan RKB termasuk kos kerja infrastruktur di negeri Kelantan. Sehingga kini, sebanyak 235 unit RKB yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 239 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 388 unit lagi dalam peringkat prabina.

Selain itu, 143 unit RKB lagi baru mendapat pengesahan status hak milik tanah dan pembinaan rumah-rumah ini dijangka akan siap pada bulan Februari 2016. Sebanyak 118 unit lagi sedang dalam siasatan untuk menentukan kelayakan. Walau bagaimanapun, tapak untuk unit-unit siasatan ini telah pun disediakan. Peratusan jumlah pembinaan RKB di Kelantan setakat ini 76.76 peratus daripada jumlah keseluruhan yang patut dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran telah mencadangkan supaya diadakan sistem penggera banjir bagi memberi amaran awal kepada mangsa-mangsa di kawasan yang berisiko. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui agensi-agensi bertanggungjawab secara berterusan meningkatkan keupayaan sistem amaran awal di seluruh negara sebagai usaha untuk memantau serta menghebahkan maklumat kejadian banjir kepada pihak awam. Sistem-sistem ini juga dioperasikan 24 jam setahun dengan matlamat untuk menyediakan sistem amaran awal dalam keadaan yang segera dan seterusnya dapat mengurangkan risiko kehilangan nyawa.

Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan 472 unit stesen siren amaran banjir di seluruh negara. Selain itu, sebanyak 500 buah stesen telemetri bagi kegunaan pemantauan taburan hujan dan paras air sungai turut dibina di kawasan-kawasan yang berisiko banjir.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim telah membangkitkan berkenaan dengan pengagihan bantuan wang ihsan sebanyak RM500 kepada mangsa-mangsa banjir tahun lepas yang dikatakan masih belum selesai dan cadangan beliau supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih penyelarasan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah pun mengambil alih penyelarasan agihan bantuan wang bagi keseluruhan bantuan negeri-negeri yang dilanda banjir. Bagi negeri Kelantan, proses pengagihan bantuan wang ihsan ini telah pun selesai pada Oktober 2015, dengan melibatkan seramai 172,559 orang ketua isi rumah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM86,279,000,500.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tarikh akhir pendaftaran untuk wang ihsan bagi mangsa-mangsa banjir tahun lepas adalah pada 30 Jun 2015. Semua mangsa yang berdaftar dan disahkan layak pada tarikh berkenaan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah telah mendapat wang ihsan tersebut.

Berkenaan APMM. Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian mencadangkan ditempatkan kapal perondaan di tempat perairan Laut China Selatan untuk perairan Sarawak kerana Beting Patinggi Ali telah dikawal oleh *China Coastal Guard* yang menimbulkan masalah kepada nelayan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapal-kapal APMM dan TLDM sentiasa melaksanakan rondaan dan sentiasa membuat pemeriksaan *vessel* di kawasan Beting Patinggi Ali. Pencerobohan pertama kapal *Coast Guard* China di perairan Beting Patinggi Ali adalah pada 4 September 2013, di mana TLDM telah mengarahkan KD Serang ke lokasi pada 5 September 2013. Bagi tahun 2014, jumlah pelayaran kapal TLDM dan APMM yang beroperasi di Beting Patinggi Ali sebanyak 269 hari iaitu 191 hari oleh TLDM dan APMM selama 78 hari. Untuk tahun 2015, TLDM dan APMM telah melakukan sebanyak 345 hari pelayaran iaitu TLDM selama 241 hari dan APMM selama 104 hari.

Bagi mengatasi masalah pencerobohan kapal *Coast Guard* China di perairan Beting Patinggi Ali, APMM telah melaksanakan pelbagai langkah drastik. Antara tindakan yang dilakukan adalah mempertingkatkan rondaan dan kawalan keselamatan di Perairan Beting Patinggi Ali dengan menggunakan aset laut dan udara. APMM telah mempersiapkan 17 buah kapal bagi mengawal pencerobohan *Coast Guard* China di Beting Patinggi Ali.

Aset-aset terdiri daripada 13 buah kapal di Sarawak, tiga buah kapal di Labuan dan sebuah kapal di Kota Kinabalu. Aset-aset tersebut akan beroperasi secara bergilir-gilir. Kesemua aset tersebut mampu digerakkan dalam masa 30 minit setelah menerima aduan yang berkaitan. Selain itu, pemantauan di udara dari semasa ke semasa juga akan turut dilakukan bagi mengesan pencerobohan kapal *Coast Guard* China di perairan Beting Patinggi Ali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, nota bantahan diplomatik telah pun dimajukan kepada Kementerian Luar Negeri berkaitan pencerobohan kapal *Coast Guard* China. Pihak Wilayah Maritim Sarawak juga telah menghantar laporan pemantauan kapal *Coast Guard* China ke ibu pejabat setiap bulan bagi tujuan mengukuhkan penguasaan Malaysia ke atas kawasan perairan tersebut.

Kerajaan juga telah bersetuju akan menambah aset Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan dalam menangani masalah pencerobohan nelayan asing di perairan Beting Patinggi Ali. Keperluan ini penting memandangkan aset sedia ada terutamanya bot dan kapal peronda yang beroperasi kini berusia lebih daripada 40 tahun. Antara cadangannya membeli kapal peronda yang mampu melaksanakan tugas di perairan sejauh 200 batu nautika.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Boleh mencelah Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, pencelahan dibenarkan.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Saya ingin tahu, berapakah kekerapan perondaan yang dibuat di Beting Patinggi Ali tadi? Adakah apa-apa yang mencurigakan yang dapat kita ketahui lebih awal? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita membuat perondaan di semua sekali pulau-pulau dan beting kepunyaan Kerajaan Malaysia di Laut China Selatan sebab kita bimbang bahawa di Laut China Selatan ini jugalah terletaknya telaga-telaga minyak Kerajaan Malaysia. Rondaan kita buat terus. Pelanun juga meningkat di kawasan ini, kita buat rondaan terus.

Di setiap pulau kita di beting yang utama, cuma Beting Patinggi Ali yang dinamakan beting ini bererti kawasan cetek. Apabila air surut nampak pulau, apabila air pasang tidak nampak pulau atau nampak sedikit macam di ubun-ubun kata orang. Jadi, di setiap tempat ini selalunya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan meletakkan batu tanda. Di tulis di situ Malaysia, tulis di batu itu Malaysia. Jadi mengatakan ini hak Kerajaan Malaysia. Akan tetapi ada bau tanda....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Jadi Yang Berhormat Menteri boleh sambung balik menjawab sebelah petang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kalau bagi 10 minit lagi habis siap ya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa 10 minit...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak cukup? Okeylah. Eloklah sebab takut ada soalan tambahan. Soalan tambahan ini akan dijawab selepas habis nanti tentang apakah curiganya.

Timbalan Yang di-Pertua: Eloklah itu. Ahli Yang Berhormat, saya kena tangguhkan Dewan ini sekarang memandangkan waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Kita sambung sebelah petang jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat semua. Kita sambung semula persidangan kita untuk membahaskan belanjawan bagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

2.32 ptg

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, seperti soalan tambahan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi, apakah perkara ganjil yang berlaku di sana? Antara perkara yang menjadi perhatian kita ialah bila batu tanda yang kita pasang di sana telah ditiadakan dan selepas itu ada diganti dengan papan-papan yang bertulisan bahasa asing. Jadi kita pun keluarkan papan tersebut kerana kawasan ini kawasan Malaysia.

Pernah berlaku yang nelayan kita pergi ke sana, nelayan kita disuruh keluar. Saya dapat arahan daripada Majlis Keselamatan Negara menangkap mana-mana saja nelayan yang masuk ke kawasan tersebut. Jadi siapa saja yang masuk kawasan tersebut, APMM akan tangkap tidak kira daripada negara mana. Akan tetapi ada insiden yang dikatakan bahawa *coast guard* tersebut menghalau nelayan kita.

Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih kepada Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan juga Presiden Negara China dan juga semua pihak kerana Persidangan ASEAN baru-baru ini kita lihat ada pergerakan yang kapal tersebut tidak berada lagi di lokasi yang berkenaan. Di manakah mereka berada? Ini telah diketahui oleh pihak kerajaan. Akan tetapi yang paling penting di kawasan tersebut yang sering diambil gambar bahawa ada satu kapal *coast guard* yang berada di sana. Saya hendak beritahu bahawa semasa Persidangan ASEAN baru-baru ini, kapal itu sudah bergerak ke tempat lain.

Terima kasih kepada kawan-kawan yang telah menimbulkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Walaupun saya tidak bertanya soalan semasa perbahasan bajet tapi saya ingin mengetahui, sekarang ini maknanya daripada ucapan dan penerangan Yang Berhormat tadi maknanya Kerajaan Malaysia mengetahui bahawa mereka ini berada di situ dan dalam kawasan kita. Kalau mereka ini dalam kawasan kita, maknanya kita mempunyai hak untuk menghalau mereka.

Soalan saya, batu yang dibuang itu adakah kita hendak masukkan semula batu itu dan *banners* Yang Berhormat kata dalam bahasa asing itu tentu sekali dalam bahasa Cina kerana kapal-kapal yang berada di situ kita dimaklumkan bahawa kapal-kapal daripada negara China. Apakah tindakan kerajaan? Hendak letak batu semula atau hendak buang *banner* ini? Apakah kita akan duduk dan melihat begitu saja negara kita dicerobohi oleh mereka ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, gambaran yang elok diletak begini ya. Saya telah menjawab tadi bahawa kapal *coast guard* yang pertama datangnya pada tahun 2013, saya sebut tadi dan selepas itu pihak TLDM dan juga APMM menjalankan rondaan dan berada di posisi yang tidak jauh daripada kapal tersebut. Kapal tersebut berada di kawasan Beting Patinggi Ali. Akan tetapi yang kita tahu rekod kita menunjukkan bahawa kita pernah, Jabatan Pemetaan pernah pasang batu tanda di situ. Akan tetapi batu tanda itu telah tidak ada. Sama ada ditelan oleh laut sebab pulau ini ialah pulau yang kadang-kadang bila air pasang dia hilang ataupun nampak bucu sedikit ataupun dia memang dibuang oleh pihak lain.

Akan tetapi kita lihat ada struktur yang bukan *banner*, struktur daripada kayu yang menunjukkan ada tulisan asing di papan yang berkenaan. Itu kita buang sebab ini kawasan kita. Dalam mengatasi masalah ini, kita tahu bahawa beberapa buah negara terlibat secara langsung di kawasan ASEAN ini, Philippine dan Vietnam terutamanya termasuk juga Brunei. Masing-masing ada pendekatan masing-masing. Akan tetapi kita mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh berhubung dengan ASEAN. Akan tetapi Malaysia sendiri melaksanakan diplomasi secara rundingan tertutup dan sebagainya. Jadi, hasil daripada rundingan diplomatik yang kita buat itu, ada pergerakan kapal asing sudah tidak berada di situ dan dia berada di posisi yang lain. Ini telah termaklum kepada pihak kerajaan.

Sama ada kerajaan maklum ataupun tidak, memang kerajaan maklum bahawa semasa saya masuk jadi Menteri pun, dia sudah hampir berada di sana. Selepas itu dia berada di sana sehinggalah dekat dua tahun dia di sana. Perundingan kita buat dari semasa ke semasa supaya mereka tidak berada di kawasan yang berkenaan kerana kawasan yang berkenaan terletak 80 batu nautika dari pantai Sarawak ataupun melalui Miri. Padahal kawasan sempadan kita ialah 200 batu nautika. Benda ini terjadi sebab pihak Kerajaan China sendiri bila membuat tuntutan kawasan itu, dia menyebut perkataan, "*nine-line*"- bukan *dotted*, tapi *dash*- yang melibatkan pulau-pulau dalam kawasan Laut China Selatan dari kawasan Philippine, Vietnam dan juga di Malaysia.

Walau bagaimanapun, kita berdoa semoga tidak ada lagi mana-mana pihak yang masuk ke kawasan Malaysia dan juga menceroboh. Pihak TLDM dan juga APMM akan terus membuat rondaan. Malah hari ini pun kita dapat maklumat tertentu berhubung kehadiran kapal asing. Kapal asing ini dia boleh lalu di kawasan kita tapi tidak boleh berhenti. Kalau dia berhenti, dia mesti ditahan dan dipersoalkan. Sama ada berhenti minyak habis ataupun dia berhenti untuk mengatakan bahawa ini kawasan ini kawasan mereka ataupun tidak. Jadi kita akan persoalkan mereka. APMM telah pun membuat siasatan dan kita akan maklumkan dari semasa ke semasa.

Jadi demikianlah tentang kedudukan Beting Patinggi Ali di mana pihak kerajaan memahami dan telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Berhubung dengan hendak berlawan dengan kuasa-kuasa besar ini, Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita tidak mahu menjurus ke tahap tersebut. Kita lebih suka berunding di peringkat diplomasi. Akan tetapi sudah pasti kita akan benarkan negara ini dibuli oleh mana-mana pihak. Kawasan Malaysia kawasan yang berdaulat yang harus dipertahankan.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan PR1MA. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, perumahan mampu milik yang disediakan oleh PR1MA adalah khusus untuk golongan berpendapatan sederhana. Golongan ini didefinisikan sebagai golongan yang mempunyai pendapatan isi rumah bulanan antara RM2,500 sehingga RM10,000 sebulan. Rumah mampu milik yang disediakan PR1MA adalah dalam lingkungan harga RM100,000 ke RM400,000 bergantung kepada jenis dan lokasi. Harga rumah PR1MA ini adalah berasaskan tahap kemampuan, *affordability labour* dan sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran bagi projek di kawasan dan spesifikasi yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Rahim bin Haji Abdul Rahman mencadangkan beberapa projek pembangunan perumahan termasuk PR1MA diletakkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar pemantauan dan pelaksanaan pembangunan perumahan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih atas kepekaan Yang Berhormat Senator berkenaan dengan isu perumahan khususnya PR1MA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA merupakan sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, dalam penyelarasan pembangunan perumahannya, PR1MA sentiasa bekerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan agensi-agensi di bawahnya serta pihak berkuasa tempatan.

Penyelarasan pembangunan PR1MA juga adalah selaras dengan peruntukan seperti yang dinyatakan dalam Akta PR1MA 2012. Selain itu, PR1MA juga memainkan peranannya sebagai urus setia bersama dalam menyiar isu-isu berkaitan dengan perumahan dan bekerjasama erat dengan Kementerian KPKT dalam memastikan objektifnya tercapai demi manfaat rakyat.

Berhubung dengan jawapan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian menyatakan kegembiraan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan projek-projek PR1MA mampu milik berkenaan projek-projek rumah mampu milik termasuk PR1MA. Yang Berhormat Senator mencadangkan supaya projek-projek ini bukan sahaja dibina di bandar tetapi turut disediakan di Parlimen kawasan luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas sokongan yang diberikan kepada PR1MA. Sesungguhnya PR1MA komited dalam usaha pelaksanaan projek-projeknya demi kepentingan rakyat.

Cadangan diutarakan oleh Yang Berhormat Senator satu cadangan yang amat dialu-alukan. Sekiranya mana-mana pihak mempunyai sebarang cadangan ia bolehlah dikemukakan pada PR1MA untuk diperhalusi dan diteliti kesesuaiannya. Faktor spesifikasi, permintaan permohonan dan kesesuaian lokasi projek perlu diambil kira sebelum sebuah cadangan pembangunan PR1MA dapat direalisasikan.

Yang Berhormat Senator Datuk Sri Haji Abdul Halim bersama membangkitkan isu pembangunan perumahan yang berbangkit terutamanya di kawasan Wilayah Persekutuan. Yang Berhormat ingin tahu peranan dan tugas PR1MA dalam isu ini. Seperti yang mana Yang Berhormat telah maklum yang telah saya nyatakan sebentar tadi, PR1MA telah meletakkan tanda aras bagi harga rumah mampu miliknya bersesuaian dengan tahap kemampuan golongan sasaran.

Lokasi bagi perumahannya juga adalah di kawasan-kawasan strategik di bandar dan pinggir bandar termasuklah di sekitar Kuala Lumpur. Penetapan harga yang kompetitif ini merupakan inisiatif PR1MA untuk mendorong pemaju swasta agar lebih berdaya saing bagi menyediakan perumahan pada harga mampu milik yang menepati permintaan pembeli dalam pasaran semasa. Yang Berhormat, saya hendak maklumkan PR1MA mesti duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana dia bagi perhatian lain daripada kementerian lain. Dia bagi perhatian kepada mereka yang berpendapatan sederhana yang berada di bandar.

Sekiranya mereka hendak beli rumah memang mereka tidak mampu berbuat demikian sebab gaji mereka rendah tetapi melalui pendekatan PR1MA mereka mampu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tadi kenapa tidak begitu proaktif PR1MA ini. Dia lebih kurang macam dalam Wilayah Persekutuan, oleh sebab dia *slow* sangat, maka pihak berkenaan memberikan tanah ini kepada pemaju. Kalau pemaju mesti harganya tidak mampu milik, hanya mampu lihat. Jadi, soalan saya tadi kenapa pihak PR1MA ini tidak agresif? Dia mesti tolong perumahan di kawasan Wilayah Persekutuan ini supaya harga itu betul-betul mampu dimiliki. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, PR1MA rumah berpendapatan sederhana dan memberi perhatian kepada mereka yang berpendapatan sederhana yang tinggal di bandar. Kerani, PTD M41 tidak mungkin boleh beli rumah di kawasan bandar kerana rumah terlampau mahal dan sebagainya. PR1MA membuat rumah kos sederhana di pinggir bandar. Memberi peluang kepada mereka yang sudah berkeluarga atau pun mereka yang belum berkeluarga. Memberi peluang kepada mereka untuk membeli rumah yang kedua sebab ada orang yang pinjam duit untuk beli rumah yang pertama, jadi dia tidak sesuai. Dia duduk di bandar dia terpaksa buat rumah di bandar, PR1MA bagi peluang.

Malah baru-baru ini semasa cabutan yang kita dibuat, umur yang paling muda yang mendapat rumah PR1MA ialah 22 tahun, bujang, belum berkahwin, seorang wanita Tionghoa dapat rumah PR1MA. Rumah PR1MA ini, bila dia dapat tawaran sahaja, dia tidak bimbang daripada segi pinjaman dan bayaran balik kerana PR1MA memperkenalkan skim *Rent-to-Own* (RTO). Kalau dia tidak dapat pinjaman bank dia akan masuk RTO. Makna kata dia berurusan terus dengan PR1MA dan dia tidak perlu bayar apa-apa. PR1MA akan uruskan daripada pembayaran *legal fees*, dengan izin, dan lain-lain lagi tidak perlu mereka berbuat apa-apa. Mereka hanya tunggu untuk masuk ke rumah yang berkenaan.

Jadi, PR1MA menyediakan ruang dan peluang seluas-luasnya kepada mereka yang berpendapatan sederhana. Bagi kementerian lain termasuk Kementerian Wilayah Persekutuan, mereka bagi perhatian kepada kumpulan lain yang telah ditentukan. Yang ini kita sudah ada agensi dan sudah ada badan khusus untuk melaksanakan projek-projek. Kita tidak nampak, sebab apa kita tidak nampak di hadapan mata tersergam bangunan-bangunan PR1MA tetapi ia akan menjadi kenyataan dalam dua, tiga bulan lagi. Sekarang ini jumlahnya sudah dekat 20,000. Sekarang ini bila dia menjadi kenyataan yang mana rumah PR1MA yang berada di merata-rata kita akan lihat perkara tersebut.

Keduanya PR1MA hendak pastikan supaya pemaju-pemaju lain turunkan harga mereka seperti PR1MA. PR1MA turunkan harga sampai ke tahap 20 peratus daripada harga pasaran. Jadi, kalau pemaju hendak bersama dengan PR1MA dan banyak sudah pemaju termasuk pemaju yang terbesar di negara ini pun sudah berbincang dengan PR1MA untuk menjalankan projek secara bersama. PR1MA bagi syarat bahawa rumah itu mesti kurang 20 peratus daripada harga pasaran.

PR1MA ini ialah impian rakyat Malaysia terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan juga orang-orang muda. Orang muda akan melihat bahawa harta mereka akan menjadi bernilai juta dalam masa tiga atau pun empat tahun lagi. PR1MA biarlah terus berada di Jabatan Perdana Menteri dan dikelolakan oleh sebuah badan khas yang sekarang ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Jadi, saya ingat di pihak kita sendiri ialah memohon di manakah boleh kita bersama dengan PR1MA.

PR1MA memberi tawaran di mana sahaja tetapi biarlah kawasan tersebut kawasan bandar kerana permintaan kita ialah kepada mereka yang berpendapatan sederhana. Bagi sesetengah negeri ada menurunkan harga, PR1MA negeri yang berkenaan menurunkan harga bawah RM100,000. Itu bukan PR1MA tetapi mereka bersama dengan PR1MA dengan meletakkan harga di bawah RM100,000. Harga PR1MA mestilah di tahap RM100,000 sehingga RM400,000. Jadi, kehadiran PR1MA lebih kepada *to complement*, dengan izin kepada apa yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai ke pengakhiran. Yang Berhormat Datuk Lucas bin Umbul ingin mengetahui apakah tindakan ESSCOM untuk memastikan kawasan timur Sabah selamat. Apa langkah-langkah penambahbaikan yang diambil oleh ESSCOM untuk mengekang kes penculikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak ditubuhkan ESSCOM telah mengambil pelbagai inisiatif jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dalam memastikan ESSZONE selamat untuk pengguna terutamanya pelancong dan komuniti maritim setempat khususnya daripada ancaman penculikan serta jenayah rentas sempadan termasuk pencerobohan bersenjata. Antara lain inisiatif keselamatan jangka pendek dan sederhana yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan penempatan pasukan keselamatan di daratan sepanjang ESSZONE khususnya kawasan laluan berisiko tinggi yang dikenal pasti;

- (ii) meningkatkan atur gerak *vessel* maritim di sepanjang ESSZONE terutamanya laluan-laluan jenayah rentas sempadan bagi mewujudkan *visual presence and deterrence*;
- (iii) memperkemas dan mempergiatkan aktiviti pengumpulan maklumat dan operasi risikan;
- (iv) meningkatkan pengawasan maritim siang dan malam termasuk pengoperasian pesawat udara; penggunaan *unmanned area vehicle* (UAV) dan perolehan bot pelbagai;
- (v) pengukuhan tahap keselamatan di pulau-pulau di laluan yang berisiko tinggi dengan pemasangan radar, kamera dan juga radar, kamera jarak jauh dan juga penerima.

■1450

- (vi) melancarkan Ops Gasak Khas, Ops Gasak Laut, Ops Bersepadu dalam usaha membendung kegiatan jenayah setempat dan jenayah rentas sempadan.
- (vii) kita juga mengisytiharkan perintah berkurung;
- (viii) melancarkan operasi khas dalam menggempur sarang dan tali barut jaringan penculik di ESSZONE. Gambar-gambar penculik yang dikehendaki juga telah diedarkan kepada komuniti setempat dalam menjadi mata dan telinga ESSCOM;
- (ix) memperketatkan lagi kawal selia keluar masuk persempadanan dengan memperkemas lagi kawal selia dan tukar barangan, *barter-trade*, dengan izin. Penguatkuasaan pengharaman operasi *pump-boat* serta pengisytiharan kawasan larangan di perairan-perairan yang berisiko tinggi *pump-boat* telah pun diharamkan. Sekarang ini penguatkuasaan hendak memastikan supaya *pump boat* tidak beroperasi;
- (x) menubuhkan sekurang-kurangnya dua unit batalion baru PGA dan TDM dalam tempoh sederhana ini;
- (xi) memperolehi sebanyak 92 bot pelbagai sebelum April 2016 menampung kelompangan yang ada;
- (xii) memperolehi kelengkapan dan teknologi seperti sistem pengawasan radar, UAV, penggunaan teknologi satelit, sistem kawalan dan pemerintahan dalam mewujudkan kesedaran persekitaran menyeluruh atau *complete domain awareness*, dengan izin; dan
- (xiii) *engagement* berterusan dengan ketua-ketua masyarakat dan komuniti di ESSZONE dalam memupuk semangat kejituan patriotisme serta ketaatan pada negara.

Selain itu, inisiatif jangka panjang sedang dan bakal dilaksanakan ialah pewujudan *high level community* antara Malaysia dengan Filipina sedang disusuli melalui Majlis Keselamatan Negara untuk mengadakan kerjasama dua hala dan menangani isu-isu keselamatan di persempadanan sepanjang ESSZONE seperti rondaan bersama dan lain-lain lagi.

Kita juga sedang menyelesaikan masalah perkampungan air, membersihkan isu parti sepanjang ESSZONE secara kekal, memperketatkan lagi kawal selia keluar masuk persempadanan dengan memperkemas lagi kawal selia perniagaan tukar barangan ataupun *barter-trade*. Membangunkan pangkalan-pangkalan operasi hadapan, *seabasing* dan juga *mothership* di lokasi-lokasi strategik bagi meningkatkan kehadiran pengawasan dan *response*.

Juga memperolehi kelengkapan dan teknologi seperti sistem pengawasan radar, UAV, penggunaan teknologi satelit, sistem kawalan dan pemerintahan di dalam mewujudkan persekitaran menyeluruh.

Kita juga seperti yang saya sebutkan tadi terus menunjukkan semangat patriotisme dan juga semangat kesukarelaan dengan memperkenalkan badan-badan sukarela di sana.

Memupuk dan juga melestarikan budaya kesukarelaan seperti yang saya sebutkan tadi.

■1500

Akhir sekali, Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Mat Yassim mencadangkan supaya pemasangan CCTV di setiap sempadan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil berat isu keselamatan di sempadan negara termasuk dengan menggunakan kaedah terbaru ataupun moden dalam menguruskan penguatkuasaan keselamatan. Kerajaan menyambut baik cadangan pemasangan CCTV sebagai salah satu kaedah out kawal selia di sempadan di samping penguatkuasaan sedia ada oleh agensi keselamatan. Cadangan ini akan diberi perhatian secara mendalam dan melihat kesesuaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai tanggungjawab saya di Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Ia akan dijawab dengan penuh amanah. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaah.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumusalam*, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mah Siew Keong.

3.01 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan yang ingin tahu tentang sumber kewangan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang dan peranan Jabatan Perdana Menteri dalam Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang.

Terlebih dahulu saya ingin memberi sedikit penerangan berkaitan dengan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang. Sebenarnya lembaga ini ditubuhkan pada tahun 1906 dan lembaga ini badan berkanun negeri yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri. Peranan utama lembaga adalah mentadbir, menyelenggarakan dan menyelia wakaf-wakaf Hindu dalam hal keagamaan dan kebajikan untuk memberi manfaat kepada masyarakat India dan lembaga ini juga memiliki hartanah seperti tanah premis bangunan dan barang-barang kemas serta mengambil alih pengurusan kuil-kuil yang tertentu di Pulau Pinang.

Seperti yang dilaporkan, lembaga memiliki 35 lot bidang tanah dan tujuh buah kuil adalah di bawah pengurusan lembaga dan kami dimaklumkan bahawa kerajaan negeri akan pindah milik lebih tanah kepada lembaga.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, urusan pentadbiran wakaf dan kuil dikendalikan oleh jawatankuasa pengurusan yang dilantik oleh lembaga dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan perkenan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang diberi kuasa untuk melantik suruhanjaya lembaga. So ini adalah antara-antara peranan penting lembaga.

Saya hendak menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui kementerian-kementerian hanya memantau di bawah Akta Tugas-tugas Menteri 1969 dan membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang kepada Jemaah Menteri dan Parlimen. Kementerian-kementerian tidak memberi sebarang peruntukan kewangan kepada lembaga.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, sebenarnya ini bukan satu unit yang baru sebab kementerian-kementerian yang memantau sejak tahun 2000 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia dan daripada 2005 hingga 2014, ia telah dipantau oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pada tahun lepas telah dipindah ke Jabatan Perdana Menteri dan tadi saya telah menjawab bahawa kementerian tidak memberi sebarang peruntukan sebab adalah dikendalikan oleh negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, saya ambil kesempatan memberi sedikit maklumat berkaitan dengan kewangan lembaga. Sumbangan untuk lembaga adalah daripada orang ramai, kutipan dan juga daripada pemberian geran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2014, jumlah pendapatan RM6,100,000. Jumlah perbelanjaan RM4,0920,000. Ini bermakna ada surplus atau lebihan RM1,185,000 dan juga pada tahun 2013 ada juga surplus RM1,0466,000. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kalau kita rujuk kepada soalan saya, saya tidak fokus pada Pulau Pinang tetapi terima kasih atas keterangan yang telah diberikan. Soalan saya ialah kalau kita tengok kepada *Hindu Endowments Board* saya faham apa Yang Berhormat Menteri cakap, ditubuhkan oleh Ordinan 1906 ini. Kalau tak salah, pada masa itu di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Akan tetapi soalan saya dalam perbahasan saya ialah selepas diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, apakah perkembangan?

Contohnya, ini saya kena *explain* sedikit Tan Sri. Kalau kita tengok sekarang, kerajaan negeri walaupun *religion* ini satu kuasa negeri tetapi kalau kita tengok oleh sebab *Hindu Endowments Board is a Federal legislation* sebagai ordinan, maka kerajaan negeri kalau dia mahu tubuhkan *Hindu Endowments Board*, dia tak boleh, kena melalui *Act of Parliament*. Itu yang saya tanya dalam perbahasan saya. Adakah Jabatan Perdana Menteri bincang dengan kerajaan-kerajaan negeri pasal isu pokok dia, kita kena *manage all these properties* dengan cara yang baik. Kalau Jabatan Perdana Menteri tidak bekerjasama atau tidak *contact* kerajaan negeri maka tak boleh tubuh *endowments board* untuk negeri. Itu soalan saya, daripada segi *effort* atau kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya tegaskan, Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang sebenarnya telah ditubuhkan pada 1906, pada masa keadaan masa itu dan saya juga hendak memberi sedikit penjelasan bahawa pada tahun dulu bila peranan untuk memantau dipindahkan pada Jabatan Perdana Menteri dan kita adalah untuk memantau Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang, dia tidak ada satu *central* lembaga wakaf di Malaysia.

Saya faham niat baik Ahli Yang Berhormat tetapi saya juga hendak beritahu bahawa ada juga banyak pihak termasuk pengurusan kuil yang tidak bersetuju diambil alih oleh satu lembaga pusat oleh negeri sebab pusat akan membuat semua keputusan dan kita juga tahu bahawa hal ehwal berkaitan dengan tanah dan agama adalah di bawah bidang kuasa negeri. So, jika negeri-negeri lain hendak melaksanakan, pihak kerajaan negeri boleh mengemukakan cadangan sebab mereka hendak dapat persetujuan sebab tanah adalah di bawah bidang kuasa negeri dan Kerajaan Persekutuan bersedia memberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tan Sri, ini saya kena jelas pasal dia bertentangan dengan apa yang pernah dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri. Tarikh saya tak berapa pasti tetapi pada bulan Julai 2014, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membuat satu pengumuman yang keluar dalam surat khabar dan banyak kerajaan negeri berpegang kepada kenyataan yang dibuat oleh Menteri pada masa itu. Secara *essence* apa kenyataan itu, *I have the exact thing* di pejabat saya tetapi secara *essence* apa Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa ialah macam tadi Yang Berhormat Menteri cakap ia hanya fokus ke *Penang Hindu Endowment Board*, pada saya, Yang Berhormat Menteri tak payah fokus ke *Penang Hindu Endowment Board* pasal itu *enactment by the state, Hindu ordinance enactment by the Federal*.

Statement yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, *I am just reminding the Minister here*, Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab *on all matters relating to Hindu Endowments Board*, itu satu. Termasuk pada masa itu hal-hal yang berkaitan dengan tanah perkuburan dan juga dana untuk masyarakat Hindu.

Ini apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri dahulu tetapi kalau pendirian kementerian, bukan secara peribadi Menteri, kalau pendirian kementerian dan Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri hanya bertanggungjawab untuk Pulau Pinang, *then* lain cerita dia. Saya cuma hendak *clarification* pasal kita sekarang dapat dua senario, manakah satu yang kita kena pegang? Ini kerana berdasarkan kepada jawapan Menteri baru kerajaan negeri boleh ambil apa-apa tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Tan Sri.

■1510

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menjelaskan bahawa seperti yang tadi saya maklumkan, tanggungjawab memantau ini bukan sesuatu yang baru. Sejak tahun 2000 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan selepas itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. So saya tidak diberi skop bahawa saya jaga semua berkaitan dengan itu di Malaysia. Saya hendak mengakui. Hanya untuk Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang dan juga tidak ada kuasa untuk melantik. Langsung tidak ada kuasa. Tugas hanya untuk membentangkan penyata rasmi dan memastikan secara audit duit semua diguna dengan baik. So saya ingin memberi penjelasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sudah habis, Yang Berhormat? Sekianlah bunyinya daripada kementerian tadi, Yang Berhormat Dato' Mah Siew Keong. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Nancy.

3.11 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat tengah hari semua. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga isu.

Pertama, daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam telah mencadangkan undang-undang sedia ada ditambah baik bagi melindungi penjamin daripada diisytiharkan bankrap dengan mudah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan semula Akta Kebankrapan 1967 iaitu Akta 360 telah dilaksanakan melalui pindaan tahun 2003 bagi mewujudkan perbezaan kedudukan antara peminjam utama dan penjamin. Tujuan utama pindaan tersebut adalah untuk melindungi penjamin sosial yang mana suatu tindakan kebankrapan tidak boleh dimulakan sebelum pemiutang mengambil tindakan terlebih dahulu terhadap peminjam utama untuk mendapatkan wang yang terhutang.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan juga sedang dalam fasa akhir menggubal suatu undang-undang baru bagi meminda ataupun menggantikan Akta Kebankrapan 1967. Antara pembaharuan yang dicadangkan adalah untuk menambah baik lagi peruntukan sedia ada berkaitan perlindungan kepada penjamin sosial di mana pemiutang tidak boleh memulakan prosiding kebankrapan terhadap penjamin sosial kecuali dengan kebenaran mahkamah. Cadangan pindaan ini akan memberi perlindungan kepada penjamin di mana pihak pemiutang perlu mengambil tindakan terhadap penghutang utama terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan terhadap penjamin.

Berhubung dengan had nilai perbelanjaan keperluan diri bankrap yang berjumlah RM5,000 perkara ini sememangnya telah pun diteliti dan *inshaaAllah* akan turut dipinda apabila undang-undang baru yang saya nyatakan sebentar tadi digubal kelak.

Kedua ialah Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin yang mencadangkan untuk sistem Bas Rapid Transit (BRT) di Kuala Terengganu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin telah mencadangkan supaya kerajaan menyediakan bas Rapid di Bandaraya Kuala Terengganu bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang selesa kepada rakyat seterusnya boleh merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesuatu mod atau jenis pengangkutan awam dipilih untuk beroperasi di sesebuah kawasan, pelbagai faktor perlu diteliti seperti kos pembinaan dan operasi, kepadatan penduduk, geografi dan sebagainya.

Ini bagi memastikan jenis pengangkutan awam tersebut adalah praktikal dan optimum penggunaannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah melancarkan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti atau *Stage Bus Services Transformation Program*, dengan izin, SBST sebagai penyelesaian jangka panjang bagi menambah baik mutu perkhidmatan bas henti-henti.

Program SBST ini akan menggunakan modul perniagaan yang baru yang berkonsepkan dengan izin, *gross-cost service contract* di mana kos operasi perkhidmatan dibiayai melalui pendapatan tetap berkontrak daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan tahap prestasi perkhidmatan yang dipersetujui. Program SBST ini di sasar akan dijalankan di seluruh negara dengan kerjasama kerajaan negeri dan akan dilaksanakan mengikut beberapa fasa pelaksanaan bermula pada tahun 2015. Sukacita dimaklumkan bahawa Kuala Terengganu merupakan salah satu daripada lima buah bandar raya yang terpilih sebagai projek perintis di samping Seremban, Kangar, Ipoh dan Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariani binti Mohammad Yit dan Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim ada menyentuh isu mengenai kenaikan kadar tambang bagi rel bandar seperti KTM Komuter, monorel dan LRT.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat empat jenis perkhidmatan rel bandar di Lembah Klang iaitu LRT laluan Ampang, LRT laluan Kelana Jaya, monorel KL dan KTM Komuter.

Sebelum ini juga tambang bagi perkhidmatan LRT Laluan Ampang tidak pernah disemak sejak ia mula beroperasi pada tahun 1996 iaitu hampir 20 tahun yang lalu. Tambang bagi perkhidmatan LRT laluan Kelana Jaya juga kekal dengan tambang asal sejak ia mula beroperasi pada tahun 1998 iaitu kira-kira hampir 18 tahun yang lalu. Begitu juga dengan perkhidmatan monorel KL yang kekal menggunakan kadar tambang yang asal sejak ia diperkenalkan pada tahun 2003 iaitu kira-kira 12 tahun yang lalu. Dalam masa yang sama, memang benar kadar tambang bagi perkhidmatan KTM Komuter pernah disemak tetapi ia juga berlaku pada tahun 2003 iaitu 12 tahun yang lalu.

Justeru, kajian terperinci telah dilakukan bagi menentukan kadar tambang yang berpatutan dan berdaya saing bagi membolehkan perkhidmatan ini terus mampan untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang berkesan. Penelitian tersebut merangkumi pelbagai faktor bagi memastikan kadar tambang yang berpatutan bagi menarik bilangan penumpang maksimum kadar tambang yang boleh menjana hasil pendapatan yang mencukupi untuk menampung kos operasi serta mengambil kira faktor kesepaduan dalam menghubungkan perkhidmatan awam dengan menggunakan asas yang saksama.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada seorang bangun, Yang Berhormat. Dipersilakan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Biar saya habiskan ayat ini satu. Ini adalah penting dalam mencapai keseimbangan antara kemampuan penumpang dan kemampuan penyedia perkhidmatan. Ya.

Dato' Khairudin bin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ingin bertanya sedikit Yang Berhormat soal tambang ini. Sewaktu kita hendak membangunkan ERL, LRT ini, saya masih ingat lagi ketika itu kita bertanya berapakah tambang yang akan dikenakan kepada pengguna-pengguna perkhidmatan awam ini. Jawapan yang diberikan pada masa itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*...Definitely it is not going to be more than the taxi fare.*" Saya rasa dia punya jawapan itu dengan tambang yang dikenakan tidak betul sebab katalah RM35 tambang ke *airport* misalnya, kalau kita empat orang naik teksi, tidak mungkin sampai RM140. Limo- Limo, bukan teksi lagi. Limo yang pergi ke *airport* lebih kurang dalam RM80 tetapi caj yang dikenakan kepada penumpang RM35. Kalau didarab dengan empat, menjadi RM140.

Jadi, saya tak faham. Waktu itu dah kata ini, sekarang hendak dinaikkan lagi tambang. Bererti ia akan melebihi tambang teksi yang dikenakan. Ini yang ada rungutan daripada rakyat. Bermakna, kita naikkan tambang, saya bersetuju kerana kita hendak tingkatkan perkhidmatan. Akan tetapi tambang yang dijanjikan ialah tidak melebihi tambang teksi. Akan tetapi sekarang ini sudah terlalu lebih. Sekian.

■1520

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham apa yang disebutkan itu tetapi Yang Berhormat sebut tadi, ingin saya nyatakan di sini, ERL bukanlah rel bandar Yang Berhormat ya. Akan tetapi kalau kita kaji juga apa yang dikatakan Yang Berhormat tadi, ia tidak seharusnya melebihi kos naik macam naik teksi ke *airport*, kalau empat orang dia boleh jimat.

Akan tetapi kita mengirakan kos untuk seorang. Jadi, kalau dikira daripada seorang pun RM35, kalau seorang RM35, kalau empat orang memang kalau dikalikan dengan empat, memang jadi besar. Akan tetapi kalau dikira daripada segi jumlah seorang itu kalau dia naik teksi pun RM80 juga. Jadi, masih juga murah. Bukan saya hendak menidakkan tetapi Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai perkara ini. Jadi, perlu kita jelaskan, ERL bukanlah rel bandar sebab Yang Berhormat sebut tadi lain juga. Jadi, itu penjelasan Yang Berhormat ya.

Jadi, sebelum semakan semula kadar tambang bagi perkhidmatan rel bandar dilakukan, struktur kadar tambang bagi setiap perkhidmatan adalah berbeza mengikut perjanjian *franchise*. Yang Berhormat tadi menyentuh juga mengenai perjanjian. Jadi, kita ada juga Perjanjian Konsesi Struktur dan *Memorandum of First Structure*, dengan izin. Ini bagi perkhidmatan KTM Komuter.

Tuan Yang di-Pertua, semakan tahun baru telah menyelaraskan pengiraan kadar tambang perkhidmatan rel bandar ini kepada dua buah komponen iaitu komponen tambang asas dan komponen tambang berdasarkan jarak perjalanan. Penyeragaman ini boleh mewujudkan rangka kerja ataupun, dengan izin, *framework* yang lebih konsisten bagi mewujudkan sistem tambang bersepadu ataupun *integrated* antara sistem yang dikendalikan oleh operator yang berbeza. Bagi kadar tambang baru, terdapat perbezaan bagi pengguna yang membayar secara tunai dan juga sistem *cashless*, dengan izin. Selain itu, pengguna kerap ataupun *frequent users*, dengan izin, juga akan menikmati tambang yang lebih murah dengan penggunaan pas bulanan dan pas mingguan.

Pada masa yang sama, diskaun sebanyak 50 peratus akan turut dinikmati oleh penumpang warga emas, OKU, pelajar dan kanak-kanak berumur antara 2 tahun hingga 6 tahun. Seperti yang dinyatakan tadi, tambang kesemua sistem rel bandar ini tidak pernah disemak antara 12 tahun hingga 19 tahun. Dalam masa yang sama, kos operasi juga telah meningkat, menyumbang kepada kerugian operasi.

Walaupun terdapat peningkatan dalam jumlah penumpang, namun operasi rel melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi dan meningkat sepanjang tahun. Oleh yang demikian, semakan kadar tambang ini juga boleh membantu penyedia perkhidmatan memastikan kelangsungan operasi. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja isu yang ditimbulkan dan saya hendak mengambil peluang ini mengucapkan berbilang terima kasih atas teguran, penglibatan semua untuk memberi sumbangan terhadap perkara-perkara yang melibatkan agensi di bawah kementerian portfolio saya.

Saya juga hendak mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada semua dan selamat menyambut Hari Krismas dan juga Selamat Tahun Baru. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Wahid Omar.

3.24 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2016. Pada kesempatan ini, saya ingin hendak menjelaskan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung dalam bidang tugas Jabatan Perdana Menteri, khususnya Unit Perancang Ekonomi, Unit Kerjasama Awam Swasta dan juga PEMANDU.

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berkaitan dengan isu-isu pengagihan, infrastruktur dan juga pembangunan negara. Saya ada 10 buah isu untuk dijawab, *inshaaAllah* saya akan cuba menjawab kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan menjawab dengan memfokuskan kepada isu pengagihan yang melibatkan isu golongan B.40, ekuiti bumiputera dan juga pembangunan masyarakat India.

Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) ingin mengetahui adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu NKRA untuk mengawas atau menyelia rakyat di bawah golongan B.40. Manakala Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh pula bertanya bagaimanakah pelan yang telah dirancang di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk membantu golongan B.40 dapat dilaksanakan, termasuklah membantu kaum India.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi dan inisiatif untuk membantu golongan B.40 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, termasuklah kaum India, akan dilaksanakan melalui pelan tindakan yang komprehensif melibatkan bukan hanya pihak kerajaan, malah sektor swasta, termasuklah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta badan bukan kerajaan (NGO). Pelan tindakan ini memperincikan bentuk dan jangka masa tindakan yang akan diambil oleh pelbagai pihak dan juga sasaran KPI, dengan izin, secara tahunan bagi memastikan *outcome national* bagi golongan B.40 ini dapat dicapai dengan jayanya.

Pelan tindakan ini sedang disediakan dan dijangka akan dimuktamadkan dalam suku tahun pertama tahun 2016. Kerajaan juga tidak bercadang untuk mewujudkan NKRA yang baru untuk mengawas dan menyelia rakyat B.40. Oleh sebab pada masa ini telah wujud NKRA mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, termasuklah golongan B.40. Sasaran NKRA ini terbahagi kepada dua.

Pertama, untuk memberi bantuan segera kepada golongan yang memerlukan. Kedua, untuk memastikan golongan miskin dan miskin tegar diberi sokongan sewajarnya untuk membolehkan golongan tersebut berdikari. Inisiatif GTP iaitu Program 1Azam Akhiri Zaman Miskin telah menyaksikan hasil yang signifikan. Manakala GTP 2 yang sedang dilaksanakan akan berakhir pada tahun 2015 ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi isu ekuiti bumiputera, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman membangkitkan isu pemilikan ekuiti korporat bumiputera daripada segi nilai tara ataupun *par value*, meningkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi masih di bawah sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti korporat di peringkat makro. Pemilikan kekayaan dalam kalangan komuniti bumiputera juga tidak seimbang. Sebagai contoh, pegangan Amanah Saham Bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui langkah yang telah dilaksanakan di bawah pelan rancangan pembangunan yang terdahulu, peratusan pemilikan dan nilai keseluruhan ekuiti bumiputera telah berjaya ditingkatkan daripada RM62.98 bilion atau 18.9 peratus pada tahun 2000 kepada RM142.05 bilion atau 22.2 peratus pada tahun 2009. Seterusnya, meningkat kepada RM211.5 bilion ataupun 23.5 peratus pada tahun 2011. Yang terkini sedang dikaji dan data untuk tahun 2012, 2013 dan 2014 akan dibentangkan di Majlis Ekonomi Bumiputera terlebih dahulu sebelum kita umumkan kepada khalayak ramai.

Jadi, kerajaan memang menyedari bahawa pemilikan ekuiti bumiputera masih di bawah sasaran, sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti korporat di peringkat makro. Kita juga sedar ada isu-isu lain yang turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Ini memandangkan isu-isu tersebut merupakan antara isu dan cabaran yang telah kita kenal pasti dalam rangka dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sehubungan dengan itu, perhatian serius akan diberikan untuk menanganinya melalui pelaksanaan strategi dan inisiatif yang telah dikenal pasti, termasuklah tiga strategi yang berikut. Pertama sekali, untuk memperluas strategi pelaburan melalui program pengukuhan ekuiti korporat oleh Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS). Program Skim Jejak Jaya Bumiputera dan mempelbagaikan lagi portfolio pelaburan Amanah Saham Bumiputera.

■1530

Yang kedua adalah untuk meningkatkan pelupusan aset dan aktiviti bukan *trust* syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan kepada usahawan bumiputera. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penyediaan bimbingan latihan bersasar secara berterusan kepada bumiputera dan akan dibantu oleh institusi kewangan daripada segi kecairan aset.

Yang ketiga adalah memperkenalkan mekanisme pembiayaan baru bagi aset kewangan melalui pengeluaran akaun satu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pembelian unit ASB 2. Dana pelaburan wakaf dan ekuiti persendirian juga akan diwujudkan melalui dana awam untuk melabur dalam syarikat berpotensi tinggi dan menguntungkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan strategi dan inisiatif tersebut tidak hanya terhad kepada strategi dan inisiatif yang telah dikenal pasti. Malahan, kerajaan sedang mengambil langkah proaktif dalam merangka pelan tindakan ke arah pemilikan kekayaan bumiputera secara komprehensif termasuklah pemilikan ekuiti.

Mengenai isu pembangunan masyarakat India pula, Yang Berhormat Senator...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan.

Saya hendak bertanya apabila bercakap berkenaan dengan aset bumiputera ini, salah satu daripada yang saya nampak ialah keupayaan kaum bumiputera untuk membeli aset hartanah komersial teristimewanya pula dalam bandar besar di mana angkanya menunjukkan bahawa kurang daripada 10 peratus daripada aset komersial ini hak kepunyaan bumiputera. Saya hendak tanya, apa *responsibility* agensi semacam UDA yang kita tubuhkan 20 tahun dahulu, ianya untuk menambahkan aset komersial di dalam bandar untuk bumiputera? Apa fikiran Yang Berhormat, sama ada usaha ini mencukupi untuk menambah aset-aset ini yang saya fikir adalah mustahak kalau kita hendak fikir aset kepunyaan bumiputera? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri. Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa pemilikan hartanah komersial di kalangan kaum bumiputera memanglah masih rendah dan sebab itulah kita mempunyai pelbagai mekanisme, bukan sahaja UDA tetapi juga agensi-agensi lain yang telah dipertanggungjawabkan untuk membantu peningkatan pemilikan hartanah ini.

Antaranya PUNB yang bertanggungjawab untuk membantu para usahawan mendapatkan premis-premis perniagaan yang strategik dan untuk mampu mereka meneruskan perniagaan.

Di peringkat yang lebih luas pula, kita telah mewujudkan Pelaburan Hartanah Berhad yang mana Hartanah Bumiputera Berhad ini, mereka dengan dana yang telah diberikan oleh kerajaan telah membeli hartanah-hartanah yang kemudiannya dibangunkan dan kemudiannya akan dimasukkan dalam unit-unit pelaburan hartanah. Ini telah berjaya dan mereka bakal memperkembangkan lagi pada masa yang akan datang. Begitu juga dengan UDA yang telah pun dipertanggungjawabkan. Jadi bagi kita, kita mengambil pendekatan mewujudkan pelbagai agensi untuk mencapai sasaran tersebut. Terima kasih.

Izinkan saya meneruskan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pembangunan masyarakat India pula. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah membangkitkan isu berkaitan ekuiti kaum India yang menyentuh tentang *blueprint* kaum India, perwujudan dana khas, skim ekuiti serta peranan SEDIC dalam melaksanakan program ataupun projek bagi kaum India.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan *blueprint* ini telah diterajui oleh Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Mengenalpasti dan Memantau Penyertaan Masyarakat India di dalam Program dan Projek-projek Kerajaan.

Sekretariat Pelan Tindakan Sosioekonomi Masyarakat India ataupun *Indian Community Blueprint Secretariat*, dengan izin, yang terdiri daripada wakil Pejabat Perdana Menteri, wakil Unit Perancang ekonomi, dan wakil Pejabat Ketua Setiausaha Negara telah diwujudkan di bawah Jawatankuasa Kabinet ini untuk menjalankan kerja-kerja penyediaan *blueprint* tersebut. Kerajaan telah menyediakan beberapa bantuan dana khas untuk kaum India. Antaranya ialah:

- (i) RM100 juta melalui Unit Khas Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) pada tahun 2015 yang bertujuan untuk memberi latihan kemahiran, peningkatan pencapaian pendidikan dan pembangunan keusahawanan kepada masyarakat India bagi meningkatkan taraf hidup dan meningkatkan pendapatan mereka; dan
- (ii) program pembangunan keusahawanan oleh SEED melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) di bawah Tekun Nasional serta pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia yang bertujuan membantu masyarakat India memulakan dan mengembangkan perniagaan di peringkat mikro kepada peringkat sederhana dan besar.

Sebarang cadangan mengenai dana ataupun peruntukan khas yang lain untuk kaum India akan diteliti dalam proses penyediaan Pelan Tindakan Sosioekonomi Masyarakat India ataupun *blueprint* tersebut.

Untuk makluman juga, kerajaan ketika ini tidak menganjurkan sebarang sesi dialog ataupun forum untuk membincangkan skim ekuiti kaum India. Program-program yang dianjurkan setakat ini merupakan inisiatif badan-badan bukan kerajaan. Sekretariat Pelan Tindakan Sosioekonomi Masyarakat India akan mengadakan beberapa sesi dialog bersama pihak-pihak yang berkepentingan di dalam kaum India termasuklah Ahli Dewan Negara berbangsa India serta pemimpin-pemimpin politik yang lain.

Berkenaan dengan isu pemilihan kertas kerja NGO oleh SEDIC pula, SEDIC telah menganjurkan lima sesi *town hall*, dengan izin, dan hebahan melalui media massa untuk menjelaskan kaedah sistem permohonan yang baru. Pada masa yang sama, sistem permohonan juga mewajibkan setiap pemohon untuk memberikan maklumat dan perancangan yang terperinci mengenai program ataupun konsep mereka untuk dipertimbangkan melalui tiga peringkat penilaian.

Bagi program pembangunan sosioekonomi India tahun 2015, SEDIC telah menerima sebanyak 776 permohonan daripada badan bukan kerajaan. Daripada bilangan ini, sebanyak 491 projek telah disenarai-pendek untuk dibentangkan dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Penilaian Program. SEDIC akan membuat penambahbaikan yang berterusan melalui maklum balas yang diperoleh daripada pihak yang berkepentingan dan agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Goonasakaren ingin mengetahui bagaimanakah peruntukan sebanyak RM100 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk NGO-NGO India dibelanjakan oleh kerajaan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya diwujudkan satu Jawatankuasa khas memantau dana RM100 juta ini dan program-program yang akan diadakan oleh NGO. Isu peruntukan RM100 juta ini juga bagi tahun 2015 dan 2016 telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM100 juta bagi tahun 2015 disalurkan melalui badan bukan kerajaan dan institusi latihan kemahiran swasta untuk mengendalikan program-program pembangunan sosioekonomi termasuk program-program bagi kanak-kanak prasekolah, ibu tunggal, belia berisiko tinggi, murid-murid sekolah rendah dan juga menengah.

Penilaian permohonan bagi program ataupun projek tersebut melalui tiga peringkat penilaian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Penilaian program yang dianggotai oleh SEDIC yang diwakili oleh Pejabat Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Sumber Manusia, Pejabat Kementerian Kesihatan, Pejabat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan dan agensi-agensi lain mengikut keperluan. Seterusnya keputusan Jawatankuasa diangkat untuk mendapatkan perakuan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Semua program ataupun projek ini juga dinilai secara objektif, telus dan terperinci supaya program-program ini mencapai sasaran dan dapat memberi impak yang besar kepada kumpulan sasaran iaitu masyarakat India miskin. Program atau projek ini juga dinilai secara terperinci daripada segi *niche* organisasi, kepakaran organisasi, pengalaman mengendalikan program yang dicadangkan dan kemampuan ataupun keupayaan organisasi tersebut.

■1540

Keputusan jawatankuasa seterusnya diangkat untuk mendapatkan perakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Peruntukan sebanyak RM100 juta bagi tahun 2015 ini telah dan sedang disalurkan untuk membiayai lebih 380 program oleh badan bukan kerajaan dan tujuh program oleh institut latihan kemahiran swasta untuk memastikan pembangunan sosioekonomi masyarakat India khususnya golongan berpendapatan rendah. Manakala bagi peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah Bajet 2016 akan disalurkan menggunakan sistem yang komprehensif yang diguna pakai pada tahun 2015 dengan penambahbaikan yang bersesuaian hasil daripada pengalaman dalam mengurus tadbir keseluruhan proses tahun 2015...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bangun ini. Silakan Yang Berhormat Senator.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan rakan-rakan India, peruntukan-peruntukan yang begitu besar diberikan kepada mereka. Orang-orang India ini memang di hati saya kerana orang-orang India ini kalau dia kata hendak sokong, dia sokong kita, dia tidak main kayu tiga dengan kita. Saya ucapkan tahniah orang-orang India khususnya di kawasan saya di Parlimen Jerai. Mereka ini orang kata pegang, pegang pada janji. Ini saya *respect* habis orang-orang India. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi persoalannya Yang Berhormat Menteri, memang betul peruntukan diberikan tetapi bila kita ke kampung-kampung, masih ada lagi rakan-rakan India khususnya anak-anak muda yang tidak tahu semua program ini. Kadang-kadang mereka tidak tahu ke mana, mereka tidak tahu ke mana hendak memulakan perniagaan itu. Kadang-kadang sampai kita beritahu pun mereka tidak tahu penerangan permohonan tidak diberikan. Mungkin MIC ada masalah sedikit sebelum ini tetapi sekarang sudah selesai.

Akan tetapi, adakah kerajaan berkomunikasi dengan mereka ini selain daripada kita mengharap kepada parti, kepada MIC dan UMNO dan sebagainya untuk beritahu kepada mereka? Jadi, apa yang dibuat oleh kerajaan supaya mereka ini mendapat *information* yang tepat, informasi yang orang kata, yang Menteri sebutkan tadi, RM100 juta di sana, RM100 juta di sini. Mereka ini tidak dapat informasi sebenarnya. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri sedikit. Minta maaf kerana saya tidak sempat bercakap dalam bajet kerana masa terlalu suntuk. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi. Tuan Yang di-Pertua, memang benar daripada segi komunikasi ini adalah amat penting. Untuk itu kita menggunakan pelbagai kaedah selain daripada *channels*, dengan izin kerajaan, kita juga menggunakan *channel*, dengan izin, parti-parti komponen. Ini untuk memastikan apa-apa juga program yang kita laksanakan dapat disampaikan hinggalah kepada peringkat akar umbi.

Saya sendiri pernah menyertai beberapa buah program. Antara pendekatan yang kita rasakan yang baik, kita menggunakan kerjasama dengan NGOs. Jadi, kita juga hendak pastikan bahawa melalui NGOs ini, kita akan *reach out*, dengan izin, kepada mereka yang memerlukan. Ini disebabkan kadangkala ada juga isu parti politik di peringkat bawahan ini dan mungkin perubahan sesama mereka yang kadang-kadang itu menyebabkan ada program-program yang tidak sampai kepada peringkat akar umbi.

Oleh sebab itulah kita mengadakan pendekatan yang pelbagai untuk memastikan apa-apa juga program kita dapat disampaikan kepada masyarakat. Kita sedar memang ada banyak ruang untuk ia diperbaiki dan kita akan teruskannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada isu infrastruktur. Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin memohon penjelasan mengenai status cadangan pembinaan rangkaian kereta api ke Pantai Timur yang menghubungkan negeri Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah mengenal pasti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai salah satu projek infrastruktur penting di wilayah ekonomi Pantai Timur yang akan menghubungkan Kota Baharu-Kuala Terengganu-Kuantan dan seterusnya dengan Kuala Lumpur. ECRL ini dijangka menjadi pemangkin untuk mempercepatkan pembangunan industri dan sosioekonomi di ECER. Cadangan jajaran ECER adalah dari Tumpat ke Kuala Lumpur dengan jarak sejauh 540 kilometer dan kajian kebolehlaksanaan yang sedang dilaksanakan dijangkakan siap pada awal tahun 2016.

Pada masa ini, pihak ECERDC Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) sedang memperhalus kajian bagi menentukan kebolehlaksanaan kewangan, dengan izin, *financial feasibility* dan cadangan permohonan bagi projek ECRL ini dilaksanakan melalui tiga fasa iaitu:

- (i) fasa satu dari Mentakab ke Dungun sejauh 231 kilometer;
- (ii) fasa kedua dari Dungun ke Tumpat sejauh 222 kilometer; dan
- (iii) fasa ketiga dari Mentakab ke ITT Gombak iaitu sejauh lebih kurang 87 kilometer.

Antara lain kajian ini mendapati bahawa muatan kargo dijangka menjadi penyumbang utama kepada hasil pendapatan ECRL kerana kewujudan kawasan-kawasan industri di sepanjang jajaran fasa satu dari Mentakab ke Pelabuhan Kuantan dan Dungun. Apabila fasa satu siap dibina kelak, ECRL bakal menjadi tunjang utama kepada pengangkutan multi model di ECER kerana ia menyediakan hubungan terus ke Pelabuhan Kuantan bagi menyokong eksport produk ke pasaran Asia Pasifik. Jadi, saya ingin tegaskan walaupun saya telah sebutkan tadi fasa-fasa, ada tiga fasa tersebut, namun ia masih di peringkat *financial feasibility*, dengan izin.

Sementara itu, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul mencadangkan satu rangkaian LRT, MRT dan Monorel diwujudkan untuk menghubungkan Kota Kinabalu, Tuaran dan Papar untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri Sabah sedang dalam proses melaksanakan satu kajian *Sustainable Integrated Public Transport System Master Plan for Greater Kota Kinabalu and Its Surroundings*, dengan izin, untuk mengkaji semula dan melihat secara menyeluruh keperluan sistem pengangkutan yang bersepadu di Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya. Kajian ini akan meneliti dan mencadangkan mod pengangkutan awam yang paling sesuai untuk dibangunkan di Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya.

Dalam hal ini, Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN Sabah) sedang memuktamadkan terma rujukan dengan mengambil kira cadangan pembangunan bas Rapid Transit ataupun BRT di Kota Kinabalu. Kajian ini dijangka dilaksanakan pada tahun 2016. Berhubung BRT yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2016, bagi mengurangkan kesesakan di Kota Kinabalu pada masa ini, kerajaan negeri juga sedang membuat perancangan bagi melaksanakan kajian awalan untuk pelaksanaan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariyani binti Mohammad Yit ingin tahu sama ada EPU ataupun kerajaan mempunyai garis panduan perjanjian konsesi yang mana terma akhir ataupun *exit policy* yang mana apabila unjuran keuntungan telah melebihi 110 peratus, pengurangan kadar tol boleh dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan syarat *exit clause*, ia telah diperkenalkan bagi pelaksanaan projek-projek lebuhraya yang terkini.

Exit clause in adalah dalam bentuk pendapatan awal ataupun *early expiry*, dengan izin, yang memperuntukkan bahawa perjanjian konsesi tamat lebih awal daripada tempoh konsesi yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi, sekiranya kadar pulangan dalaman ataupun *internal rate of return* telah mencapai peratusan yang tertentu. Dalam erti kata lain, pengguna lebuah raya tidak perlu lagi membayar tol apabila perjanjian konsesi tamat lebih awal daripada tempoh sebenar dalam perjanjian konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir adalah isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah yang ingin mengetahui mengenai dengan *Sustainable Development Goals* atau SDG. Yang Berhormat memohon Kementerian menjelaskan sejauh manakah keterlibatan kita dengan SDG ini. Apa tindakan kita sejak ia dilancarkan pada September yang lalu, dan sejauh manakah perancangan kita dalam memasukkan *17th point* ataupun agenda yang telah digariskan dalam SDG?

Tuan Yang di-Pertua, SDG....

■ 1550

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Menteri habis ucapan, terlebih dahulu saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengumumkan bahawa banyak peruntukan diturunkan kepada masyarakat India. Akan tetapi dalam ucapan perbahasan saya telah menyatakan bahawa sampai masanya kerajaan memikirkan bahawa peruntukan khas hendaklah diadakan kepada kaum minoriti seperti tidak kira Sabah, Sarawak atau pun kaum Siam di Semenanjung, kerana mereka penyokong kuat Barisan Nasional. Sudah tiga kali saya bangkitkan dalam Dewan Negara, tetapi tidak ada jawapan. Akan tetapi sampai masanya untuk kerajaan memikirkan perkara ini supaya pembangunan masyarakat minoriti ini lebih teratur dan tersusun. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang saya sebutkan tadi untuk kaum India kerana mereka tidak tergolong dalam definisi bumiputera. Manakala golongan minoriti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kaum minoriti bumiputera yang etnik di Sabah, Sarawak dan juga masyarakat Siam, mereka ini dapat akses kepada program-program yang diberikan kepada kaum bumiputera. Oleh sebab itu tidak perlu tambahan lagi, sebab boleh pakai peruntukan bumiputera. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya teruskan berkenaan dengan *Sustainable Development Goal* ini. SDG satu agenda yang menetapkan 17 matlamat dan 169 sasaran yang merangkumi objektif ekonomi, sosial dan alam sekitar yang akan dilaksanakan bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2030. Antara matlamat 17 SDG ini adalah:

- (i) pembasmian kemiskinan;
- (ii) pembangunan *inclusive*;
- (iii) pengurangan jurang ketidakseimbangan dalam masyarakat;
- (iv) kelestarian pembangunan sejagat.

Daripada segi keterlibatan Malaysia dalam SDG ini, mungkin saya sebut lima perkara. Pertama sekali, Malaysia telah menyertai proses memuktamadkan *Sustainable Development Goal* ini dengan menyertai sesi-sesi mesyuarat yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bermula dari bulan Julai sehingga bulan September tahun 2015. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun menyertai serta menyampaikan kenyataan sokongan dan komitmen Malaysia terhadap agenda 2030 yang berkenaan dan pelaksanaannya pada sidang kemuncak PBB pada 26 September yang lalu di New York.

Kedua ialah sebanyak 17 matlamat serta 169 sasaran SDG sedang dipadankan untuk diletakkan di bawah Kementerian dan agensi yang bersesuaian selaras dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Ketiga, Jabatan Perangkaan Malaysia berperanan sebagai penyelaras bagi pengumpulan data SDG dari agensi kerajaan bagi membangunkan *indicator* yang bersesuaian di peringkat nasional dan global.

Keempat, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri sedang membangunkan mekanisme pelaksanaan pemantauan dan pelaporan dengan kerjasama daripada UNDP.

Kelima, daripada segi konsultasi juga sedang dilaksanakan antara pihak kerajaan, swasta dan organisasi masyarakat ataupun *civil society organization*, dengan izin, bagi mendapatkan pandangan dan input mengenai pelaksanaan SDG ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan Terima kasih kepada semua...

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat dahulu, selepas itu Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, soalan saya tidak dijawab mengenai *share market* PETRONAS di kementerian dan juga di GLC. Dalam bajet tersebut saya ada nyatakan peratus ataupun kementerian tidak menggunakan produk nasional minyak PETRONAS hampir 50 peratus di banyak kementerian. Jadi adakah kementerian tidak memikirkan bahawa ini satu kepentingan rakyat dan negara, yang saya tanya soalan adakah kementerian mengarahkan semua kementerian menggunakan produk PETRONAS ataupun minyak PETRONAS di semua kementerian?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang disebutkan itu, tidak dijawab oleh Unit Perancang Ekonomi. Mungkin akan di *cover* oleh kementerian lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dr Syed Husin.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengemukakan keraguan yang sama kerana saya telah menimbulkan tidak kurang daripada lima perkara yang berkaitan dengan soal ekonomi, tetapi satu pun tidak dijawab. Jadi saya tidak tahu sama ada ini akan dijawab oleh pihak lain atau tidak? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang telah diajukan kepada Unit Perancang Ekonomi 10 isu yang saya sudah jawab tadi. Yang lain akan dijawab oleh kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya kalau sekiranya hanya satu lagi kementerian, iaitu Dato' Razali bin Ibrahim, kalau sekiranya Dato' Razali bin Ibrahim tidak menjawab itu nanti, saya harap beri jawapan bertulis kepada mereka.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita akan berbuat begitu. Jadi akan diberikan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Habis sudah Yang Berhormat?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Dengan itu sekali lagi saya hendak ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pertanyaan..

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Soalan saya pun masih belum dijawab berkenaan dengan GST dan kad OKU yang digunakan oleh orang kurang upaya untuk mendapatkan pelepasan GST. Pada masa ini hanya *charitable organization* yang boleh dapat. Jadi ini amat menyusahkan OKU. So, saya telah minta supaya Kementerian Kewangan menimbangkan cadangan yang saya beri itu.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Isu berkaitan dengan GST akan dijawab oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian kewangan yang akan jawab? Habis sudah Yang Berhormat?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Sudah habis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim.

3.57 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan ucapan penggulungan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dalam hal-hal yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan bertanya pendirian kerajaan mengenai Jawatankuasa Khas Mengenai rasuah (JKMR) pada tahun 2000 iaitu supaya Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi membolehkan SPRM mempunyai kuasa untuk mendakwa atau *execute*, dengan izin. Yang Berhormat juga bertanya sama ada kerajaan berhasrat untuk memberikan kebebasan menyiasat sebagaimana yang dinikmati oleh ICAC Hong Kong.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kuasa kepada SPRM untuk memulakan pendakwaan kes rasuah secara penuh tanpa perlu merujuk Peguam Negara kerana dalam penyiasatan dan pendakwaan sesuatu kes kerana berlandaskan prinsip *check and balance*. Perkara 145, Fasal 3, Perlembagaan Persekutuan, dan seksyen 376, Kanun Tatacara Jenayah jelas memperuntukkan bahawa kuasa memulakan, mengendalikan dan memberhentikan sesuatu prosiding jenayah Peguam Negara atau pendakwa raya. Manakala fungsi Ketua Pesuruhjaya dan pegawai SPRM adalah untuk menjalankan penyiasatan jelas diperuntukkan dalam seksyen 7, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi yang mana prinsip pengasingan kuasa menjadi tunjangnya, maka menjadi amalan yang diterima sebagai yang terbaik jika pihak yang membuat penyiasatan tidak memutuskan hasil siasatan mereka sendiri. Ini juga telah menjadi amalan hampir setiap negara di dunia ini bahawa keputusan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding sesuatu kesalahan dibuat oleh pendakwa raya dan tidak dipengaruhi oleh agensi penyiasatan. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan urusan penelitian dan rujukan kertas-kertas siasatan, Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya dari Jabatan Peguam Negara telah ditempatkan di ibu pejabat SPRM dan sebahagian besar negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, transformasi dari Badan Pencegahan Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 sebenarnya telah mencerminkan hasrat kerajaan untuk memastikan SPRM bertindak secara telus, bebas dan profesional dalam menjalankan tugas, fungsi dan peranannya. Penubuhan SPRM ini juga telah berlandaskan model penubuhan ICAC Hong Kong yang diiktiraf sebagai antara negara yang berjaya di peringkat antarabangsa dalam usaha mencegah rasuah.

■1600

SPRM bebas melaksanakan tugas siasatan tanpa perlu melaporkan atau mendapat kebenaran terlebih dahulu dari mana-mana pihak dalam menjalankan sesuatu siasatan sebagaimana termaktub di bawah Akta SPRM 2009. Oleh itu tidak timbul sebarang isu yang menyatakan bahawa SPRM tidak bebas dalam siasatan mereka.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Pihak kerajaan juga akan sentiasa memastikan ketelusan, kebebasan dan keadilan SPRM akan terus dipertahankan dan terpelihara. Yang Berhormat Tan Sri Isa juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad yang menyarankan dan memberikan penekanan terhadap integrasi kaum dalam penyeragaman borang-borang rasmi kerajaan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah atas keprihatinan Yang Berhormat dan untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya berhubung dengan saranan ini dan sentiasa berusaha bagi memastikan integrasi kaum di negara kita sentiasa utuh kerana perpaduan di kalangan rakyat perkara utama dalam kita menjaga, mengawal dan membawa negara kita ke peringkat yang lebih tinggi.

Saya sekali lagi bagi pihak Jabatan Perdana Menteri ingin mengucapkan setinggi-tinggi rasa penghargaan dan terima kasih atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Senator, Yang Berhormat Senator dalam perbahasan Belanjawan 2016. *InshaaAllah*, perkara-perkara lain akan disentuh oleh kementerian-kementerian yang seterusnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nampaknya kelapan-lapan orang menteri dari Jabatan Perdana Menteri telah pun menjawab. Jadi sekarang kita beralih ke Kementerian Dalam Negeri. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

4.01 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 di Dewan yang mulia ini dari 7 Disember hingga 10 Disember 2015 lalu yang telah menyentuh berkenaan Kementerian Dalam Negeri.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut izinkan saya terlebih dahulu memanjatkan penghargaan dan ucapan terima kasih pada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau melalui peruntukan sejumlah RM13,092,726,300.00 bagi peruntukan mengurus dan belanja pembangunan sepanjang tahun 2016. Kiranya akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menggulung perbahasan berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan melibatkan perkara berikut:

- (i) hal ehwal keselamatan dan ketenteraman awam;
- (ii) hal ehwal polis dan kawalan sempadan;
- (iii) Bidang Keberhasilan Utama Negara; dan
- (iv) hal ehwal imigresen dan pekerja asing.

Pertama, menyentuh isu mengenai hal ehwal keselamatan dan ketenteraman awam. Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi perbahasan yang lalu Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin bertanyakan apakah persediaan dan kesan yang dijangka akan ditanggung oleh kerajaan dalam menerima pelarian Syria yang berjumlah 3,000 orang seperti yang diumumkan. Yang Berhormat Senator juga bertanyakan tentang langkah bagi mengekang kemasukan ideologi ancaman kumpulan militan seperti kumpulan DAISH menerusi kemasukan pelarian-pelarian Syria ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu pasukan petugas khas program penempatan sementara migran Syria yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri dan diketuai oleh pelbagai institusi kerajaan telah ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan program ini selaras dengan undang-undang sedia ada serta tidak mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman negara. Pasukan petugas khas ini telah menetapkan proses saringan dan tapisan keselamatan yang ketat bagi memastikan migran Syria yang terpilih adalah bebas dari ideologi keganasan.

Kerajaan oleh Polis Diraja Malaysia dari semasa ke semasa sentiasa terus melakukan pemantauan yang menekan kemasukan ideologi ancaman kumpulan militan DAISH atau sebelum ini dikenali sebagai IS.

Sehubungan itu, pihak polis akan menjalankan tapisan keselamatan ke atas migran Syria yang diberikan perlindungan di negara ini bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak dan bebas daripada dorongan elemen ekstremisme dibenarkan masuk ke negara ini. Elemen saringan ini akan terus dikekalkan dalam melaksanakan komitmen negara untuk membantu migran Syria atas dasar perikemanusiaan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa beliau berucap di sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat pada 1 Oktober 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh bertanya, apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang menghasut rakyat melalui fitnah untuk mencabar kedaulatan...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebentar Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Adakah kedua-dua Yang Berhormat ini berada di dalam Dewan?

Tuan Masir Anak Kujat: Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh dengan Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim?

Tuan Masir Anak Kujat: Kalau tidak ada saya buat...

Timbalan Yang di-Pertua: kalau tidak ada buat secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Masir Anak Kujat: Secara bertulis okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey teruskan.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan kepada hal ehwal polis dan kawalan sempadan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani ada sini? Kalau tidak ada saya- okey terima kasih. Ada. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul tadi saya nampak beliau. Tidak apa seorang ada. Meminta supaya Kementerian Dalam Negeri menyiasat pertemuan antara Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Batu dengan Jacel Kiram III dan mencadangkan passport mereka dirampas atau ditahan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan laporan polis mengatakan ataupun mengambil laporan polis Menggatal *report number* 11324/16, siasatan dijalankan di bawah seksyen 124L, Kanun Keseksaan. Sehubungan dengan itu, saya tidak bercadang untuk mengulas lanjut perkara ini kerana masih dalam siasatan pihak polis. Berkaitan dengan penahan passport individu berkenaan ia hanya boleh dibuat oleh ataupun atas perintah mahkamah.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim ada sini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim ada.

Tuan Masir Anak Kujat: Ada okey, meminta supaya KDN mengambil tindakan kepada mereka yang mendakwa kejadian di Lahad Datu hanyalah sandiwara dan lakonan semata-mata. Pihak polis telah menjalankan siasatan berdasarkan laporan polis Larkin *Report* 2201 bertarikh 2 Mac 2013 di bawah seksyen 500, Kanun Keseksaan. Kes telah didakwa dan mahkamah telah membuat keputusan dan membebaskan tertuduh.

Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang ada, juga bertanyakan mengapa nisbah anggota polis dengan penduduk di Malaysia ialah 1:700 orang yang mana ia tidak selari dengan saranan Interpol iaitu 1:250 orang penduduk. Apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak PDRM tidak mengenakan nisbah polis dengan penduduk sebagai asas pengukuran utama untuk perancangan mewujudkan daerah atau balai-balai polis yang baru dan juga tambahan kepada perjawatan polis seperti yang digariskan oleh pihak Interpol. Ketika ini pihak agensi pusat dan PDRM menetapkan kriteria yang tertentu dan menentukan perjawatan sebuah balai atau daerah polis dengan mengambil kira faktor-faktor lain seperti keluasan kawasan, pentadbiran ibu pejabat polis atau balai polis berkenaan jumlah keseluruhan laporan polis, kes jenayah indeks dan bukan indeks, kes-kes narkotik, komersial dan kes kemalangan jalan raya untuk tempoh tiga tahun sebelum dibuat penambahan kepada balai atau daerah berkenaan.

Selain daripada itu, PDRM juga sedang membuat kajian untuk mengukuhkan perjawatan di balai-balai polis serta di ibu pejabat polis daerah, di Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk dikemukakan kepada agensi pusat.

Kajian yang dibuat adalah berdasarkan faktor kompleksiti penugasan dengan mengambil kira perkara-perkara yang perlu ada dalam mewujudkan sebuah balai atau ibu pejabat polis iaitu mesti ada (*must have*), patut ada (*should have*), dan elok juga jika ada (*nice to have*) serta membuat kategori balai-balai berkenaan seperti balai polis metropolitan, balai polis bandar, balai polis di luar bandar dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim memohon supaya Kementerian Dalam Negeri memasang dan memperbanyakkan CCTV untuk tujuan mengawal kemasukan senjata api yang berleluasa di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

■1610

Untuk makluman semua, kerajaan pada dasarnya telah bersetuju untuk memperkasakan kawalan di sempadan dengan mewujudkan Agensi Keselamatan Sempadan atau nama ringkasnya AKS melalui penstrukturan semula Unit Pencegahan Penyeludupan atau UPP dan agensi penguat kuasa lain yang bertugas di sempadan bagi memastikan penguatkuasaan di sempadan negara dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkesan.

Dengan wujudnya agensi baru ini aktiviti jenayah rentas sempadan termasuk penyeludupan senjata api yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketirisan hasil ekonomi negara akan dapat ditangani secara menyeluruh dan holistik. Sebagai langkah jangka panjang, bilangan petugas di sempadan akan dipertingkatkan, peralatan yang lebih canggih dan terkini juga akan ditambah baik seperti CCTV dan mesin pengimbas yang bersesuaian dengan perkembangan masa kini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, harap dia ada. Beliau bertanyakan kadar kes pelacuran yang meningkat di negara kita disebabkan oleh kekurangan atau kelemahan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Polis Diraja Malaysia memberi perhatian yang serius berkaitan isu pelacuran dengan melancarkan Ops Noda secara berterusan bagi membanteras aktiviti yang tidak bermoral ini oleh orang perseorangan ataupun sindiket-sindiket pelacuran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, statistik tangkapan wanita warganegara asing dalam serbuan Ops Noda pagi tahun 2013 adalah seramai 14,638 orang, tahun 2014 seramai 20,084 orang dan tahun ini sehingga November seramai 17,784 orang. Sementara itu statistik tangkapan wanita warganegara tempatan dalam serbuan Ops Noda yang diadakan pada tahun 2013 adalah seramai 1,569 orang, tahun 2014 seramai 1,567 dan pada tahun 2015 sehingga November seramai 1,274 orang sahaja.

Kegiatan pelacuran akan terus berlaku selagi terdapat permintaan. Keuntungan yang tinggi hasil daripada kegiatan pelacuran itu juga menjadi faktor menjadikan mereka tamak dan tidak mengenal erti takut walaupun tindakan undang-undang yang tegas akan dikenakan terhadap mereka. Masyarakat keseluruhannya perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing bagi membendung masalah ini daripada berleluasa. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad ada dalam?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada?

Tuan Masir Anak Kujat: Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada dalam Dewan.

Tuan Masir Anak Kujat: Ini mengenai *love scam*. Ini pun...

Timbalan Yang di-Pertua: Buat secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Masir Anak Kujat: Buat secara bertulis ya, okey. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi ke bidang keberhasilan utama negara. Ini Datuk tadi ya yang berminat. Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin bertanyakan apakah status perkembangan terkini NKRA mengurangkan jenayah? Mengapa kah masih ramai lagi masyarakat berasa tidak selamat iaitu sebanyak 50 peratus daripada rakyat Malaysia walaupun kadar jenayah dikatakan menurun.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, NKRA mengurangkan jenayah telah dilancarkan di bawah GTP10 iaitu dari tahun 2010 hingga 2012 dan juga GTP ataupun *Government Transformation Plan 2013-2015*. Kerajaan menerusi Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensinya di bawahnya telah berjaya menurunkan indeks kadar jenayah sebanyak 40 peratus. Demi keselamatan dan keamanan rakyat kerajaan akan melanjutkan NKRA mengurangkan jenayah ke fasa seterusnya iaitu GTP30 yang akan bermula tahun depan hingga 2020.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada hasil kaji selidik yang dijalankan oleh dua badan penyelidik bebas iaitu Frost & Sullivan dalam tahun 2014 dan juga pihak Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang juga 2014 di seluruh negara mendapati hanya 10 peratus sahaja daripada responden percaya bahawa kadar jenayah di negara ini sebenarnya telah turun. Manakala 50 peratus orang responden mengatakan, kadar jenayah terus meningkat tinggi, manakala 40 peratus pula berpendapat kadar jenayah masih statik iaitu tidak berubah.

Hasil daripada kaji selidik ini juga mendedahkan beberapa faktor yang menjadi punca kepada perasaan tidak selamat itu. Faktor pertama iaitu faktor pergandaan ataupun *amplifier effect*. Kes-kes jenayah yang berlaku diberi liputan meluas di dalam media cetak atau elektronik dan juga media sosial yang menimbulkan kegelisahan masyarakat.

Faktor signal atau isyarat. Keadaan persekitaran seperti bangunan-bangunan terbenkakai, tiada lampu jalan, gejala mat rempit dan tempat penagihan dadah serta kehadiran atau lambakan pendatang asing. Faktor ketiga faktor keyakinan diri. Ketidakyakinan diri dan sentiasa takut menjadi mangsa jenayah. Faktor yang keempat ialah perkhidmatan yang diberikan oleh agensi penguatkuasaan seperti rondaan PDRM tidak kelihatan atau menyeluruh pada masyarakat.

Sehubungan itu, kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara melalui program NKRA mengurangkan jenayah dengan melaksanakan pelbagai inisiatif yang bermatlamat mengurangkan jenayah. Memastikan rakyat diberi perhatian melalui pelbagai kaedah dalam membanteras jenayah dan mempertingkatkan imej agensi penguatkuasaan secara menyeluruh.

Hal ehwal Imigresen atau pekerja asing. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin ada dalam?

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Chin Su Phin tidak ada dalam Dewan.

Tuan Masir Anak Kujat: Tidak ada, saya akan jawab bertulis. Senator Dato' Dr. Johari bin Mat?

Timbalan Yang di-Pertua: Pun tidak dalam Dewan.

Tuan Masir Anak Kujat: Tidak ada juga. Saya akan cepat sikit sebab masih ramai yang akan menggulung. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan ada ya? Beliau meminta kerajaan menyelesaikan isu empat juta PATI dengan cadangan pemutihan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak mempunyai rekod yang khusus dan tepat mengenai jumlah bilangan pendatang tanpa izin di negara ini pada masa kini. Ini kerana Jabatan Imigresen tidak mempunyai data pesalah Imigresen yang masuk ke Malaysia melalui pintu-pintu masuk yang tidak diwartakan atau melalui saluran-saluran lain yang tidak sah.

Walau bagaimanapun, kerajaan pernah melaksanakan Program 6P pada tahun 2011 di mana seramai 1.3 juta PATI telah didaftarkan semasa program tersebut. Semua pegawai Imigresen yang bertugas di pintu masuk seluruh negara telah melalui latihan yang sepenuhnya untuk melaksanakan pemeriksaan Imigresen mengikut SOP yang ditetapkan.

Mengikut seksyen 26(1) Akta Imigresen 1959/63, setiap pelawat asing hendaklah melaporkan diri di hadapan pegawai Imigresen yang bertugas di pintu-pintu masuk yang diwartakan. Setiap pelawat juga hendaklah memastikan pasport mereka telah diimbis dan diturunkan cop ke dalam pasport sebelum meninggalkan kaunter imigresen di pintu masuk berkenaan. Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han. Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan. Teruskan.

Tuan Masir Anak Kujat: Beliau memohon penjelasan berhubung dengan status pelaksanaan cadangan *visa free* dan *Visa on Arrival* untuk pelancong China yang diumumkan pada tahun 2014 dan bilakah cadangan tersebut akan dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator kemudahan visa semasa ketibaan atau *Visa on Arrival* (VOA) bagi pelancong-pelancong Republik Rakyat China adalah berbeza dengan *visa free* iaitu pengecualian visa ke atas pelancong China.

Kementerian Dalam Negeri dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bersama-sama pihak berkaitan yang lain telah bersetuju pemberian kemudahan pengecualian visa ditawarkan kepada pelancong dari RRC mulai 1 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2016 dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sebuah Pekeliling oleh Jabatan Imigresen Malaysia bertarikh 23 September 2014 telah dikeluarkan dan diedarkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Berkuat kuasa 1 Disember 2014 pengecualian visa ini diberikan kepada pelancong yang datang secara berkumpulan dengan jumlah minimum dua orang di bawah agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan berbanding jumlah minimum 20 orang sebelum ini. Walau bagaimanapun syarat-syarat lain yang sedia ada masih dikekalkan. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada dalam Dewan.

Tuan Masir Anak Kujat: Tidak ada dalam Dewan ya, saya akan jawab bertulis. Seterusnya hal-hal lain. Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal ada? Bertanya, berapakah jumlah pelajar India yang terlibat dengan jenayah dalam tempoh lima tahun lepas? Jumlah kes juvana daripada pelajar India, pecahan mengikut umur, jantina dan kaum, peratus bekas pesalah kes juvana yang kembali melakukan kesalahan jenayah setelah hukuman dijatuhkan.

■1620

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah *report* tangkapan juvana kaum India yang berumur antara 7 tahun hingga 18 tahun yang terlibat dalam jenayah indeks bagi tahun 2014 adalah seramai 1,211 orang iaitu 1,165 orang lelaki dan 46 orang perempuan. Bagi tahun 2015 sahaja adalah seramai 1,140 orang iaitu 1,097 orang lelaki dan 43 orang perempuan. Jadi, yang lain saya akan jawab bertulis kerana itu sangat *detail*. Kalau diperlukan, saya boleh beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam.

Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang juga bertanyakan berapakah jumlah statistik anggota PDRM yang menjalankan tugas pentadbiran, perkeranian berbanding tugas siasatan jenayah, terutamanya di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan juga Jabatan Siasatan Jenayah Komersial selaras dengan konsep supaya polis memberi tumpuan dalam hal kepolisan serta cadangan daripada Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia pada tahun 2005, maka pasukan polis telah mencadangkan supaya 30 peratus daripada tugas pentadbiran dan perkeranian dilaksanakan oleh pegawai awam. Manakala pegawai polis yang terlatih akan melaksanakan tugas-tugas kepolisan di lapangan seperti *omnipresence* dalam pencegahan dan pengurangan jenayah.

Justeru itu, di bawah program transformasi kerajaan, kerajaan telah melaksanakan inisiatif pengawaman di mana seramai 7,402 orang pegawai polis telah ditempatkan untuk melaksanakan tugas kepolisan dan seramai 4,279 orang pegawai awam ditempatkan untuk tugas pentadbiran dan perkeranian.

Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat.

Tuan Masir Anak Kujat: Tidak ada dalam Dewan ya. Ini mengenai insentif atau *allowance*. Tidak apalah, saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan bertanyakan apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah kad pengenalan dan pasport palsu.

Kementerian Dalam Negeri memandang serius kes pengeluaran dan pengedaran kad pengenalan dan passport palsu yang dilakukan sindiket kerana hal ini bukan sahaja melibatkan penipuan kepada terimaannya serta mencemar nama baik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ataupun Jabatan Imigresen Malaysia dan menjejaskan keselamatan negara. Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap sindiket-sindiket pemalsuan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan.

Kerajaan juga telah melaksanakan penambahbaikan dalam peningkatan ciri-ciri keselamatan berkaitan dokumen kad pengenalan dan passport. Sebagai contoh kad pengenalan biru bertaraf warganegara Malaysia atau *MyKad*, struktur baru diperbuat daripada bahan *polycarbonate* sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf serta mempunyai kualiti yang lebih tinggi. Cip *MyKad* struktur baru ini juga telah melalui beberapa peringkat pengujian, termasuklah sebelum proses memasukkan cip ke dalam *MyKad*.

Nombor siri cip juga menggunakan nombor yang unik agar tidak mudah untuk dipalsukan. Selain itu, terdapat tulisan laser pada nama, nombor kad pengenalan dan gambar kecil atau *ghost image* yang tidak membolehkan maklumat dipinda dengan mudah. Sekiranya terdapat pindaan, pindaan tersebut dapat dikesan dengan mudah. Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, setiap negara berdaulat mempunyai undang-undang untuk mengawal dan memelihara ketenteraman rakyat dan kemakmuran negara.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat Menteri sudah hendak tutup, saya ada tanya mengapa Amerika Syarikat dan juga Australia tidak menghapuskan keperluan visa untuk kita pergi ke US dan juga Australia kerana New Zealand, kita tidak perlu gunakan visa, sedangkan US dan Australia mempunyai hubungan yang baik antara Malaysia, Australia dan juga *United States*. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat TPM ada membuat beberapa perkembangan baru berkenaan dengan visa ini. Apakah perkembangannya?

Satu lagi, saya ada bertanya berkaitan dengan Kanada. Saya ada pergi Miami *last year* melalui Paris dan melalui Toronto. Akan tetapi bila saya tiba di Paris hendak pergi ke Toronto, tidak dibenarkan *on transit* kerana Kanada *on transit* pun hendak perlu visa, sedangkan *on transit* kita tidak masuk negara mereka, cuma kita pergi *transfer desk* sahaja. Kenapakah Kanada demikian? Kita patut minta dari Kanada, tidak perlu visa bagi rakyat Malaysia untuk pergi ke Kanada kerana kita mempunyai hubungan yang baik dengan mereka.

Soalan saya yang terakhir, baru-baru Donald Trump, calon Presiden Amerika tidak membenarkan orang Islam pergi ke US. Saya fikir ini satu pendirian yang kurang baiklah bagi dunia yang tiada sempadan. Ini juga menunjukkan berapa tidak matangnya beliau yang ingin bertanding sebagai Presiden US, tetapi tidak benarkan umat Islam pergi ke sana. Saya fikir kita patut menyuarakanlah.

Saya ingin menyuarakan bahawa saya tidak setuju, bahkan menentang sekeras-kerasnya pendirian calon Presiden US, Donald Trump untuk menghalang umat Islam pergi ke Amerika Syarikat kerana ini satu perbuatan yang tidak melambangkan sebuah *civil society* dan bertentangan dengan pendirian Amerika sendiri yang kini ingin melihat dunia ini bertambah aman dan baik. Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Mengenai visa dengan US, saya ingat kita pun sedang berbincang dengan US dan dalam proses *waiver of visa*. Saya tidak pasti bila akan bermula, tetapi Yang Amat Berhormat TPM pun sudah pergi ke sana dan kita mungkin selepas ini tidak perlukan visa lagi untuk melawat US.

Australia dan New Zealand saya tidak pasti, saya akan semak dan akan menjawab secara bertulis. Satu lagi semasa di Kanada, ini pun mungkin *requirement* Kanada misal kata...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: New Zealand kita tidak perlu visa. New Zealand memang kita tidak perlu visa.

Tuan Masir Anak Kujat: Akan tetapi tadi Yang Berhormat Senator bertanya...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Saya kata mengapa Australia tidak ikut macam New Zealand, tidak perlu visa.

Tuan Masir Anak Kujat: Australia kita belum pasti lagi. / akan semak dengan kementerian dan akan menjawab secara bertulis. Di Kanada saya tidak pasti tetapi kalau perlukan visa kalau *on arrival*, saya ingat itu terpulang kepada negara merekalah. Nanti saya akan semak dengan kementerian. Sekiranya dapat jawapan, saya akan beri secara bertulis.

Terakhir tadi, saya pun tidak juga setuju bila hendak menghalang mana-mana pelancong ataupun pegawai-pegawai yang masuk dalam negara mereka. Sebagai seorang Kristian pun saya tidak bersetuju langkah calon Republican dan sama-samalah kita menunggu reaksi negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan yang terakhir ini. Setiap kebebasan itu harus ada hadnya di sisi undang-undang supaya hak seseorang individu itu tidak mengetepikan hak individu yang lain. Maka selaras dengan prinsip, "Keluhuran Perlembagaan" dan "Kedaulatan Undang-undang", saya dan seluruh warga Kementerian Dalam Negeri akan terus komited untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara yang telah dibangkitkan. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kita beralih ke Kementerian Pengangkutan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

Kelima-lima Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan mengenai isu lapangan terbang iaitu jumlah peruntukan projek Lapangan Terbang Mukah, Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

■1630

Seterusnya, Lapangan Terbang Langkawi oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor dan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Kementerian Pengangkutan ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap isu-isu di bawah bidang kuasa kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu-isu dan pertanyaan yang dibangkitkan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan jumlah peruntukan projek Lapangan Terbang Mukah, Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed telah membangkitkan isu mengenai jumlah peruntukan yang sedikit iaitu RM42 juta telah diluluskan bagi melaksanakan pembinaan Lapangan Terbang Mukah, Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, jumlah kos keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi menaik taraf Lapangan Terbang Mukah RM341 juta. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2016 - RM11.5 juta. Manakala, menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, jumlah kos keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM11 juta. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2016 - RM650 ribu.

Selanjutnya, jumlah kos keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu adalah sebanyak RM450 juta. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2016 - RM30 juta.

Kementerian mengambil maklum akan keprihatinan untuk kerja-kerja naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu dipercepatkan. Pada ketika ini, kementerian telah merancang dan sedang memuktamadkan pelan konsep pembangunan, skop-skop kerja, anggaran kos projek keseluruhan serta proses pelantikan perunding dan kontraktor. Berikutan kompleksiti dan nilai projek yang tinggi, proses penilaian dan lantikan kontraktor dijangka dapat dilaksanakan pada separuh kedua, tahun 2016.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, permohonan peruntukan bagi projek tersebut telah diteliti dan diputuskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri. Sebagai mana yang kita sedia maklum, peruntukan yang perlu diagihkan untuk pembinaan dan pembangunan lapangan terbang adalah terhad. Oleh itu, Kementerian Pengangkutan akan membelanjakan mengikut peruntukan yang diluluskan. Seterusnya, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor dalam perbahasan. Mohon penjelasan mengapa lapangan terbang tersebut tidak dilengkapi dengan *aerobridge* dan memohon supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menyediakan peruntukan...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri. Silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan berhubung dengan lapangan terbang tadi. Walaupun lama sudah orang Kelantan tengah menunggu, hendak tengok lapangan terbang ini. Akan tetapi hari ini mendengar daripada ucapan daripada Menteri bahawa pada tahun 2016 ini proses itu sedang akan dilaksanakan dan usaha-usaha telah sedang dijalankan. Saya ucapkan terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih sama-sama kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi tidak dilengkapi dengan *aerobridge* kerana struktur bangunan terminal di lapangan terbang tersebut yang hanya mempunyai satu aras ataupun satu lantai sahaja.

Bagi keperluan untuk memasang *aerobridge*, bangunan terminal tersebut perlu dinaiktarafkan menjadi dua aras ataupun dua tingkat. Pihak Kementerian Pengangkutan bercadang untuk mengemukakan permohonan untuk menaik taraf bangunan terminal termasuk pemasangan *aerobridge* untuk pertimbangan kerajaan dalam *Rolling Plan Ke-2*, Rancangan Malaysia Kesebelas.

Seterusnya dan yang terakhir, Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han telah memohon penjelasan, bila kerja menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Batu Berendam, Melaka akan dijalankan, dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap mengenai lapangan terbang ini, baru-baru ini ada iklan di surat akhbar oleh (MAB) Malaysia Airport Berhad, hendak mencari pemilik tiga buah pesawat yang tersadai di *airport*. Saya hendak tahu dengan Kementerian Yang Berhormat Menteri, kenapakah perkara ini boleh terjadi? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai iklan tersebut. Sebenarnya ada tiga pesawat memang sudah tersadai lama sejak 2010. Pada asalnya dimiliki oleh *Atlanta Icelandic Company*, sebuah syarikat pemilik *leasing company*. Akan tetapi syarikat ini telah jual ketiga-tiga pesawat ini kepada syarikat lain, jadi dimiliki oleh syarikat yang baru *Sunshine Cargo*. Sejak 2010 sehingga 2013 ada berkomunikasi tetapi sejak September 2013 ia *lost communication* kerana akibat syarikat *Sunshine Cargo* tersebut telah tidak beroperasi lagi.

Jadi, maka apabila ada *lost communication* dari tahun 2013 sehingga sekarang, maka MAHB menghadapi kesukaran untuk mengatasi, menyelesaikan masalah tersebut. Oleh sebab pesawat itu pada dasarnya mengganggu, kerana di samping tidak membayar bayaran-bayaran *landing charges* kepada MAHB.

Maka, untuk melupuskan pesawat tersebut, pihak MAHB terpaksa menggunakan kaedah perundangan dengan mengiklankan untuk mencari pemilik. Sekiranya dalam tempoh dua minggu tidak dapat diselesaikan, maka (MAHB) Malaysia Airport Holdings Berhad mempunyai hak untuk melelong ketiga-tiga pesawat ini. Jadi, ini isu memang sampai ke peringkat antarabangsa. Itulah kedudukan tiga buah pesawat yang sudah tersadai sejak tahun 2010. Jadi, itu untuk makluman Yang Berhormat Senator.

■1640

Seterusnya, saya ingin menyambung. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han, projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Jumlah peruntukan keseluruhan yang diperuntukkan adalah sebanyak RM200 juta. Daripada keseluruhan jumlah peruntukan tersebut, sejumlah RM140 juta telah diluluskan untuk dibelanjakan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, projek ini hanya dapat dimulakan apabila kerja-kerja pengambilan tanah oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka selesai kerana tanah ini urusan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saranan yang dikemukakan. Saya dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan akan terus komited dan beriltizam untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna disediakan dan dinikmati oleh semua rakyat Malaysia di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak mencelah?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ya

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah menggulung. Yang Berhormat Menteri hendak jawab?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ada yang tertinggal.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat kemukakan masa perbincangan?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Mungkin akan dijawab oleh kementerian yang lain. Cuma, semasa dalam perbahasan, saya membangkitkan isu kekurangan kakitangan yang berkecukupan dalam bidang kereta api. Isunya, pasal kalau kita tengok dalam bajet, banyak projek berkaitan dengan kereta api. So, isu kekurangan kakitangan terutama jurutera.

Isu saya ialah kalau Yang Berhormat Menteri menengok banyak dalam bajet itu, projek kereta api banyak tetapi kalau Yang Berhormat Menteri menengok daripada bahagian sumber manusia dan sebagainya, tidak ada apa-apa perancangan. Mungkin akan dijawab oleh Kementerian Sumber Manusia, saya tidak pastilah. Akan tetapi masa saya bangkit itu di bawah Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kita beralih ke Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat Menteri sendiri yang hadir. Silakan Yang Berhormat Menteri.

4.42 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Kesihatan. Kementerian sentiasa memandang serius dan komited terhadap isu kesihatan yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini demi kebajikan seluruh rakyat Malaysia selaras dengan slogan 'Kerajaan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan'.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader telah membangkitkan isu berkenaan dengan kos rawatan di hospital swasta. Kementerian Kesihatan memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ke-13 Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain).

Jadual ini menetapkan harga siling atau had maksimum fi profesional iaitu fi perundingan dan fi prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta. Namun begitu, fi selain daripada fi profesional seperti fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan tidak dikawal selia oleh kementerian.

Syarikat-syarikat insurans dan organisasi jagaan diurus oleh *Managed Care Organization* (MCO) juga tertakluk kepada jadual fi ini untuk pembayaran balik kepada pengamal-pengamal perubatan yang mengenakan fi profesional ke atas pesakit.

Sementara itu, di bawah Peraturan 27(1)(a) Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta, hospital swasta hendaklah mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan pesakit diberikan maklumat mengenai masalah perubatan, cadangan rawatan, penyiasatan atau prosedur dan anggaran kos yang mungkin dikenakan bagi rawatan, penyiasatan atau prosedur tersebut. Pesakit, atas permintaan, mempunyai hak untuk dimaklumkan mengenai anggaran kos rawatan berdasarkan diagnosis awal yang dibuat sebelum rawatan dimulakan ke atas mereka seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 26(1)(a) Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006.

Kesedaran pesakit tentang hak mereka untuk dimaklumkan oleh pihak hospital swasta akan anggaran kos perubatan yang akan dikenakan ke atas mereka sebelum rawatan dimulakan diharap dapat membantu mengelakkan masalah seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han telah membangkitkan tentang penyakit-penyakit cara hidup, gaya hidup sihat dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian.

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk menggalakkan rakyat untuk mengamalkan gaya hidup sihat bagi mencegah penyakit-penyakit kronik.

Dalam memperhebatkan usaha ini, kementerian telah menggunakan pelbagai strategi seperti pendidikan kesihatan awam dan modifikasi cara hidup bagi memberi kesedaran kepada rakyat.

Selari dengan kecanggihan teknologi maklumat, bahan-bahan pendidikan serta informasi terkini mengenai gaya hidup sihat boleh diakses menerusi laman web yang disediakan oleh kementerian iaitu www.infosihat.gov.my bagi memudahkan masyarakat untuk mendapat maklumat berkaitan.

Kementerian turut bekerjasama dengan beberapa buah agensi kerajaan lain seperti KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara untuk melaksanakan Program KOSPEN. Program dijalankan sejak tahun 2013 ini bertujuan untuk memperkasa komuniti menjadi sukarelawan untuk menjalankan Program Gaya Hidup Sihat pada komuniti masing-masing.

Pihak kementerian juga menggalakkan rakyat untuk mengamalkan gaya hidup sihat khususnya melalui amalan aktiviti fizikal dan pemakanan yang sihat.

Dalam menangani *non-communicable disease* (NCD) dan faktor risiko NCD, penglibatan semua pihak melalui pendekatan *the whole of Government* dan *whole of society approach* dilaksanakan ke arah persekitaran untuk menggalakkan pengambilan makanan yang sihat dan aktif secara fizikal.

Bagi aktiviti fizikal, banyak program kementerian yang memberi fokus kepada aktiviti fizikal dan kecergasan, antaranya melalui Kempen Berjalan 10,000 Langkah. Dalam memperhebatkan usaha ini, pihak kementerian mengguna pelbagai strategi pengubahsuaian gaya hidup menerusi media massa dan latihan penggerak aktiviti fizikal kepada komuniti. Kepentingan makanan sihat juga dilaksanakan mengikut seting seperti kafeteria sihat dan penyajian hidangan sihat di peringkat komuniti. Program Komuniti Kospen dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti KEMAS dan Rukun Tetangga turut menekankan amalan aktiviti fizikal dan pemakanan sihat di kalangan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat telah minta penjelasan tentang langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pelancongan kesihatan di dalam negara kita. Kementerian Kesihatan melalui *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) terus merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memajukan sektor pelancongan kesihatan negara selaras dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke arah menjadikan negara kita sebagai destinasi *premier* pelancongan kesihatan di persada antarabangsa.

Hubungan dan kerjasama dengan media dari dalam dan luar negara terus dijalin dan dimantapkan dalam usaha memajukan pelancongan kesihatan negara. Sehubungan ini, antara inisiatif yang diambil adalah seperti mengadakan majlis media *evening*, sesi temu bual, sesi rangkaian perhubungan dan penganjuran lawatan pengenalan untuk media. Kempen promosi juga dijalankan menerusi media antarabangsa seperti *Global Health and Travel* dan juga secara khusus di media negara yang disasarkan seperti *Financial Express*, *Myanmar Times*, *Indonesia Tatler* dan sebagainya.

Strategi promosi dan pemasaran kesihatan pelancongan negara melibatkan juga usaha membina persepakatan dan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di dalam negara dan di luar negara seperti kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara, agensi pelancongan, majlis dewan perniagaan, syarikat-syarikat insurans, penerbangan, syarikat-syarikat pelancongan, institusi kewangan, konglomerat hotel dan hospital-hospital. Inisiatif kerjasama ini meliputi bukan sahaja pasaran negara-negara sasaran di Asia, malah juga di negara Australia, New Zealand, Kazakhstan, *United Kingdom* dan negara-negara Timur.

■1650

Jalanan dan kerjasama juga dipupuk melalui penglibatan dalam persidangan antarabangsa atau penganjuran seminar dan pameran di negara-negara sasaran. Penyertaan dalam seminar dan pameran telah menonjolkan Malaysia sebagai satu pilihan destinasi pelancongan kesihatan terbilang di rantau ini. Melalui usaha-usaha ini, kementerian berpendapat untuk meningkatkan lagi jumlah mereka yang datang ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan bagi pelbagai jenis penyakit.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam telah meminta penjelasan tentang perkhidmatan dialisis dalam negara kita. Pesakit kurang mampu yang memerlukan rawatan hemodialisis diberi rawatan di hospital kerajaan atau di pusat dialisis badan-badan bukan kerajaan. Bagi rawatan di pusat dialisis NGO, pesakit tersebut diberikan subsidi sebanyak RM50 bagi setiap rawatan hemodialisis dan rawatan dan suntikan *Erythropoietin* di pusat tersebut ditanggung oleh Kementerian Kesihatan. Jumlah mesin hemodialisis di seluruh negara sebanyak 7,922 unit di mana 1,714 unit pusat dialisis awam, 2,311 unit di pusat dialisis NGO dan 3,997 unit di pusat hemodialisis swasta.

Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng telah meminta penjelasan berkaitan dengan kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar dan lambakan doktor-doktor asas dan doktor-doktor pakar di dalam kawasan luar bandar. Kementerian sentiasa merancang pembinaan *facility* kesihatan dalam usaha untuk meningkatkan akses dan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang komprehensif kepada semua kawasan.

Perancangan pembinaan *facility* baru dan naik taraf akan dibuat mengikut keutamaan bagi setiap negeri pada setiap tahun melalui Rancangan Malaysia. Penempatan doktor dan pakar juga akan dirancang dan dibuat mengikut keutamaan dan keperluan. Klinik kesihatan di Taman Bukit Indah, Pulaui telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (2015), Rancangan Malaysia Kesepuluh dan projek ini masih dalam peringkat awal perancangan oleh JKR Negeri Johor.

Berhubung Klinik 1Malaysia yang dibangkitkan, objektif asal penubuhan Klinik 1Malaysia adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan ringan kepada penduduk di kawasan bandar. Mulai tahun 2014, skop perkhidmatan rawatan penyakit kronik di Klinik 1Malaysia telah dimulakan secara berfasa. Sehingga kini terdapat 53 buah Klinik 1Malaysia yang telah memulakan perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, skop perkhidmatan hanya terhad kepada rawatan susulan bagi kes yang stabil di Klinik 1Malaysia dengan pegawai perubatan.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan di Klinik 1Malaysia, kementerian sedang berusaha untuk menambah penempatan pegawai perubatan di Klinik 1Malaysia. Perkhidmatan rawatan penyakit kronik juga akan diperluaskan ke Klinik 1Malaysia yang tidak mempunyai pegawai perubatan mulai tahun hadapan secara berperingkat.

Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad dan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam telah meminta maklumat tambahan berkaitan dengan Ahli Lembaga Pelawat Hospital. Semua hospital kerajaan mempunyai Lembaga Pelawat iaitu sebanyak 87 buah hospital di Semenanjung, 44 buah hospital di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Setiap Lembaga Pelawat Hospital kerajaan mempunyai di antara 10 hingga 25 orang ahli mengikut kesesuaian. Selain itu, hospital swasta yang mempunyai 50 buah katil dan ke atas juga mempunyai Lembaga Pelawat. Setakat ini terdapat 85 buah hospital swasta yang perlu menubuhkan Lembaga Pelawat.

Peranan dan fungsi Ahli Lembaga Pelawat sebenarnya adalah cukup menyeluruh. Terdapat empat tugas yang perlu dilaksanakan oleh ahli lembaga. Pertama adalah untuk bertindak sebagai penghubung dan mengarahkan perhubungan di antara hospital dan komuniti. Kedua, ahli lembaga dikehendaki mengadakan lawatan ke hospital untuk mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan yang diberikan di hospital dan untuk memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh hospital berkaitan perkhidmatan kepada pesakit dan waris.

Ketiga ialah ahli lembaga dikehendaki memberikan perkhidmatan kebajikan kepada pesakit-pesakit dan hospital umpamanya dengan mengumpul buku-buku dan majalah untuk bacaan pesakit dan memberikan bantuan lain yang boleh diberikan oleh lembaga. Keempat, ahli lembaga dikehendaki melibatkan diri dalam aktiviti hospital dengan komuniti seperti kempen menderma darah, kempen anti merokok dan sebagainya.

Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat terdiri daripada mereka yang boleh memberikan sumbangan tenaga secara sukarela, mempunyai kelapangan masa, aktif dalam aktiviti sosial dan boleh memberikan teguran yang membina dan berfaedah kepada pihak hospital...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yang manakah?

Timbalan Yang di-Pertua: Di hadapan itu, Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, *sorry*. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak dan tahniah kerana memenangi Presiden MIC. Yang Berhormat Menteri, saya berkisar ke Putrajaya di mana Ahli Lembaga Pelawat nya tiga orang sahaja di Putrajaya, yang lain semua dari Banting, Puchong, itu maksud saya. Kenapa tidak Hospital Putrajaya ditumpukan kepada mereka yang bermastautin di situ, yang lebih memahami pesakit, pelawat dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Saya menerima pandangan Ahli Yang Berhormat. Walaupun Hospital Putrajaya pada amnya memberikan perkhidmatan kepada mereka yang tinggal di Putrajaya tetapi ia juga menjadi sebuah hospital yang paling dekat kepada mereka yang ada dalam kawasan, Dengkil contohnya, kawasan Puchong berhampiran dan kawasan yang berdekatan dengannya. Oleh itu ada Ahli-ahli Lembaga Pelawat yang dipilih dari kawasan berkenaan.

Kalau mereka mempunyai kelayakan untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk dan kalau kita lihat kepada pesakit-pesakit yang ada di Hospital Putrajaya selain daripada mereka yang duduk di situ, ada yang dari kawasan-kawasan lain termasuk Sepang yang datang ke Hospital Putrajaya untuk mendapatkan rawatan. Itulah sebabnya di dalam terdapat Ahli-ahli Lembaga Pelawat ini telah diperluaskan untuk mereka dalam Putrajaya dan daripada mereka yang luar dari Putrajaya. Akan tetapi saya menerima pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat secara baik. Dalam lantikan yang akan datang, kita akan lihat untuk memberikan keutamaan kepada mereka yang datang dari kawasan Putrajaya.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som telah membangkitkan tentang isu daun ketum...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong adakah di dalam Dewan?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tidak tahu, tidak ada? Okey saya boleh bagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Secara bertulis Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Jawapan secara bertulis, terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin, ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Megat? Tidak ada dalam Dewan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tidak ada. Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa dia baru keluar. Tidak apa *proceed* untuk menjawab seterusnya Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, terus dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin juga. Ini berkaitan dengan masalah kesesakan di Hospital Putrajaya sehingga menyebabkan warga Putrajaya sendiri sukar untuk mendapatkan rawatan di situ. Hospital Putrajaya memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan pesakit tanpa mengira tempat tinggal pesakit termasuk perkhidmatan bersalin. Antara inisiatif yang dijalankan oleh Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1Malaysia (PBBR 1MALAYSIA) *Lean Healthcare* di jabatan kecemasan dan wad perubatan, temu janji berperingkat ataupun *'staggered appointment'* di klinik pakar, *Pharmacy SMS Take N Go*, Ubat Melalui Pos 1Malaysia ini adalah semua langkah-langkah yang telah diambil oleh hospital berkaitan untuk mengurangkan kesesakan di hospital.

Sekiranya tiada kekosongan katil yang kadang-kadang berlaku, pihak hospital akan memastikan pesakit dalam keadaan stabil sebelum dirujuk ke hospital yang berdekatan seperti Hospital Serdang.

■1700

Hospital Putrajaya sentiasa memberikan keutamaan kepada kes-kes kritikal yang memerlukan rawatan kecemasan dan kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah blok tambahan untuk Hospital Putrajaya. Satu lagi langkah tambahan untuk membina sebuah hospital pakar kecil di Cyberjaya sebagai satu langkah untuk mengurangkan kesesakan yang ada di dalam Hospital Putrajaya pada masa sekarang.

Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng telah minta penjelasan berkenaan perkhidmatan doktor-doktor pakar...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat ini tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ada? Terima kasih. Tentang kelulusan pembinaan Hospital Padang Besar. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian telah mengemukakan permohonan Projek Hospital Padang Besar dengan kemudahan 108 buah katil di bawah *Rolling Pelan*, RMKe-11. Walaupun tidak disenaraikan di dalam *Rolling Plan* Pertama, kita telah minta supaya diberikan *priority* di dalam *Rolling Plan* Kedua di dalam RMKe-11.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal telah minta butiran tentang HIV di dalam negara kita. Bilangan terkumpul kes HIV yang dilaporkan sejak tahun 1986 sampai sekarang sebanyak 107,644 kes. Bagi tahun 2014 sahaja sebanyak 3,517 kes HIV baru telah dilaporkan dengan kadar notifikasi kes HIV baru mencatatkan 11.7 bagi setiap 100,000 orang penduduk. Bagi tempoh Januari hingga September 2015 pula, jumlah kes HIV yang baru dilapor sebanyak 2,459 kes dan berdasarkan pemantauan ini dijangkakan sebanyak 3,197 kes HIV baru akan dilaporkan sepanjang tahun 2015 dengan kadar notifikasi kes HIV baru 10.5 bagi setiap 100,000 orang penduduk.

Bilangan kes HIV baru di Malaysia pada amnya telah menunjukkan trend penurunan sejak tahun 2002 di mana bilangan tertinggi kes HIV telah dilaporkan iaitu sebanyak 6,978 atau kadar 28.5 bagi setiap 100,000 orang penduduk. Itu bermaksud dari tahun 2002, kadarnya telah turun daripada 28.5 sampai ke-10.5 pada tahun ini. Satu penurunan yang begitu ketara.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada beberapa daripada soalan...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bila sudah mari sini saya juga Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital. Yang Berhormat Menteri ada maklumat tidak, tahu tidak bahawa pesakit-pesakit yang pergi ke rawatan kecemasan, banyak yang lari balik, banyak yang pergi satu jam dua jam pergi ke klinik swasta sebab tidak mendapat layanan daripada MA atau doktor di hospital.

Baru-baru ini bila terkena pada anak saya sendiri dia masuk pergi ke rawatan kecemasan di Hospital Sungai Buloh pukul 8 malam dia pergi daftar, pukul 2.30 pagi baru dapat laporan. Saya kata kalau hendak mati, mati dahulu. Jadi saya hendak mintalah pihak Kementerian Kesihatan membuat pemantauan daripada segi rawatan. Ini sebab apabila rawatan ini mendapat jangka masa panjang, dia akan hentam kerajaan. Jadi saya minta benda ini menjadi tindakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada ramai lagi hendak mencelah. Dato' Khairudin bin Samad ada..

Dato' Khairudin bin Samad: Topik yang sama saya hendak sambung sebab masa saya bahas saya sebut juga yang kes menantu saya *platelets* sudah 30 dari jam 8.00 sampai 1.30 disuruh balik.

Bila saya hantar ke Hospital Kajang, *straight away*, dengan izin, terus *admitted* tetapi Hospital Putrajaya suruh balik. Saya pun tidak faham kenapa jadi macam ini. Saya sebut dalam perbincangan saya. Saya pernah menjadi Ahli Lembaga Pelawat di situ Yang Berhormat Menteri, saya jadi Ahli Lembaga Pelawat selama sembilan tahun dan saya juga Pengerusi Majlis Perunding.

Setiap tahun belia-belia di Putrajaya mengadakan majlis sahur bersama dengan kakitangan hospital, setiap tahun selama tujuh tahun berturut-turut. Akan tetapi Pengarah ini, yang saya hairan Pengarah ini tidak pernah datang begitu juga dalam Mesyuarat Lembaga Pelawat, Pengarah tidak pernah datang. Kalau sudah tidak boleh, saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh gantilah Pengarah lain. Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya ada soalan-soalan saya yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, mungkin pihak Yang Berhormat Menteri tidak tercatat agaknya. Boleh saya ulangkan soalan saya Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Apa kolaborasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri pelancongan kesihatan ini bagi membangunkan produk-produk pelancongan agar lebih inovatif, berkembang dan menarik lebih ramai pelancong? Apakah kerjasama yang dijalinan dengan negara-negara ASEAN bagi menarik penduduk ASEAN datang ke Malaysia bagi melancong di samping mendapat rawatan kesihatan? Ada satu lagi Yang Berhormat Menteri, saya ada mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya ada pelan strategik jangka pendek dan jangka panjang dalam menggiatkan pembangunan promosi dan pelancongan kesihatan di negara ini. Jadi saya minta mohon Menteri menjawab kerana saya tidak dapat hendak menjawabnya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Untuk penjelasan yang pertama tentang kelewatan untuk mendapat rawatan di bahagian kecemasan di hospital-hospital tertentu. Ada beberapa sebab, salah satu daripada sebab pada awalnya bahagian kecemasan di sebuah hospital ini ditubuhkan untuk memberi rawatan kepada kes-kes kecemasan. Kes-kes kecemasan bermaksud bukan kes-kes demam atau penyakit-penyakit biasa yang pada biasanya kena diberi rawatan atau mendapat rawatan di klinik-klinik kesihatan.

Jadi malangnya apa yang berlaku di banyak daripada bahagian-bahagian kecemasan dan trauma di dalam hospital kita selepas waktu kerja iaitu selepas pukul 5 petang, pukul 6 petang, pukul 7 malam. Apabila klinik-klinik kesihatan yang berhampiran semua sudah tutup dan bila ibu bapa balik ke rumah dan nampak anak mereka sudah demam sudah sakit mereka membawa mereka kepada bahagian kecemasan kerana bahagian kecemasan di hospital sahaja yang dibuka.

So, bila mereka datang bahagian kecemasan ini, ia disediakan untuk memberi rawatan kepada kes-kes kecemasan ini. Jumlah mereka yang datang ada yang sangat sakit, ada sakit yang ringan dan ada di dalam pelbagai jenis kategori. Oleh itu satu sistem saringan ada di dalam hospital-hospital yang kita panggil *green zone*, *yellow zone* dan *red zone*. Bila seseorang datang ke hospital *triage*, bila seseorang pesakit datang ke bahagian kecemasan pada awalnya pegawai-pegawainya membuat saringan awal dan membuat keputusan bahawa pesakit ini sepatutnya ada di *red zone*, *green zone* ataupun *yellow zone*. Kalau yang sudah ada di *red zone* mereka akan diberi rawatan serta-merta kerana ini benda yang ada penyakit yang mesti diberi rawatan secepat mungkin.

Kalau di *green zone*, tumpuan akan diberi kepada mereka yang di *red zone* lepas itu *yellow zone* lepas itu sahaja kepada mereka yang ada di dalam *red zone*. Ini yang kadang-kadang berlaku mengapa ada pesakit-pesakit yang tunggu satu dua jam atau tiga jam atau empat jam. Ini kerana jumlah kakitangan kerja di bahagian itu kadang-kadang tidak mencukupi. Contoh kalau di dalam Hospital Kajang atau Hospital Klang contohnya kalau di dalam waktu malam, kadang-kadang saya pun ada pergi buat lawatan tidak ada tempat duduk pun untuk pesakit. Mereka tidak ada tempat duduk pun. So, kita dipaksa untuk mewujudkan tempat *emergency* supaya mereka duduk buat saringan secara cepat dan untuk membuat keputusan siapa mesti diberi rawatan awal, siapa boleh tunggu, keputusan ini kena secara profesional.

■1710

Itulah sebab kadang-kadang perkara ini tidak boleh dielakkan. Banyak langkah yang dibuat. Satu ialah melalui *system triage*, nombor dua ialah untuk menambahkan kakitangan. Nombor tiga yang dibuat ialah untuk membuka klinik-klinik yang berhampiran untuk satu masa yang lebih lama. Contohnya, banyak klinik yang berhampiran di hospital semasa *epidemic dengue* dulu, kita telah buka sampai 9 malam, 10 malam supaya pesakit ini tidak payah, tidak perlu datang ke hospital tetapi mereka boleh mendapat rawatan di klinik-klinik yang berhampiran dengan tujuan untuk mengurangkan kesesakan di dalam hospital ini. Akan tetapi saya menerima pandangan yang diberikan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini berlaku dalam bahagian kecemasan, tetapi ini ialah isu pendidikan.

Contohnya di Singapura, kalau seseorang pesakit yang bukan dikatakan *emergency*, pergi ke bahagian *emergency*, mereka diberikan *surcharge* atau bayaran lebih. Kalau mereka dimasukkan dalam hospital, bayaran ini dimasukkan dalam bayaran sebagai sebahagian dalam bayaran hospital. Kalau tidak dimasukkan ke dalam hospital, bayaran ini rugi saja. Ini satu sebagai langkah yang diambil oleh Kerajaan Singapura untuk memastikan kecemasan, *emergency section* tidak disalahgunakan oleh pesakit untuk penyakit-penyakit yang lain daripada *emergency cases* dan mengapa keputusan dibuat oleh doktor.

Dalam kes denggi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di dalam *platelet count* yang tiba Rabu ini, saya tidak boleh jawab ini kerana ini *profesional decision* yang diambil oleh doktor kerana di dalam denggi, *platelet count* ialah satu indikator saja daripada indikator-indikator yang lain yang akan menunjukkan bahawa adakah penyakit ini teruk atau tidak teruk.

Mungkin doktor sudah buat pemeriksaan dan dalam pemeriksaan darah yang dibuat, beliau berpendapatan ini boleh dilihat. Kadang-kadang mereka beri nasihat balik dan datang balik pada esok hari dan kalau saya jadi jawab macam itu, soalan yang akan bangkit lagi mengapa di Hospital Kajang diminta masuk ke dalam hospital dengan sertamerta. Perkara ini susah untuk jawab kerana kadang-kadang dua orang doktor ini boleh membuat keputusan yang berbeza dalam keadaan yang sama.

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad: Yang Berhormat Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad: Maaf Yang Berhormat Menteri, saya mengganggu. Maksud saya di sini ialah menantu saya ini sudah pergi ke hospital swasta. Hospital swasta tidak boleh mengendalikan kes yang macam ini. Jadi dia yang merujuk ke Hospital Putrajaya. Bila dia sampai ke Hospital Putrajaya, pukul 8 sudah jumpa, tapi 1.30 disuruh balik. Bila suruh balik, keesokan harinya, saya suruh pergi ke Hospital Kajang. Hospital Kajang terperanjat oleh sebab di Kajang, *platelet* kalau 50 pun ditahan. Ini 30 dia suruh balik. Itu yang menjadi tanda tanya. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. S. Subramaniam: Ini kita mempunyai *guideline* untuk denggi di mana ada seperti yang saya jelaskan tadi, *platelet count* salah satu daripada indikator. Ada indikator-indikator yang lain digunakan. So, semua kena diambil kira di dalam membuat keputusan. So, saya menerima bahawa saya mengakui ada isu kesesakan di *emergency department*, walaupun saya tidak boleh memberi satu penjelasan yang mungkin lebih menyeluruh tentang kes tertentu yang telah diterangkan di Hospital Putrajaya itu tetapi saya akan lihat kepada perkara ini dan adakah kaedah, *management* di Hospital Putrajaya berbeza dari hospital yang lain.

Tentang industri pelancongan kesihatan itu, secara ringkas saya sudah jawab tadi Yang Berhormat. Akan tetapi secara dalam saya boleh bagi. Saya ada satu laporan yang lebih panjang tentang semua usaha yang dilakukan oleh kementerian melalui MTC untuk meningkatkan dan memastikan bahawa negara kita menjadi satu pusat terkenal di dalam bidang pelancongan kesihatan dan langkah-langkah yang diambil seperti apa yang saya jelaskan di dalam ucapan saya tadi itu ialah melalui kolaborasi yang dibuat bukan saja di agensi-agensi di dalam negara kita tetapi dengan agensi-agensi di luar negara.

Contohnya, ejen yang di hospital-hospital tertentu dan mereka yang menjadi klinik-klinik di situ di mana kita memberitahu mereka tentang keistimewaan, tentang kepakaran-kepakaran yang ada di dalam negara kita untuk supaya mereka boleh datang dan sekarang kita sudah memberi tumpuan kepada beberapa buah negara.

Indonesia secara sejarah ialah negara pertama daripada mana banyak, daripada pelancong kesihatan datang ke negara kita dan selain daripada itu baru-baru ini kita nampak negara-negara lain seperti Bangladesh dan negara-negara di Asia Tenggara yang sebelum ini tidak berapa datang ke negara kita tetapi mereka ke negeri-negeri yang lain dengan membuat lawatan kepada negara-negara itu, mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan di negara itu, mengambil bahagian dalam persidangan-persidangan berkaitan dengan kesihatan di dalam negara itu dan dengan menonjolkan keistimewaan dan kemudahan-kemudahan yang ada di dalam negara kita. Kita berharap untuk membawa pulang pesakit, iaitu pelancong kesihatan yang lebih banyak.

Akan tetapi, usaha ini semua dibuat untuk sektor swasta kerana mereka yang mendapat manfaat daripada industri pelancongan kesihatan ialah sektor swasta. Pandangan saya ialah sektor swasta kena memainkan satu peranan yang aktif dalam proses ini. Walaupun kerajaan menjadi peneraju kepada perkara itu kerana kerajaan menyediakan peruntukan khusus untuk memastikan negara kita maju di dalam bidang ini.

Ini tidak boleh berjaya tanpa kerjasama yang lebih baik daripada hospital-hospital swasta. Hospital-hospital di lain-lain negara, contoh di Thailand ada sebuah hospital yang terkenal di dalam bidang ini, sebuah hospital saja. Jumlah pesakit yang mereka dapat pada satu tahun lebih daripada semua hospital di dalam negara kita kerana mereka memberi tumpuan khusus kepada pelancongan kesihatan.

Tapi di dalam negara kita banyak dari hospital swasta kita, mereka ada penyakit yang mencukupi untuk dirawat dan oleh itu mereka tidak perlu memberi tumpuan yang tinggi kepada pelancongan kesihatan. So, itu sebab kita mahu hospital khususnya sektor swasta memainkan peranan yang lebih aktif untuk kerjasama dengan kerajaan di dalam semua usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan kesihatan. Saya akan memberi laporan tentang segala kegiatan yang dibuat oleh MTC untuk meningkatkan aktiviti kesihatan pelancongan kesihatan kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kita beralih ke Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Sila Yang Berhormat.

5.18 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Puan Mas Ermieyati binti Samsudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah; Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul; Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han; dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus yang telah menyentuh perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan semasa perbahasan peringkat dasar Bajet 2016 di Dewan Negara dan pihak kementerian mengambil kira serta mengambil perhatian serta menghargai terhadap semua pandangan, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Untuk yang pertama, tapak warisan Kelab Golf Diraja Selangor. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah telah pun meminta kementerian dan Jabatan Warisan Negara...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat ini tidak ada dalam Dewan sekarang.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin: Okey, saya pergikan kepada kedua, berkenaan dengan syarat ataupun etika pelancong ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul telah meminta kementerian menyatakan apakah syarat ataupun etika peraturan yang perlu dipatuhi oleh pelancong-pelancong asing yang datang ke Malaysia supaya tidak mencemar adat-adat dan budaya tempatan susulan daripada beberapa insiden pelancong asing yang berkelakuan tidak sopan di Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak menetapkan sebarang syarat ataupun etika kepada para pelancong asing yang melawat ke negara kita.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah pun menerbitkan risalah seperti *Malaysia Travel Guide* dan *Custom and Etiquette* sebagai panduan serta rujukan kepada para pelancong asing untuk mereka lebih prihatin terhadap sensitiviti masyarakat tempatan yang berbilang kaum, bangsa dan juga agama.

■1720

Risalah-risalah seumpama ini telah pun diterbitkan sejak 10 tahun dahulu dan dikemas kini daripada semasa ke semasa mengikut perubahan masa. Selain daripada itu, pemandu pelancong yang berlesen di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah dilatih bagi menerangkan kepada para pelancong mengenai perkara-perkara yang boleh atau pun tidak boleh dilakukan di destinasi pelancongan yang dikunjungi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, berkenaan dengan insentif pengusaha pelancongan. Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han telah pun meminta kementerian menjelaskan adakah terdapat pengecualian cukai ataupun insentif yang lain khususnya kepada pengusaha pelancongan yang tidak dapat menepati syarat-syarat pengecualian cukai di mana mereka perlu membawa masuk sekurang-kurangnya 1,500 orang pelancong tempatan dan 750 orang pelancong asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ada menyediakan pelbagai galakan dalam bentuk insentif kepada syarikat-syarikat pelancongan di Malaysia. Selain daripada pelepasan cukai bagi pengusaha syarikat pengendali pelancongan dan agensi pengembaraan, *Tour Operating Business and Travel Agencies Business* iaitu *inbound* yang mengendalikan pakej pelancong asing yang sekurang-kurangnya 750 orang pelancong dan pakej pelancong domestik yang sekurang-kurangnya berjumlah 1,500 orang.

Kementerian ini menggalakkan perkembangan projek pelancongan di Malaysia melalui insentif pelepasan cukai oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia iaitu MIDA di mana pengusaha pelancong yang layak akan diberikan pelepasan cukai berdasarkan dua kategori iaitu *pioneer status* (PS) atau pun *investment tax allowance* (ITA) ke atas pembinaan baru mahupun pengubahsuaian ke atas projek-projek penginapan atau pun projek-projek pelancongan yang lain seperti taman tema, pusat kraf tangan, marina dan juga galeri.

Pengusaha pelancong yang ingin memohon haruslah memperoleh sijil pendaftaran projek pelancongan daripada kementerian ini. Tambahan daripada itu kementerian juga ada menyediakan bantuan dalam bentuk pinjaman kepada pengusaha pelancongan tempatan. Kemudahan pembiayaan dan pelancongan ini adalah melalui Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP) yang mana ia bertujuan adalah untuk membantu pengusaha yang berkelayakan yang ingin membangunkan atau pun meningkatkan mutu produk-produk pelancongan termasuk premis penginapan seperti hotel, *resort*, *chalet*, dan juga membiayai pembelian alat-alat seperti bot, enjin serta peralatan lain yang boleh menjana pendapatan daripada sektor pelancongan.

Saya pergi kepada soalan yang keempat berkenaan peruntukan tambahan Labuan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Ada ya di sini?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dalam Dewan.

Dato' Mas Ermieyati binti Samsudin: Telah mencadangkan kepada kementerian untuk peruntukan tambahan diberikan pada Labuan bagi merencanakan lagi pembangunan dan menarik lebih ramai lagi pelancong asing ke sana.

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa memberi perhatian ke atas pembangunan pelancongan dan kebudayaan di seluruh negara yang mempunyai daya tarikan yang berpotensi untuk dimajukan termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah diperuntukkan sebanyak RM2.68 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh atau RMKe-10 yang telah merangkumi pelbagai program pelancongan seperti pembangunan *ecotourism* naik taraf atau pun penyelenggaraan *homestay* atau pun inap desa dan penyediaan serta peningkatan kemudahan pelancongan.

Manakala di bawah *First Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesebelas pada tahun 2016, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi projek pembangunan *ecotourism* pengindahan di Pantai Kopsi yang melibatkan komponen naik taraf landskap, tandas, pusat aktiviti, laluan pejalan kaki dan sebagainya. Kementerian ini mengalu-alukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk-produk pelancongan yang berpotensi di bawah Wilayah Persekutuan Labuan untuk dikemukakan di bawah *Second Rolling Plan*, RMKe-11.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja isu-isu perbahasan yang menyentuh pihak kementerian. Sesungguhnya, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan amat menghargai segala pandangan, teguran, saranan dan juga cadangan oleh Yang Berhormat sekalian. Mana-mana persoalan yang tidak sempat dijawab pada hari ini telah saya susuli dengan jawapan bertulis daripada pihak kami. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Kementerian Pertahanan. Silakan Yang Berhormat.

5.24 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan menyatakan penghargaan kepada lima orang Ahli Yang Berhormat yang pertama Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor; yang kedua Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim; yang ketiga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; yang keempat Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin; dan yang kelima Yang Berhormat Senator Siti Aishah binti Shaik Ismail yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima isu utama yang telah dibangkitkan oleh lima Yang Berhormat. Pertama ialah isu berkenaan dengan kebajikan anggota veteran ATM, perolehan aset baru tentera laut, isu mengukuhkan dan kesiapsiagaan ATM, isu kekurangan kuarters tentera dan yang kelima ialah program latihan khidmat negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor telah membangkitkan isu kebajikan anggota veteran ATM. Perkara yang pertama yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator ialah berkaitan dengan bajet tahunan kerajaan kepada kelompok anggota veteran ATM dan 10 inisiatif veteran ATM. Bagi perkara yang dibangkitkan ini suka saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, pihak kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan kepada veteran ATM sama ada kepada veteran berpencen atau tidak berpencen.

Bagi meringankan bebanan penghidupan veteran pada masa kini terutama dalam bantuan kos rawatan perubatan dan pendidikan anak-anak veteran serta bantuan kebajikan kepada mereka yang layak sememangnya menjadi agenda utama kerajaan dalam membantu kelompok ini. Daripada segi rawatan perubatan, seseorang veteran ATM adalah layak mendapat pelbagai faedah perubatan yang disediakan oleh kerajaan seperti rawatan di institut jantung negara, rawatan kepakaran di hospital kerajaan, bayaran balik bagi rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan perubatan.

Manakala Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan untuk veteran ATM diwujudkan bertujuan meringankan bebanan hidup mereka yang dalam tanggungan berdasarkan kepada paras kemiskinan. Bantuan di bawah skim ini termasuk bantuan sara hidup, bantuan persekolahan, bantuan kemasukan ke institut pengajian tinggi, bantuan peralatan pesakit dan bantuan bencana alam.

Sebagai maklumat Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2016, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM17.2 juta bagi tujuan bantuan kebajikan kepada veteran dan tanggungannya.

Berkaitan dengan perdagangan, Yang Berhormat berkaitan dengan komitmen kerajaan dalam 10 inisiatif *blueprint* veteran ATM pula suka dinyatakan bahawa perkara ini masih dalam kajian pihak kementerian iaitu kajian transformasi sosioekonomi veteran ATM yang bertujuan menambah baik bantuan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan kepada veteran ATM serta tanggungjawab mereka pada tanggungan mereka bagi *plan* jangka masa panjang 15 tahun yang akan datang, yang bermula pada RMKe-11. Langkah ini merupakan usaha dan komitmen kerajaan dalam memastikan kebajikan golongan ini sentiasa terpelihara di samping memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada veteran ATM dan segala sumbangan bakti dan pengorbanan mereka dalam mempertahankan kedaulatan negara ini.

■1450

Perkara kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator ialah berkaitan dengan permohonan rumah yang masih tertangguh di bawah Program Membaikpulih Rumah Veteran 1Malaysia. Bagi perkara yang dibangkitkan ini suka saya perelaskan, kerajaan prihatin dan berusaha dari semasa ke semasa untuk memberi bantuan yang sewajarnya untuk membela nasib golongan veteran yang telah menyumbang bakti dan melakukan pengorbanan yang besar kepada negara kita ini. Justeru itu sebagaimana cadangan Yang Berhormat juga pihak kementerian akan sentiasa berusaha bagi menambah jumlah rumah yang dibina dan dibaiki dalam masa yang terdekat bergantung kepada kemampuan negara kita.

Perkara ketiga ialah yang disentuh oleh Yang Berhormat ialah berkenaan dengan bekalan ubatan kepada veteran ATM di hospital-hospital ATM di seluruh negara. Bagi perkara yang dibangkitkan ini, suka saya jelaskan bahawa bekalan ubatan di hospital-hospital Angkatan Tentera adalah mencukupi bagi keperluan pesakit-pesakitnya. Sebagai maklumat Yang Berhormat, pihak Hospital Angkatan Tentera menyediakan bekalan ubatan kecemasan. Manakala bekalan ubat-ubatan penyakit gaya hidup dan kronik akan diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran melalui tuntutan balik pembelian ubat-ubatan yang telah tidak dapat disediakan di hospital-hospital Angkatan Tentera.

Sebagai maklumat Yang Berhormat, peruntukan bagi kos ubat-ubatan veteran ATM yang ditanggung oleh kerajaan dalam masa tiga tahun yang lepas ialah sebanyak RM12.5 juta dan pada tahun 2014 ini sebanyak RM13.4 juta dan bagi tahun 2015 setakat bulan Oktober ini telah meningkat kepada RM14.9 juta.

Isu yang kedua ialah berkenaan dengan perolehan aset baru Tentera Laut. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Profesor Dr. Sim Kui Hian telah membangkitkan isu perolehan baru Tentera Laut dan dicadangkan ditempatkan di perairan Laut Sarawak dan Laut China Selatan. Bagi isu ini pihak Kementerian Pertahanan melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sedang dalam proses pembinaan kapal perang yang baru yang dinamakan *Littoral Combat Ship* (LCS) yang sedang dilaksanakan di limbungan Boustead Naval Shipyard di Lumut.

Sebagai maklumat Yang Berhormat, cadangan perolehan aset baru TLDM khususnya kapal perang dilaksanakan berdasarkan kepada pelan pembangunan TLDM dan ATM. Program peralihan ini adalah untuk mengganti aset-aset yang telah usang dan penambahbaikan aset-aset baru dalam inventori TLDM.

Pihak TLDM akan terus secara komitmen merancang pelan perolehan aset bagi memastikan komitmen piawaian dan juga pengawalan pertahanan di perairan negara terutama sekolah di kawasan-kawasan yang strategik. Sebagai maklumat Yang Berhormat, kawalan keselamatan dan rondaan perairan termasuk di Laut China Selatan dan di Beting Patinggi Ali di Sarawak dilaksanakan melalui konsep *do more with less* dengan kemahiran kapal perang TLDM yang sedia ada terus dilaksanakan. Rondaan ini juga dibantu dengan penglibatan rondaan daripada maritim TUDM yang turut serta dalam kerja-kerja rondaan di kawasan-kawasan yang sensitif.

Ketiga ialah isu memperkukuhkan kesiapsiagaan ATM. Dua soalan atau dua orang daripada Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan ini.

Pertama sekali ialah Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan yang kedua daripada Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah mencadangkan kekuatan ATM dipertingkatkan bagi menggerunkan pihak yang cuba mengancam keselamatan kita.

Bagi isu yang dibangkitkan ini terlebih dahulu saya amat mengalu-alukan keprihatinan Yang Berhormat dalam usaha untuk memperkukuhkan ATM. Sebagai maklumat Yang Berhormat, pihak kerajaan sentiasa peka kepada keperluan pertahanan negara yang telah dilengkapkan Angkatan Tentera Malaysia dengan sistem penjagaan dan peralatan sokongan yang berteknologi tinggi serta moden. Ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa ATM sentiasa siap siaga dalam soal penjagaan di kawasan-kawasan yang terlibat.

Dalam menghadapi ancaman keselamatan pada masa kini, keupayaan ATM akan terus dipertingkatkan dengan aset dengan kelengkapan-kelengkapan yang moden yang baru dalam perancangan ATM di masa yang akan datang. Keupayaan ATM ini dipacu melalui pelan pembangunan keupayaan ATM atau Pelan 4D MAF yang merupakan *road map* untuk pembangunan keupayaan ATM dalam tempoh jangka masa panjang. Namun begitu ia tertaklukkan kepada kemampuan kewangan negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin pula menyentuh berkenaan kemampuan aset ATM dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara terutama keupayaan pesawat pejuang dan kereta-kereta kebal yang dimiliki oleh ATM. Sebagai maklumat Yang Berhormat, sistem persenjataan peralatan serta aset-aset strategik milik ATM seperti pesawat pejuang dan kereta kebal berada di tahap yang baik dan sentiasa bersedia untuk mempertahankan negara kita. ATM sentiasa fokus bagi memastikan semua aset yang ada berada di tahap yang terbaik terutama di kawasan-kawasan yang telah kita kenal pasti untuk tugas dan tanggungjawab mereka untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Keempat ialah isu kekurangan kuarters tentera yang dibangkitkan oleh pertama sekali oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin juga membangkitkan berkenaan dengan Kem Terendak dan juga Kem Sungai Udang. Bagi isu yang dibangkitkan ini terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat prihatin berkenaan dengan kesejahteraan tentera yang berada supaya berada di tahap yang terbaik. Sebagai maklumat Yang Berhormat, kemudahan kuarters di Kem Terendak dan Kem Sungai Udang telah dimasukkan dalam perancangan untuk dibina baru sebagai gantian kepada kuarters yang telah rosak dan tidak selamat didiami sekarang ini.

Pembangunan ini telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2016 di mana 696 unit kediaman yang telah rosak dan tidak selamat akan diroboh dan bakal digantikan dengan 672 unit kediaman yang baru. Pembangunan yang akan dilaksanakan merupakan sebahagian daripada perancangan ATM untuk meningkatkan kualiti hidup warga tentera sejajar dengan hasrat pihak kerajaan untuk menyediakan kediaman yang selesa dan yang lebih baik kepada semua anggota ATM.

Isu yang terakhir isu berkenaan dengan PLKN. Isu ini isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Isu pelaksanaan PLKN dan cadangan Program Latihan Khidmat Negara diinstitusikan agar kos operasi dapat dikurangkan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Bajet 2016 di Dewan ini pada 23 Oktober yang lalu beliau telah mengumumkan peruntukan kepada PLKN bagi tahun 2016 - RM360 juta. Dengan ini membolehkan kita untuk melatih 20,000 orang pelatih mulai tahun hadapan.

■1740

Bagi cadangan Yang Berhormat agar PLKN diinstitusikan pula. Pihak kementerian berpandangan bahawa perkara ini cadangan yang boleh kita ambil kira dan pada masa ini kita tidak lagi bercadang untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat. Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara berkenaan kementerian saya. Selain daripada itu, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua yang telah terlibat dalam perbincangan yang melibatkan Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Oh, minta maaf. Sekarang ini nombor 7, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat, tunggu dulu Yang Berhormat.

5.41 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 daripada 7 Disember hingga 10 Disember 2015. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan berkaitan kementerian ini mengenai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), bantuan kewangan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), agenda pembangunan bumiputera dan pembangunan industri halal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat telah membangkitkan beberapa soalan berkaitan TPPA iaitu kesan terhadap agenda memperkasakan bumiputera dan apakah jaminan kerajaan bahawa kepentingan usahawan bumiputera terus terbela? Sejauh mana TPPA dapat memastikan kedaulatan negara terus kekal dan negara tidak terperangkap oleh konglomerat antarabangsa. Dakwaan beberapa pihak bahawa TPPA boleh menyukarkan syarikat tempatan untuk bertapak kukuh dalam pasaran domestik. Apa pendekatan kerajaan dalam meyakinkan rakyat bahawa pelaksanaan TPPA tidak akan menjejaskan kehidupan mereka dan mengenai kesediaan negara bagi menghadapi pelaksanaan TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, setelah lima tahun berunding, menteri-menteri TPP telah memuktamadkan rundingan pada 5 Oktober 2015. Secara keseluruhan, kerajaan berpuas hati dengan hasil rundingan TPP. Ini kerana kepentingan Malaysia telah diambil kira melalui fleksibiliti yang diberi ke Malaysia. Dalam beberapa perkara, kita telah berjaya mempertahankan dasar negara. Walau bagaimanapun, kita mengakui bahawa dalam beberapa hal kita telah membuat kompromi.

Antara beberapa perkara yang berkaitan dasar negara yang telah berjaya dipertahankan dasar bumiputera dalam bab perolehan kerajaan melalui pelbagai mekanisme seperti tempoh transisi, ambang nilai atau *threshold*, perolehan yang tinggi serta pengecualian beberapa entiti dalam mengekalkan penyertaan kontraktor bumiputera dalam perolehan kerajaan apabila TPP berkuat kuasa nanti. Dasar seperti *set aside*, dengan izin, peratusan penyertaan bumiputera. *Margin of preferences*, dengan izin, dalam pertimbangan tender kontrak Pusat juga dapat dikekalkan bagi memastikan penyertaan kontraktor dan pembekal bumiputera tidak terjejas akibat daripada TPP.

Dalam sektor pasar raya *hyper*, syarat pegangan ekuiti bumiputera sebanyak 30 peratus, pemasaran dan jualan 30 peratus produk bumiputera atas rak dan lantikan pengarah bumiputera masih dikekalkan seperti mana dasar sedia ada. Bagi sektor minyak dan gas pula, syarikat milikan kerajaan seperti Petronas masih boleh mengekalkan *domestic preferential*, dengan izin, bagi sekurang-kurangnya 40 peratus daripada jumlah perolehan tahunan kepada pembekal pilihan seperti bumiputera, PKS, syarikat dari Sabah dan Sarawak bagi sektor hiliran.

Manakala bagi sektor hulu, 70 peratus perolehan tahunan untuk membekal pilihan dikurangkan secara berperingkat kepada 40 peratus dalam tempoh lima tahun. Mengenai beberapa tuduhan yang mengatakan TPPA akan memerangkap Malaysia kepada konglomerat antarabangsa, ingin dijelaskan di sini bahawa tujuan mekanisme penyelesaian pertikaian pelabur negara ataupun *investors state dispute settlement* (ISDS) dirundingkan di bawah TPPA juga telah mengambil kira beberapa penambahbaikan seperti berikut:

- (i) mewajibkan proses konsultasi dan rundingan sebelum dibincangkan di tribunal;
- (ii) definisi peruntukan dalam TPPA ditentukan oleh negara ahli TPP;
- (iii) tidak ada tuntutan boleh difailkan sekiranya telah melepasi tempoh 3 tahun 6 bulan dan proses perbicaraan dilakukan secara terbuka; dan
- (iv) syarikat juga tidak boleh menggunakan mekanisme ISDS untuk menyaman kerajaan atas dasar berkaitan kesihatan awam, keselamatan dan alam sekitar.

Mengenai PKS tempatan, ingin dinyatakan di sini bahawa pasaran Malaysia pada masa kini iaitu sebelum TPP telah pun terbuka luas. Ini dapat dilihat melalui enam FTA yang telah dilaksanakan di peringkat ASEAN dan tujuh FTS secara dua hala. Rakan FTA Malaysia yang sedia ada seperti sembilan buah negara ASEAN, dan China, Jepun, Korea, India, Australia dan New Zealand telah pun memasuki pasaran Malaysia dengan lebih daripada 90 peratus jenis produk mereka telah diberi duti import sifar.

Sehubungan itu, PKS tempatan telah pun bersaing secara kompetitif sejak pembukaan pasaran di bawah pelbagai FTA sedia ada. Namun begitu, program dan strategik bina upaya yang disediakan oleh kerajaan dan agensi yang berkaitan sentiasa perlu dipertingkatkan untuk membantu PKS tempatan sama ada melalui *business matching*, bantuan kewangan dan khidmat teknikal bagi meningkatkan keupayaan mereka bersaing dengan syarikat asing yang berpotensi di Malaysia.

Mengenai pendekatan kerajaan dalam meyakinkan rakyat, beberapa siri *outreach*, dengan izin, telah diadakan bagi memberi penjelasan berhubung TPPA. Di samping sesi *outreach*, MITI telah memaklumkan umum berhubung teks TPPA serta beberapa siri FAQ, dengan izin, yang boleh dirujuk di laman sesawang kementerian. Di samping itu, dua kajian kos manfaat juga telah diumumkan untuk rujukan umum di laman web kementerian. Kementerian juga telah mewujudkan talian khusus bagi orang awam untuk mendapat penjelasan mengenai TPPA.

■1750

Semasa sesi penerangan TPPA, perkara yang dititikberatkan adalah faedah yang akan diperoleh oleh rakyat akibat pembukaan pasaran FTA baru, peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, pilihan barangan pengguna yang lebih banyak serta pengurangan kos barangan apabila duti import yang telah dimansuhkan di bawah TPPA.

Berhubung kesediaan menghadapi TPPA, ingin dijelaskan di sini bahawa TPPA perlu diratifikasikan selepas ditandatangani. Proses dijangka akan mengambil masa selama dua tahun sebelum ia boleh dikuatkuasakan. Dalam tempoh tersebut, kerajaan akan membuat persediaan untuk memastikan negara mematuhi komitmen di bawah TPPA termasuk pindaan undang-undang yang berkaitan sebelum meratifikasikan TPPA.

Ingin juga dimaklumkan bahawa semasa rundingan TPPA, Malaysia telah berjaya mendapat pengecualian serta fleksibiliti daripada segi tempoh masa pelaksanaan *threshold*, dengan izin, terutama agar kerajaan dapat terus melaksanakan dasar-dasar berkaitan bumiputera termasuk peranan *state-owned enterprise* (SOE) dalam pembangunan negara serta agenda bumiputera.

Pada masa yang sama, kerajaan juga akan meneruskan bantuan kewangan, latihan dan program bina upaya agar syarikat tempatan termasuk syarikat PKS dapat terus berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren A/L Raman membangkitkan beberapa isu berkaitan PKS. Banyak cadangan perniagaan yang di...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat beri laluan kepada Yang Berhormat Tan Sri?

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa kerana berjaya mempengaruhi Amerika Syarikat khususnya dalam isu TPPA ini. Soalan saya, tadi Yang Berhormat kata ada tempoh transisi termasuk *threshold*. Adakah ia bermakna dasar bumiputera akan berterusan sampai bila-bila ataupun TPPA hanya bagi tiga tahun, lima tahun, selepas itu dasar itu hapus? Misal kata kuota 30 peratus, tender dan sebagainya. Apakah maksud ada tempoh transisi?

Dato' Lee Chee Leong: [*Menyemak dokumen*] Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya tengah cari maklumat. Tempoh transisi maksudnya ikut *threshold* yang terakhir. Jadi transisi dia ada tempoh. *Threshold*, dia ikut- ada amaunnya. Akan tetapi...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, tempoh...

Dato' Lee Chee Leong: Memang semua maklumat telah dibekalkan kepada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat dan ia akan dibincang atau dibawa ke Parlimen untuk dibicarakan.

Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat. Ada pegawai-pegawaikah di belakang sana boleh bantu?

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren membangkitkan beberapa isu berkaitan PKS. Banyak cadangan perniagaan yang dipohon oleh belia India ke SME Bank telah ditolak kerana syarat-syarat yang terlalu ketat dan memohon kerajaan untuk mengkaji isu ini dan mencadangkan kementerian dan agensi terlibat supaya memantau data penglibatan PKS dalam memastikan keberkesanan program pembangunan PKS yang dianjurkan.

Sebagai sebuah institusi kewangan yang dipantau oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, SME Bank mengamalkan proses perbankan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh BNM. Pihak bank sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dalam pemprosesan permohonan pembiayaan dan mempercepatkan penyampaian produk dan perkhidmatan kepada pelanggan.

Berbagai-bagai inisiatif penambahbaikan telah dilaksanakan. Antaranya termasuklah meningkatkan kualiti borang permohonan dan memperkenalkan akses permohonan melalui talian. Sebagai memenuhi permintaan usahawan, Piagam Pelanggan SME Bank, semua permohonan pembiayaan akan diproses segera dan keputusan ke atasnya akan diberi tempoh 30 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap. Semua permohonan pengeluaran wang pembiayaan yang lengkap serta memenuhi syarat pengeluaran akan diproses segera dalam empat hari bekerja. Pihak bank menyediakan senarai semak dokumen yang diperlukan sebagai bantuan kepada pelanggan dalam mengemukakan permohonan.

Selain daripada itu, proses penilaian dan kelulusan telah dipertingkatkan dengan menyusun semula struktur kuasa melulus bertujuan untuk mempercepatkan proses membuat keputusan.

SME Bank juga telah mengembangkan jaringan perbankannya dengan menubuhkan pusat *enterprise, business center* dan pejabat di setiap *Urban Transformation Center (UTC)* yang lebih inovatif bagi membolehkan lebih ramai usahawan PKS dapat dibantu. Ini juga dilihat dapat mempertingkatkan keberkesanan pencapaian ke daerah kecil dan membantu memudahkan pemantauan dan berhubung dengan pelanggan.

Dalam melaksanakan program-program di atas, bank mengenal pasti beberapa halangan dalam membantu golongan bidang keusahawanan. Antaranya masalah rekod CCRIS, CTOS di mana perlu diselesaikan oleh para usahawan yang terlibat, kekurangan modal kerja untuk perkembangan perniagaan dan kekurangan pendedahan dengan industri yang diceburi.

Oleh yang demikian, bagi mempercepatkan proses penilaian dan kelulusan permohonan pembiayaan, syarikat-syarikat yang memohon disarankan supaya dapat memastikan segala syarat permohonan dipatuhi.

Dalam memantau pembangunan ekonomi usahawan PKS, kerajaan telah menubuhkan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan atau *National SME Development Council* (NSDC), dengan izin, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana ia merupakan sebuah jabatan penggubal dasar tertinggi yang berperanan untuk merangka strategi pembangunan PKS merentasi semua sektor ekonomi. Sebanyak 15 buah kementerian dan 60 buah agensi terlibat dalam pembangunan PKS tempatan.

Sejak penubuhannya, NSDC telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya, mempertingkatkan akses kepada pembiayaan dan pemasaran, penstrukturan kewangan serta pewujudan pangkalan data PKS yang komprehensif bagi memantau kemajuan PKS dalam semua sektor ekonomi. NSDC juga menggalakkan kerjasama dengan sektor swasta bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan PKS secara menyeluruh.

■1800

Sebagai agensi penyelaras pusat bagi keseluruhan pembangunan program PKS, SME Corp. Malaysia juga dipertanggungjawabkan untuk menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan kemajuan dan pencapaian program-program pembangunan PKS. Bagi tujuan ini, SME Corp. Malaysia telah menerbitkan pelan tindakan bersepadu PKS pada setiap tahun bagi memberikan gambaran keseluruhan mengenai keberkesanan semua program pembangunan PKS yang dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman membangkitkan soalan sama ada kita telah berjaya mencapai sasaran dalam membantu meningkatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi melalui pelbagai program dan inisiatif di bawah agenda pembangunan bumiputera yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan adalah komited dalam membantu usahawan bumiputera meningkatkan status ekonomi dalam usaha memperbaiki taraf hidup mereka. Ini dibuktikan melalui pelbagai bentuk bantuan termasuk khidmat nasihat, insentif cukai, bantuan kewangan dan pembangunan kapasiti dan daya upaya termasuk latihan yang disediakan oleh berbagai-bagai kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan.

Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera (HTTEB) pada 22 November 2011. Di bawah HTTEB, lima buah teras pemerikasaan ekonomi Bumiputera telah digariskan iaitu mendaya modal insan, memantapkan pemilikan ekuiti korporat, memperkukuh pemilikan aset bukan kewangan, memperhebat keusahawanan dan perniagaan dan memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan.

Bagi tahun 2015, kerajaan terus menyokong pembangunan usahawan Bumiputera melalui penyediaan 63 program pembangunan dan bantuan kewangan dengan peruntukan kewangan sebanyak RM3.8 bilion. Peruntukan ini merangkumi 33.8 peratus daripada RM11.3 bilion keseluruhan peruntukan pada tahun 2015 dan dijangka memberi manfaat kepada PKS Bumiputera melalui 428,952 projek.

MITI melalui SME Corp. Malaysia juga melaksanakan beberapa program khusus bagi membantu meningkatkan keupayaan syarikat bumiputera. Antaranya, Program Peningkatan Enterprise Bumiputera (BEEP) yang bertujuan untuk membangunkan keupayaan dan kapasiti PKS bumiputera bagi melahirkan PKS bumiputera yang dinamik, berdaya saing, mampan serta berproduktiviti tinggi.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri dan agensi pembangunan yang berkaitan. Sejak dilaksanakan pada tahun 2006 sehingga kini, sebanyak 775 buah syarikat telah dibantu dengan nilai kelulusan geran berjumlah RM79.6 juta dan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dilaksanakan dengan penglibatan pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi memupuk semangat keusahawanan di kalangan belia bumiputera.

Sejak dilaksanakan pada tahun 2014, TUBE telah disertai oleh 943 orang belia bumiputera dan mewujudkan 443 buah syarikat baru serta mencatatkan 623 peluang pekerjaan. Bagi meningkatkan bilangan pengeksport bumiputera, MATRADE telah melaksanakan satu program khusus iaitu Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera.

Program bimbingan selama tiga tahun ini bertujuan untuk membangunkan syarikat milikan bumiputera agar lebih berdaya saing, berkeyakinan, profesional serta berupaya untuk mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka ke pasaran antarabangsa. Sehingga kini sebanyak 155 buah syarikat milikan bumiputera telah mendapat manfaat daripada program ini.

Bagi tahun 2016, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama MARA dan MATRADE akan melaksanakan program galakan eksport bumiputera. Program ini bertujuan untuk menggalakkan aktiviti eksport di kalangan PKS bumiputera melalui pakej pembangunan bersepadu sebagai salah satu inisiatif dalam memperkasakan ekonomi bumiputera.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin ingin mendapat penjelasan mengenai langkah-langkah kerajaan dalam memajukan industri halal negara termasuk produk halal berimpak tinggi dan usaha-usaha untuk meneroka pasaran domestik dan antarabangsa dan jumlah PKS yang terlibat dengan industri halal dan produk yang dihasilkan serta nilai eksport bagi tahun 2010 hingga terkini.

Kerajaan melalui *Halal Industry Development Corporation* (HDC) telah memperkenalkan Program Transformasi Perniagaan Halal (HBT) bermula pada tahun 2011. Program ini bertujuan meningkatkan daya saing dan jualan syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk dan perkhidmatan halal. Antara aktiviti yang dikendalikan oleh HDC termasuklah aktiviti khidmat nasihat teknikal berkenaan pematuhan pensijilan antarabangsa, pematangan perniagaan dengan syarikat-syarikat multinasional dan perkhidmatan fasilitasi bagi mendapatkan bantuan kewangan dari institusi-institusi kewangan.

Bermula dengan penyertaan dari hanya 149 buah syarikat pada tahun 2011, kini bilangan peserta HBT telah bertambah kepada 1,680 buah syarikat di mana 70.5 peratus atau 1,268 penyertaan syarikat bumiputera. Program ini telah berjaya membantu syarikat-syarikat yang menyertainya menjana jualan dengan jumlah melebihi RM1.5 bilion atau secara purata RM500 juta jualan setahun.

Dalam usaha untuk meningkatkan standard industri produk dan perkhidmatan halal, HDC telah bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk terus melaksanakan program mudah cara pensijilan halal dengan matlamat meningkatkan lagi bilangan PKS bumiputera dalam memperoleh pensijilan halal menerusi tiga peringkat iaitu program kesedaran halal, proses saringan dan fasilitasi *application* pensijilan halal. Selain itu, HDC juga bekerjasama dengan SME Corp. dan syarikat multinasional untuk menjalankan program mentor bersama multinasional di mana PKS dapat berkongsi pengetahuan dalam meningkatkan lagi pemahaman terutamanya mengenai syarat keperluan untuk menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat multinasional dan juga perkara-perkara berkaitan halal dan perkongsian amalan terbaik.

Melalui jalinan kerjasama dengan SIRIM QAS pula, HDC telah memperkenalkan *Program Pre-Assessment Good Manufacturing Practice* (GMP), dengan izin, yang bertujuan membantu PKS bumiputera untuk mendapatkan pensijilan GMP. Dalam meningkatkan lagi keupayaan teknologi dan inovasi produk dan perkhidmatan di kalangan PKS bumiputera, HDC telah melaksanakan inisiatif penambahbaikan penjenamaan dan pembungkusan dengan kerjasama *Design Development Centre* di bawah program, "*Make Your Mark*", dengan izin.

Inisiatif ini diperkukuhkan lagi dengan perjalanan taktikal kempen melalui program-program televisyen terutamanya dalam *Buletin Utama*, slot *Bicara* dan *write up* dalam akhbar-akhbar tempatan, penerbitan buku kisah-kisah kejayaan syarikat PKS halal selain penyertaan PKS dalam program-program pengukuhan penjenamaan seperti *Halal Outreach Program* dan sesi-sesi pemakanan perniagaan yang dijalankan oleh HDC sepanjang tahun.

■1810

HDC bekerjasama dengan agensi-agensi pelaksana pembangunan usahawan bagi melibatkan lebih ramai peserta usahawan tempatan dalam industri halal. Melalui kerjasama ini beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya ialah HDC memainkan peranan sebagai fasilitator membantu mewujudkan akses di pasaran global menerusi kerjasama dengan pasar raya besar seperti *Tesco*, *Aeon Big*, *Giant* dan lain-lain.

Pada tahun 2014 daripada 353 buah syarikat produk halal yang menyertai sesi pemakanan perniagaan, 216 buah syarikat dikenal pasti berpotensi untuk menjadi pembekal produk halal kepada *hypermarket* dan peruncit-peruncit besar.

Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2015 daripada 59 buah syarikat produk halal kesemuanya telah dikenal pasti berpotensi dan HDC mengatakan bengkel-bengkel amatlah baik dalam perniagaan seperti GMP, HACCP dan HALAL bagi usahawan bumiputera sebagai persediaan menembusi pasaran global.

Pada tahun 2010, nilai eksport produk halal bernilai RM15.2 bilion manakala pada tahun 2011 eksport produk halal meningkat kepada RM24 bilion. Jumlah eksport halal keseluruhan untuk 2012 berjumlah RM30 bilion dan pada tahun 2013, negara telah mengeksport barangan halal bernilai RM32.8 bilion. Jumlah eksport halal keseluruhan untuk tahun 2014 berjumlah RM37 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2015, negara telah mengeksport barangan halal bernilai RM19.5 bilion.

Keluaran halal yang dieksport mengikut keutamaan makanan dan minuman berjumlah RM9.7 bilion, bahan ramuan berjumlah RM5.5 bilion, produk berasaskan minyak sawit berjumlah RM2.2 bilion, kosmetik penjagaan diri berjumlah RM1.2 bilion. Sehingga Jun 2015 sebanyak 5,358 buah syarikat telah diluluskan sijil halal Malaysia. Daripada jumlah tersebut 6,962 atau 92.6 peratus buah syarikat PKS dan selebihnya syarikat multinasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tanpa membuang masa saya persilakan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Silakan Yang Berhormat.

6.14 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada empat orang Ahli-ahli Senator yang membangkitkan isu berkaitan dengan bekalan elektrik dan air. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul ingin tahu tentang penghasilan dan projek bekalan elektrik di Sabah dan di Sarawak untuk kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul, ini kawan lama saya sudah kenal begitu lama. Penghasilan elektrik di Sabah ialah 1,323 megawatt sampai sekaranglah. Daripada jumlah itu, 66.8 peratus penghasilan daripada penggunaan gas ataupun *liquefied natural gas* (LNG).

Daripada penggunaan diesel pula, 17.0 peratus penghasilan ataupun penjanaan bekalan elektrik. Daripada campuran gas dan diesel ada campuran juga di Sabah penghasilan ataupun penjanaan elektrik ialah 6.9 peratus. Daripada hidro, penjanaan daripada hidro ataupun empangan hidro ialah 5.9 peratus. Daripada biomas, biomas bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan dan di Sabah, *empty fruit bunch* (EFB) daripada *palm oil* digunakan dan penjanaan daripada biomas ialah 3.2 peratus. Penjanaan daripada bahan-bahan yang lain ini adalah biogas. Biogas 0.2 peratus. Ini saya sendiri rasakan belum mencukupi sebab biogas yang diguna pakai untuk menjana *electricity* adalah *sludge* dari kilang kelapa sawit. Berapa banyaknya kilang kelapa sawit di Sabah dan berapa banyaknya *sludge* yang sedia ada seharusnya diguna pakai. Saya adalah satu daripada ahli penyelidik menggunakan biogas dahulu untuk penjanaan elektrik.

Seterusnya, peruntukan untuk projek-projek elektrik di Sabah. Untuk tahun 2016 iaitu tahun depan peruntukan yang akan diberikan ialah RM515.8 juta untuk projek-projek elektrik di Sabah. Namun selama ini, dari tahun 2001 hingga tahun 2016 kelak, RM3.98 bilion peruntukan telah pun dibelanjakan. Untuk tahun 2016, 44 projek akan dilaksanakan dan daripada 44 projek ini, 18 projek projek yang baru dan 26 projek projek sambungan. Oleh itu, bekalan elektrik di Sabah akan terus dimajukan.

Bekalan elektrik di Sarawak pula. Ini yang ditanya juga bekalan elektrik di Sarawak. Di Sarawak, penjanaan elektrik setakat ini ialah 2,240 megawatt keseluruhannya. 2,240 megawatt itu dijanakan daripada Empangan Hidroelektrik Murum.

■1820

Empangan Hidro Murum menjanakan 944 megawatt. Akan tetapi dalam perancangan dahulu, ia 997 megawatt. Saya Pengerusi Alam Sekitar dalam projek itu dahulu sebelum dilantik sebagai Timbalan Menteri.

Kedua, daripada Empangan Batang Ai. Empangan Batang Ai 108 megawatt. Selain daripada itu daripada penjanaan menggunakan arang batu. Ada dua buah loji untuk arang batu dan *production* keseluruhannya ialah 480 megawatt. Itu adalah dari Sarawak. Saya harap bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak akan ataupun sudah mensejahterakan rakyat di dua buah negeri itu.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Beliau bertanya berkaitan dengan pengurangan caj untuk pengangkutan awam dan juga pengurangan tarif keseluruhannya. Untuk pengangkutan awam, ia pada 1 Januari 2014 berdasarkan kepada *incentive based regulation*. Berdasarkan kepada *regulation* tersebut, pengurangan untuk pengangkutan awam ataupun rebat ialah dua hingga 7.7 peratus untuk *public transport*.

Selain daripada itu, pengurangan ataupun rebat 1.52 sen pun dilaksanakan untuk *public transport* yang menggunakan bekalan elektrik dari bulan Januari tahun ini hingga bulan Jun 2016. Oleh itu, kekurangan caj itu memang akan diteruskan. Tarif elektrik dikurangkan lagi setakat ini kerajaan belum lagi mempertimbangkan pengurangan tarif. Oleh itu, tarif ini masih lagi pada kadar 38.53 sen satu kilowatt jam.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif mencadangkan agar GST seharusnya tidak diambil untuk penggunaan elektrik 500 kilowatt/jam. Lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar. Setakat ini, kerajaan belum lagi mengirakan atau mengambil tindakan tentang 500 kilowatt/jam itu penggunaan elektrik sebab yang 300 kilowatt/jam itu memang sudah sedia ada dan sudah dilaksanakan. GST tidak dikenakan kepada pengguna elektrik yang 300 kilowatt/jam itu.

Dalam perkara itu, sekarang sudah pun terdapat 4.56 juta orang pengguna yang menggunakan elektrik 300 kilowatt jam. Mereka yang tidak dikenakan GST ini. Walaupun demikian sekiranya pada bulan, tidak tahu bulan bilakah, jika penggunaan bekalan elektrik melebihi 300 kilowatt/jam ini, ataupun 500, kah atau 600, kah? Ini bermakna bahawa lebih itu, kalau 500, 200 itu mesti bayar GST, yang 300 itu tidak. Jadi itu memang diamalkan sekarang.

Jadi yang lainnya ialah berkaitan dengan rebat RM20. Yang rebat RM20 ini sememangnya siapa yang menggunakan elektrik di mana yang perlu dibayar RM20 ini tidak dibayar, termasuk saya sendiri rumah kampung saya. Oleh sebab saya jarang-jarang balik untuk menginap di rumah kampung saya, kurang daripada RM20 saya tidak perlu bayar. Itu adalah satu kebbaikannya oleh kerajaan.

Namun, walaupun demikian kerajaan kerugian RM123.9 juta daripada rebat ini. Buat masa ini, setakat ini terdapat 1.1 juta orang pengguna yang mendapat rebat RM20 ini. Perkara yang berkaitan dengan air. Ini saya menganggap satu perkara yang penting sebab kita semua menggunakan air. Dalam badan kita juga mengandungi 75 peratus- air.

Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee....

Timbalan Yang di-Pertua: Malangnya Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan ini tidak ada di dalam Dewan sekarang. Akan tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri buatlah jawapan secara bertulis.

Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit: Dia tidak ada di dalam Dewan ini? Okey, kalau dia tidak ada di dalam Dewan ini, saya akan buat jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Itulah soalan ini penting, tetapi nampaknya Yang Berhormat ini tidak ada di dalam Dewan. Tidak mengapa, buat secara bertulis.

Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit: Saya memang anggap soalan ini penting. Jika saya jawab, panjang jawabannya Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ia demikian, ini adalah satu daripada *specialty* saya, saya banyak buat *research* dalam air ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak mengapa Yang Berhormat. Buat secara bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit: Ya, saya akan beri dia jawapan secara bertulis dan sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada yang ada di dalam Dewan ini, tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh perkara berkaitan dengan bekalan elektrik. Bekalan air saya akan memberi jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, kita beralih ke Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

6.29 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan isu-isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan ke atas Belanjawan 2016 di Dewan yang mulia ini.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, isu penurunan harga komoditi khususnya harga getah dan sawit serta langkah-langkah kerajaan untuk menangani isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Yang tidak ada mungkin saya juga akan mengambil tindakan menjawab secara bertulis. Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin pula bertanyakan tentang langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah dan sawit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat komoditi getah dan sawit berorientasikan eksport dan bergantung pada faktor permintaan dan penawaran di peringkat antarabangsa. Kelembapan harga yang dialami oleh kedua-dua komoditi buat masa ini adalah disebabkan antaranya faktor-faktor berikut:

- (i) pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat;
- (ii) peningkatan stok ekoran pengeluaran melebihi permintaan dalam kes getah asli;
- (iii) peningkatan pengeluaran minyak sayuran lain yang bersaing dengan minyak sawit; dan
- (iv) kejatuhan harga minyak petroleum mentah dunia yang turut menjejaskan permintaan bio bahan api yang berasaskan sawit.

Penurunan harga minyak juga telah menyebabkan harga minyak sintetik ataupun tiruan menjadi lebih kompetitif berbanding getah asli. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap isu ini memandangkan ia mempunyai kesan terhadap ekonomi negara dan pengusaha tanaman sawit dan getah. Dalam kes sawit, hampir 40 peratus daripada tanamannya adalah diusahakan oleh para pekebun kecil dan dalam kes getah pula 95 peratus adalah daripada kumpulan pekebun kecil.

Justeru, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah di peringkat domestik dan antarabangsa untuk menstabilkan harga sawit dan getah di samping memberi pelbagai bantuan dan insentif kepada para pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti serta membantu mereka ke arah pendapatan sebanyak RM4,000 sebulan menjelang tahun 2020.

Bagi sektor sawit Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah domestik yang telah diambil untuk menstabilkan harga termasuk, yang pertama, melaksanakan program biodiesel B7, adunan 7 peratus biodiesel sawit dan 93 peratus diesel petroleum mulai bulan November 2014 di seluruh negara. Langkah ini akan dapat meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara sebanyak 575,000 tan setahun.

Kedua, menyediakan dana sebanyak RM100 juta untuk Skim Insentif Tanam Semula 2015 ataupun dengan izin SITS 2015. Insentif ini menyasarkan penebangan kawasan tanaman sawit seluas 83,000 hektar dan ia akan dapat mengurangkan penawaran minyak sawit mentah sebanyak 250,000 tan setahun. Ketiga, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D untuk menghasilkan produk-produk baru sawit untuk dikomersialkan oleh pihak industri sawit seperti farmaseutikal dan juga *naturalceuticals*.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian akan terus berusaha untuk memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada serta menembusi pasaran-pasaran baru melalui misi, promosi dan teknikal ke luar negara. Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa Malaysia dan Indonesia secara kolektifnya menyumbang sebanyak 85 peratus pengeluaran minyak sawit dunia telah memeterai piagam penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries*, dengan izin, CPOPC pada 21 November 2015 yang bertujuan untuk memperkukuh dan meningkatkan kerjasama di dalam pelbagai bidang bagi mempromosi faedah dan kebaikan minyak sawit serta produk hilirannya dengan menjamin pembangunan industri sawit secara mapan. Keahlian CPOPC ini akan dibuka kepada negara-negara pengeluar sawit yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pekebun kecil sawit meningkatkan produktiviti tanaman sawit dan pendapatan MPOB ataupun Lembaga Minyak Sawit Malaysia melaksanakan beberapa strategi termasuk bantuan bagi tanaman baru dan tanaman semula sawit, galakan dan tunjuk ajar amalan pertanian baik, integrasi sawit dengan tanaman lain dan ternakan dan urus niaga buah tangan segar ataupun BTS melalui koperasi serta menggalakkan penggunaan teknologi, jentera dan automasi.

Matlamat kita adalah supaya pekebun kecil dapat menghasilkan 22 tan buah tandan segar BTS menjelang tahun 2020. Di bawah program bantuan Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), bantuan sebanyak RM7,500 sehektar di Semenanjung dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak disediakan kepada pekebun kecil yang layak. Bantuan ini dihadkan kepada lima hektar seorang dan merangkumi kos penyediaan tapak, serta pembekalan anak benih sawit yang berkualiti, baja dan bahan kimia.

Selain daripada itu, pihak MPOB juga melaksanakan skim bantuan baja sawit pekebun kecil dan bantuan penyelenggaraan kebun. Pekebun kecil sawit juga digalakkan menjalankan aktiviti ternakan atau integrasi tanaman dengan tanaman kontan, seperti pisang, nanas, seko, jagung dan lain-lain terutama pada peringkat awal penanaman di mana sawit masih belum mampu mengeluarkan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, saya pecahkan semula kepada sektor getah. Bagi sektor getah langkah-langkah domestik yang telah diambil untuk menstabilkan harga termasuklah merangka program menyusun semula pengeluaran getah termasuk menggalakkan pengeluaran lateks tempatan dan menyediakan standard berkenaan import bahan mentah bagi menjamin kualiti SMR yang dihasilkan. Seterusnya, meningkatkan aktiviti-aktiviti R&D, dengan izin, untuk mempelbagaikan kegunaan getah dalam negara melalui penghasilan produk-produk serta kegunaan-kegunaan baru getah seperti contoh, penggunaan adunan getah dengan bitumen dalam pembinaan jalan raya.

Selain daripada langkah-langkah tersebut Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan terus berusaha dan memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada dan menembusi pasaran-pasaran baru sama juga seperti langkah untuk sawit sebentar tadi. Di peringkat antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* ataupun, dengan izin, ITRC bagi mencari pendekatan untuk menstabilkan harga getah asli pada jangka masa panjang, termasuklah memperkukuhkan mekanisme *Supply Management Scheme* (SMS) dan juga *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) di kalangan negara-negara ITRC yang pernah beberapa kali dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya sebut tiga orang tadi pun mungkin- Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah ada, okey.

Bagi membantu pekebun kecil getah, kerajaan telah merangka jaringan keselamatan sosial ataupun, dengan izin, *social safety net* yang melibatkan pelaksanaan dua program berikut iaitu skim bantuan khas RM500 seorang secara *one-off* untuk pekebun kecil sebagai langkah segera dan skim ini telah dilaksanakan dua kali iaitu pada tahun 2013 dan tahun 2014. Seterusnya ialah dengan melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai Januari 2015 dan dalam Bajet 2016, kerajaan telah menaikkan Paras Harga Pengaktifan (PHP IPG) daripada RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram atau apabila purata bulanan harga *cup lump* mencecah RM2.20 sekilogram berbanding sekarang RM2 sekilogram bermula Januari 2016.

Di samping itu juga bagi membolehkan pekebun kecil memperoleh harga yang relatif dan pendapatan yang lebih baik, pihak kerajaan melaksanakan mekanisme penetapan harga di peringkat ladang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6.4 juta yang bertujuan untuk mengurangkan lapisan pembeli dalam rantai pemasaran getah. Dalam hal ini sehingga bulan September 2015, sebanyak 18 buah koperasi telah terlibat dalam urusan jual beli getah menggunakan atau memanfaatkan sebahagian daripada peruntukan yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah tersebut di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), dengan izin, pihak kerajaan juga melaksanakan Program Tanam Baru Getah dan Tanam Semula Getah di mana insentif sebanyak RM9,230 sehektar disediakan untuk pekebun kecil getah di Semenanjung Malaysia dan RM14,000 sehektar untuk Sabah dan RM13,500 sehektar untuk Sarawak. Bantuan ini diberi secara berperingkat dalam tempoh empat tahun setengah dan bantuan ini adalah dalam input pertanian termasuklah benih, baja, racun rumpai dan lain-lain yang telah dimaktubkan.

Dalam tempoh tahun 2012 sehingga Oktober 2015, sejumlah RM182.4 juta telah dibelanjakan bagi tujuan program-program ini. Program tersebut juga melibatkan penggunaan klon getah yang berhasil tinggi dan amalan pertanian yang baik dan lebih berkesan dan sistematik. Matlamatnya supaya produktiviti getah dapat dipertingkatkan daripada 1,450 kilogram sehektar setahun kepada 1,800 kilogram sehektar setahun menjelang tahun 2020.

■1840

Di samping itu, pekebun kecil getah juga digalakkan menjalankan integrasi tanaman termasuklah tanaman kontan secara fertigasi seperti *rock melon*, *tomato cherry* dan juga aktiviti-aktiviti ternakan. Tuan Yang di-Pertua kerajaan yakin langkah-langkah yang telah saya jelaskan tadi akan dapat membantu ke arah menstabilkan harga sawit dan getah dalam jangka masa panjang. Di samping itu pelaksanaan pelbagai program tersebut juga akan membantu pekebun kecil menangani impak penurunan harga kedua-dua komoditi tersebut ke atas sara hidup mereka di samping meningkatkan pendapatan mereka.

Oleh yang demikian pihak kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Lembaga Stok Penimbal seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali bagi menangani isu tersebut dan sejarah juga telah membuktikan bahawa mekanisme stok penimbal tersebut untuk menstabilkan harga komoditi menemui kegagalan. Malah mekanisme seperti itu melibatkan implikasi kewangan yang sangat besar dan buat masa ini adalah di luar daripada kemampuan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua mengenai satu lagi pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia berada dalam Dewan.

Dato' Noriah binti Kasnon: Ya, ada. Tentang langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil koko. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) melaksanakan program pembangunan rantai kluster koko di bawah RMKe-11;
- (ii) menyediakan insentif pokok pelindung seperti pisang, buah-buahan di dalam program pembangunan tanaman baru koko sebagai satu kaedah tanaman integrasi koko bersama pokok ekonomi lain;

- (iii) memperkenalkan program Khidmat Sokongan Perkhidmatan Domestik (KSPD);
- (iv) mengadakan Program Pembangunan Usahawan Nurseri Anak Benih Koko kepada petani koko yang berpotensi di kawasan pendalaman; dan
- (v) turut mengadakan program-program peningkatan produktiviti (PPP).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat saya kira itu sahaja antara isu, saranan, cadangan yang telah dibangkitkan oleh empat orang Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dan telah saya berikan jawapan. Jika ada sedikit sebanyak yang tertinggal boleh jumpa saya dan kita akan bagi jawapan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya dipersilakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Silakan Yang Berhormat.

6.43 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat terutama yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan perkara yang berkaitan dengan kementerian ini.

Saya ingin merakamkan terima kasih khususnya kepada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin- orang kampung; Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin; dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

Dengan izin, saya menjawab bagi mana-mana Senator yang berada dalam Dewan ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin simpulkan perbahasan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat hanya kepada empat perkara sahaja. Pertama, secara khusus mengenai padi dan beras dan secara khususnya berkaitan dengan isu penghapusan subsidi beras ST15. Kedua, berkaitan dengan penternakan dan yang ketiga berkaitan dengan pengeluaran makanan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya. Isu yang berkaitan dengan padi dan beras. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali misalnya yang menekankan tentang soal yang berkaitan dengan pencapaian SSL kepada negara kita. Perlu saya maklumkan bahawa sehingga sekarang kita mencapai tahap SSL ataupun *self-sufficiency level* kita sekitar 71.6 peratus.

Betul, ia masih berkurangan dan sudah tentu daripada ucapan yang diberikan bilakah kita akan sampai tahap kita mempunyai tahap sara diri sehingga 100 peratus. Adakah kita boleh sampai pada tahap 100 peratus pada tahun 2020? Memang kalau secara optimisnya *inshaaAllah* kita mengharapkan ia akan sampai ke tahap tersebut sekiranya kita dapat meningkatkan dalam masa dua tiga tahun ini 10 peratus. Akan tetapi perlu dilihat dalam konteks keseluruhannya.

Beberapa isu yang perlu kita berikan pada waktu kita menekankan isu perlunya meningkatkan tahap sara diri kita kepada 100 peratus kerana dalam tahun 2007 dan 2008, pada waktu berlakunya krisis makanan dunia, terdapat semacam soal panik di kalangan masyarakat kita dan masyarakat dunia tentang ke tahap kebergantungan kita dan isu yang berkaitan dengan *food security* ataupun jaminan makanan. Apakah kita mencukupi atau tidak?

Sebab itu antara langkah-langkah kerajaan yang dibuat pada waktu tersebut ialah membuka jelapang-jelapang padi baru. Ini termasuk di Sabah, Sarawak, Rompin, Pekan dan termasuk di Setiu. Ini antara perkara yang telah dikembangkan untuk memastikan tahap pengeluaran beras kita mencukupi. Akan tetapi sekarang kita melihat juga aspek lain yang perlu ditekankan berdasarkan kepada jelapang padi yang sudah sedia ada sama ada di bawah MADA di Kedah, bawah KADA di Kelantan ataupun IADA seperti yang ada di Barat Laut, Selangor, Perak dan sebagainya.

Kita merasakan tumpuan yang perlu diberikan sekarang ini ialah untuk meningkatkan *efficiency* di tempat-tempat yang berkenaan. Kalau sekarang ini kita mendapat lebih kurang 70 peratus daripada tahap sara diri kita. Salah satu daripada sebabnya ialah kerana kurangnya apa yang disebutkan *efficiency* ataupun kecekapan di tempat-tempat yang berkenaan. Masih terdapat isu yang berkaitan dengan *post harvest losses* ataupun kehilangan selepas penuaian daripada segi pengangkutan, pengilangan dan sebagainya sebanyak 28 peratus.

Ertinya kalau kita tingkatkan lagi keupayaan di tempat-tempat yang sedia ada, *inshaaAllah* kita dapat memenuhi tuntutan 100 peratus tadi. Sebab itu sekarang ini kita melihat dalam konteks dasar beras kita bukan sahaja dalam konteks keperluan kita tetapi perlu dilihat dalam konteks *the rice economy* ataupun ekonomi beras secara global. Sekarang ini kalau dikatakan kalau kita keluar 100 peratus beras yang kita ada ataupun lebih pada 100 peratus, apa akan kita buat, apakah kita akan eksport?

Jadi kalau kita eksport adakah orang suka dengan beras yang kita ada kerana beras yang kita ada merupakan *variety* yang tertentu yang dianggap sesuai dengan masyarakat dalam negara kita. Akan tetapi kita kena fikirkan kalau kita hendak eksport ke mana? Singapura dia tidak makan beras kita, dia makan beras Siam. Brunei pun dia lebih gemar beras dari Vietnam, Siam dan sebagainya. Sebab itu strategi yang perlu kita lihat di tempat-tempat jelapang padi baru yang perlu kita buka ialah bukan lagi untuk memenuhi tuntutan SSL yang dimaksudkan tadi dengan *variety* yang sama. Sebab itu kita berbincang dengan rakan-rakan di pihak kementerian sekarang ini untuk melihat tanah-tanah baru seperti di Sarawak, Sabah, Rompin dan sebagainya untuk melihat bagaimana untuk dibangunkan *variety* yang lain daripada *variety* yang sama yang boleh kita eksport kerana eksport penting.

Ia dapat membantu untuk meningkatkan nilai mata wang kita, mengurangkan kebergantungan kita pada import dan sebagainya. Ini kerana kalau kita cukup keluarkan dengan *variety* yang sama mesti ada lebih kurang mungkin 20 peratus, daripada rakyat kita tidak makan *variety* yang ada ini. Dia hendak makan beras Basmati, dia hendak makan beras wangi, dia hendak makan beras merah misalnya. Hendak makan *variety-variety* yang tertentu. Sebab itu strategi yang kita lihat sekarang bukan sekadar untuk membuka jelapang padi yang baru tetapi menanam beras yang sama. Ini kerana kita juga mesti melihat perkembangan baru.

■1850

Dahulu waktu tersebut tahun 2007, tahun 2008, orang tidak bercakap pergi ke kedai Arab, makanan Arab. Akan tetapi sekarang ini, kedai makanan Arab merata-rata. Kita terpaksa import beras Basmati. Dahulu kedai makanan Jepun tidak berapa banyak, sekarang ini semua orang sudah suka makanan Jepun, makanan-makanan Jepun. Ia merupakan *variety* yang berbeza. Japanika, kalau kita yang indika misalnya. Japanika ini, Jepun sendiri mempunyai strategi yang dia terpaksa import daripada Amerika dan sebagainya. Kemungkinan memikirkan kita juga menghasilkan beras-beras yang begini untuk orang makan dengan *chopstick* dan sebagainya.

Jadi, ini antara perkara yang perlu kita lihat untuk memenuhi SSL, 100 peratus mesti dilihat dalam konteks yang berbeza. Oleh sebab itu, saya kaitkan perkara ini dalam isu yang ada mempunyai sejarah yang sama iaitu ST15.

Sejarah diperkenalkan suatu kategori beras yang perlu diedarkan pada masyarakat kita ialah apa yang berlaku dalam tahun 2008. Tahun 2008 berlaku satu keadaan dikatakan dunia berhadapan dengan krisis makanan. Ini untuk mengingatkan kembali pemikiran kita di situ ialah selalunya disebutkan ada tiga sebab berlaku krisis makanan.

Pertamanya kerana mungkin berlakunya bencana ataupun kemarau. Berlakunya permintaan yang bertambah, orang sudah lebih berkemampuan untuk makan banyak. Akan tetapi yang paling besar dalam tahun 2008 adalah kerana krisis- bukan krisis tetapi peningkatan harga minyak yang terlalu tinggi pada waktu tersebut. Saya ingat tahun 2008 ada isu yang berkaitan dengan harga minyak yang terlalu tinggi, yang besar.

Jadi, harga beras dengan minyak ada kaitan. Orang tanya apa kena-mengena? Pertamanya, untuk menghasilkan beras memerlukan baja dan sebahagian daripada baja, baja NPK, natrium, potasium, fosfat dan sebagainya, sebahagian besar merupakan petroleum *based*, *oil based*, termasuk baja urea dan sebagainya. Harga minyak naik, harga baja akan naik, harga *transportation* dan sebagainya naik.

Keduanya, ada negara-negara yang memikirkan bahawa tanam jagung bukan sahaja untuk makanan tetapi tanam jagung untuk minyak, untuk *fuel*, bahan api pada waktu tersebut. Banyak berlaku keadaan orang mengatakan tanam jagung, jangan makan tetapi digunakan sebagai bahan api untuk menghasilkan etanol pada waktu tersebut. Ini memberi kesan kepada harga makanan dunia yang begitu besar sekali dan ada negara-negara menghentikan eksportnya.

Thailand hentikan eksport, Vietnam hentikan eksport, *Cambodia* dua bulan hentikan eksport. Berlaku *panic buying* pada waktu tersebut, di mana Philippines cepat-cepat beli banyak dan negara hentikan eksport menyebabkan harga beras pada waktu itu melambung dari sekitar USD330 per metrik tan, naik sampai ke tahap USD1,000 per metrik tan pada waktu tersebut. Ini berlaku dalam tahun 2008.

Oleh sebab itu harga beras melambung naik pada waktu itu dan kerajaan bimbang bagaimanakah untuk memastikan tiada rakyat dalam negara kita, kerana miskin dia lapar dan tidak boleh makan. Jadi, ada beberapa pendekatan yang diperkenalkan. Misalnya, memperkenalkan SUBUR iaitu Subsidi Beras Untuk Rakyat. Maka, diumumkan bagi orang yang miskin, sila daftar siapa yang hendak baucar untuk dapatkan beras percuma. Itu berlaku tahun 2008. Pada waktu tersebut, pada andaian yang mengikut senarai eKasih pada waktu itu sekitar 100,000 atau 200,000 orang.

Akan tetapi bila diminta daftar, naik sampai sejuta orang. Ini tidak boleh buat. Oleh sebab itu kerajaan memikirkan satu kaedah ialah untuk memberikan subsidi beras yang dikurangkan mutunya iaitu sekampit 10 kilogram, 15 peratus daripada beras tersebut ialah beras hancur. Jadi, ST15 beras hancur. Sebanyak 15 peratus dimasukkan dalam kampak yang besar itu. Kerajaan mensubsidikan sekitar RM7.50 supaya dapat dijual antara RM16.50, RM17 ataupun RM18 mengikut tempat yang hendak diedarkan pada waktu tersebut.

Jadi, ia sesuai pada waktu tersebut sewaktu harga beras tinggi dan waktu kurang. Sebanyak 60,000 tan disubsidikan setiap bulan. Ertinya boleh dihasilkan kalau sekampit 10 kilogram, sepatutnya dihasilkan sebanyak 6 juta buah kampak setiap bulan. Kerajaan membelanjakan lebih kurang RM43 juta setiap bulan. Sekarang sudah berbeza. Ramai orang tidak melihat, mencari ke kedai hendak cari beras ST15 lagi kerana ia menganggap itu beras rendah kualiti.

Ambo tanya Yang Berhormat Senator *Abe Lah*, saya kata, “*Di Kelantan macam mana? Orang Kelantan cari tidak beras ST15?*”. Dia kata, “*Orang Kelantan tidak makan beras ST15 ini, dia cari beras Siam. Dia kelas, dia tidak makan*”. Dia cakap begitu. Dia beritahu bahawa oleh sebab itu dalam kita masalah pada waktu melaksanakan, meneruskan program ini, masalah mendapatkan data yang sempurna, yang lengkap, siapa yang mencari beras ini dan di mana dicari. Ya, ada orang mencari. Akan tetapi data ini tidak lengkap. Sebenarnya banyak tempat, sepatutnya 6 juta dilambakkan dalam masyarakat, dalam pasaran tidak berlaku.

Oleh sebab itu pihak Kementerian Kewangan mengatakan bahawa perlu cari kaedah lain dan hentikan program ini. Kita melihat bahawa rakyat miskin dalam negara ini tidak lagi kita paksa makan beras yang dianggap rendah mutunya.

Ini kerana orang miskin di Siam makan beras Siam, orang miskin di Vietnam makan beras Vietnam, orang miskin di *Cambodia* makan beras *Cambodia* tetapi mereka tidak makan beras yang mutunya rendah. Konsepnya, apakah rakyat dalam negara kita masih kita teruskan program untuk memberi makan beras yang dianggap rendah kualiti yang sesuai pada waktu tersebut? Sekarang ini kita mesti bantu kalau ada orang miskin, benar-benar miskin, dia patut beli beras yang mutunya tinggi. Sama kalau dahulu kerajaan kata rumah kos rendah *Sulaiman Court* di Kuala Lumpur, satu buah bilik cukup.

Sekarang ini sekurang-kurangnya tiga buah bilik, *Sulaiman Court* mesti diruntuhkan dan mesti diberi yang lebih baik daripada apa yang ada untuk membantu orang miskin. Ini kerana tahap orang miskin 30 tahun dahulu mungkin berbeza dengan tahap orang miskin sekarang yang perlu diberikan keistimewaan dan layanan lebih baik lagi. Jadi, itu prinsipnya.

Oleh sebab itu, antara perkara yang perlu pihak kementerian berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan lagi ialah untuk memastikan benar ada orang menjadi sangat miskin, susah untuk mendapatkan beras. Nelayan, nelayan sudah ditingkatkan pendapatan mereka ataupun saraan hidup RM300. Boleh lebih sebab sekampit beras biasa RM25, dia boleh kalau dua buah kampil sekeluarga, RM50 bahagi RM300, naikkan RM300, dia lebih cukup memadai. Kita cari lagi orang miskin yang mana untuk kita berikan saraan supaya mereka dapat beras, supaya tidak ada orang dalam negara kita ini dikatakan miskin, lapar dan tidak boleh beli beras. Ini antara perkara-perkara mekanisme yang dicarikan kuantumnya, nilainya RM50 atau RM60, itu sedang dibincangkan dengan pihak Kementerian Kewangan sekarang ini.

Jadi, ada beberapa isu yang dikaitkan apa jadi kepada pemborong dan sebagainya. Logik pada asalnya, program ini diperkenalkan ialah pemborong memberikan servis. Sekiranya pemborong yang mendapat kuota 50 tan ataupun 100 tan, ia mesti dilihat bahawa dalam konteks ini, itu bukan *core business*. Ini kerana 50 tan, ia boleh menyelesaikan pengampitan dalam masa kira-kira 5 jam atau 6 jam dan itu bukan *core business* dia. Oleh sebab itu kita akan melihat perkara ini sekiranya ia benar-benar menjadi bebanan kepada orang yang benar-benar membina kilang untuk mengampit beras yang berkenaan dan sebagainya. Ini antara perkara yang ditimbang oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali bertanya tentang keupayaan kita dalam bidang pengeluaran...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa kita sekarang tepat pukul 7 malam, masih lagi banyak yang belum dijawab Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Kalau diizinkan, saya hantar bertulislah kepada yang lain ataupun hendak minta...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagikah yang belum dijawab?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Sedikit sahaja lagi. Saya boleh berikan terus secara bertulis. Kalau ada spesifik Ahli-ahli Yang Berhormat ingin saya jawab di sini, kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab. Kalau tidak, saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau dijawab, agaknya berapa lama Yang Berhormat? Kalau...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tadi isu yang pokok sudah diselesaikan. Lain itu merupakan cadangan-cadangan yang sebahagian saya terima. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tanya fasal perlu ada koperasi dan sebagainya. Sebenarnya sudah ada koperasi, ada FAMA dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Kalau macam itu, buatlah secara bertulis.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya. Secara bertulis sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka setakat itu dahululah sesi persidangan kita pada hari ini. Saya akan tangguhkan Dewan ini sekarang hingga jam 10 pagi Selasa, 15 Disember 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.]